

**PERANAN PEGUAM SYARIE DALAM  
MENGENDALIKAN KES MURTAD  
DALAM KALANGAN MUALAF:  
SUATU PENILAIAN**

**AIN MAWADDAH BINTI MOHD ADANAN**

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2015**

**PERANAN PEGUAM SYARIE DALAM  
MENGENDALIKAN KES MURTAD  
DALAM KALANGAN MUALAF:  
SUATU PENILAIAN**

**AIN MAWADDAH BINTI MOHD ADANAN**

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2015**

**PERANAN PEGUAM SYARIE DALAM  
MENGENDALIKAN KES MURTAD  
DALAM KALANGAN MUALAF:  
SUATU PENILAIAN**

**AIN MAWADDAH BINTI MOHD ADANAN**

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH  
(SECARA KURSUS DAN PENYELIDIKAN)**

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2015**

## **ABSTRAK**

Peguam Syarie adalah individu yang terbabit secara langsung dalam membantu Mahkamah Syariah membuat keputusan yang adil dan saksama terhadap kes murtad dalam kalangan Mualaf. Perwakilan guaman tersebut menyebabkan Mualaf lebih mudah terdorong untuk memfailkan kes di mahkamah kerana mereka dijamin untuk diberi bantuan guaman yang diperlukan sepanjang prosiding mahkamah. Oleh itu, kajian ini mengkaji kedudukan Peguam Syarie yang mengendalikan kes-kes murtad samada bersesuaian dengan prinsip Syariah atau tidak. Kajian ini juga membincangkan justifikasi perwakilan Peguam Syarie dalam kes murtad dalam kalangan Mualaf. Data utama kajian ini diperolehi melalui temubual dengan beberapa Peguam Syarie yang berpengalaman bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai justifikasi perwakilan dalam pengisytiharan status agama bagi Mualaf yang baru memeluk Islam. Selain itu, data lain diperoleh melalui dokumen kes yang difailkan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Analisis kajian membuktikan hukum perwakilan itu bergantung kepada tujuan dan perkara yang diwakilkan bukan pada tugas dan peranan peguam semata-mata. Menurut *fujqahā'*, perwakilan tidak sah sekiranya perkara yang diwakilkan itu terdiri daripada perkara-perkara yang tidak dibenarkan dalam syarak. Sebagai contoh, perwakilan kes murtad semata-mata jelas tidak dibenarkan oleh syarak. Walau bagaimanapun, perwakilan yang dilakukan untuk menentukan status agama anak guam adalah dibenarkan dalam Islam. Justeru, permintaan membantu golongan Mualaf untuk keluar Islam secara sewenang-wenangnya sewajarnya ditolak kerana permohonan murtad merupakan perkara yang tidak boleh dibuat oleh seorang Islam. Hasil kajian ini telah membuktikan bahawa perwakilan guaman dalam situasi ini adalah selaras dengan syariat Islam kerana ianya dilakukan untuk menentukan status agama Mualaf selepas

memeluk Islam dan bukannya membantu keluar Islam semata-mata. Kesimpulannya, peranan Peguam Syarie dalam mengendalikan kes tersebut merupakan satu keperluan dan kewajipan yang akan menyelesaikan akar masalah murtad dalam kalangan Mualaf. Oleh itu, Peguam Syarie bertanggungjawab untuk membantu mahkamah dan memberi cadangan yang perlu untuk memastikan keadilan dilakukan kepada pemohon. Tugas yang dilakukan ini selaras dengan etika, peranan dan tanggungjawab Peguam Syarie sepetimana yang ditetapkan dalam Arahan Amalan No.4 Tahun 2002.

## **ABSTRACT**

The Syarie Lawyer is a person involves directly in assisting the Syariah Court to pronounce a fair and just decision for the newly convert. With the representation of the lawyers, the convert might tempt to file a case in court because they are assured to be given a full legal assistance required during the court proceedings. Hence, this research examines the position of Syarie Lawyer who handle apostasy cases whether they are compatible with the Syariah principle or not. This research also discuss the justification of Syarie Lawyer's representation in accordance with the law as well as the implications of their representation in such case. Main data of this research are obtained through the interviews with several experienced Syarie Lawyers to gauge their opinions on justification of representation in the declaration of the status of newly Convert's religion. The other data is acquired through documentations of the cases filed at the Federal Territory Syariah Court. The analysis has shown that the legality of the representation according to the Syariah depends on the intention and the nature of the representation and not on their duty and role as a lawyers *per se*. According to the *fugahā'* the representation is invalid if the nature of representation consists of the matters that is not permitted by the Syariah. For example, apostasy's representation clearly is not permitted by the Syariah. However, the representation to determine the client's status of religion is permitted according to the Syariah. Thus, the request for the lawyers to assist the newly Converts to apostasy due to the whims and fancy of the Converts is not permitted by the Syariah. The finding of this research has shown that Syarie Lawyers suggested that their representation in this situation is in line with the Islamic Law as they are carried out purposely to assist the Converts to determine the *status quo* of their religion after conversion to Islam and not helping them converting

out of Islam *per se*. As a conclusion, the role of Syarie lawyer in representing such case is done out of necessity in order to solve the root cause of problem. Thus the Syarie Lawyer has the duty to assist the court and make necessary recommendation in order to ensure justice done to the applicant. This is further, in accordance with ethics, role and responsibility of Syarie Lawyer as prescribed in the Practice Direction No. 4 of 2002.

## PENGHARGAAN

*Alhamdulillahi Rabbil 'Ālamīn*, setinggi-tinggi lafaz kesyukuran yang dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana segala limpah kurnia dan inayah-Nya serta keizinan dari-Nya, maka akhirnya saya berjaya menyempurnakan penulisan disertasi ini dengan lengkap dan jayanya serta mememuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.

Jutaan Terima Kasih yang tidak terhingga kepada Dr Narizan Binti Abdul Rahman selaku penyelia bagi disertasi saya ini di atas kesudian beliau meluangkan masa menyemak serta segala tunjuk ajar dan nasihat yang telah diberikan. Segala kritikan yang membina dan ilmu yang beliau curahkan akan sayajadikan pedoman dan panduan pada masa hadapan. Syukran Jazilan Dr.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Tuan Musa Awang selaku Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), Tuan Abu Suffian Bin Abu Yaziz selaku Pegawai Penyelidik, Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Puan Nik Norliza Binti Kamaludin selaku Penolong Pengarah Cawangan Saudara Baru Bahagian Pengurusan Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Tuan Abdullah Bin Abu Mat Suaud selaku Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Puan Nurul Syuhada Binti Md Lazim selaku Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Cik Izzah Hannani Suhaimi selaku Pegawai Syariah, Puan Sa'adiah Din selaku Peguambela dan Peguamcara, Encik Zulkifli Che Yong selaku Peguambela dan Peguamcara, Ustaz Mohd Nor Mohd Din selaku Peguambela dan Peguamcara, Dato' Zaidi Zain selaku Peguam Syarie, Encik Ab Kadir Ismail selaku Peguambela dan Peguamcara, Encik Zaini Zainol selaku Peguambela dan Peguamcara, Encik Faiz Adnan selaku Peguam Syarie, Cik Nur Irma Faizurah Binti Salim selaku Peguam Syarie, Puan Norshahila Binti Md Basir selaku Peguam Syarie, Cik Siti Aminah Binti Adnan selaku Peguam Syarie, Cik Sharifah Suhailey Syed Aziz selaku Peguam Syarie dan Cik Nur Zulfah Binti Md Abdul Salam selaku Peguam Syarie. Mereka terlibat secara langsung dalam usaha penulis menyiapkan disertasi ini dengan memberi kerjasama bagi proses temubual dan mendapatkan segala bahan-bahan yang berkaitan serta memberikan tunjuk ajar dan memberi kefahaman kepada saya mengenai realiti sebenar amalan guaman syarie kini.

Sekalung budi ucapan ditujukan buat ayahanda yang sentiasa dikasihi Mohd Adanan Bin Isman yang banyak membantu memberi pandangan di dalam menyiapkan disertasi ini, serta ibunda yang amat disayangi Aliah Binti Othman di atas segala pengorbanan yang diberikan dari segi dorongan, semangat serta nasihat kepada penulis agar terus berjuang menghadapi segala rintangan dan permasalahan di dalam menyiapkan disertasi ini.

Tidak lupa buat rakan-rakan seperjuangan lain yang memberikan semangat dan sokongan yang penuh serta kritikan yang membina di kala menghadapi kesulitan dalam menyempurnakan disertasi ini. Terima kasih diucapkan kepada semua. Sesungguhnya kenangan bersama kalian akan terus terpahat di hati menjadi memori indah di sanubari buat selamanya, *Jazākumullahu Khairā Kathīrā*.

Ain Mawaddah Binti Mohd Adanan  
No 19 Jalan Bawal Hitam, Taman Sri Gadong,  
41100 Klang, Selangor Darul Ehsan.

[ainmawaddah86@gmail.com](mailto:ainmawaddah86@gmail.com)

## ISI KANDUNGAN

<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	vii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL DAN RAJAH</b>	x
<b>PANDUAN TRANSLITERASI</b>	xi
<b>SENARAI KEPENDEKAN</b>	xii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiii
<b>SENARAI STATUT</b>	xiv
<b>SENARAI KES</b>	xv
<b>SUSUNAN BAB</b>	
 <b>BAB SATU: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latarbelakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif	7
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Ulasan Kajian Lepas	8
1.8 Skop Kajian	18
1.9 Metodologi Kajian	19
1.9.1 Metod Pengumpulan Data	19
1.9.1.1 Penyelidikan Kepustakaan	19
1.9.1.2 Penyelidikan Lapangan	20
1.9.1.2.1 Temubual	20
1.9.1.2.2 Dokumentasi	21
1.9.2 Metod Analisis Data	21
1.9.2.1 Metod Induktif	21
1.9.2.2 Metod Deduktif	22
1.9.2.3 Metod Komparatif	22
1.10 Susunan Bab	23
1.11 Kesimpulan	25
 <b>BAB DUA: KONSEP PERWAKILAN MENURUT ISLAM DAN UNDANG-UNDANG</b>	
2.1 Pengenalan	27
2.2 Konsep Perwakilan Menurut Islam	28
2.2.1 Konsep Keadilan Sebagai Asas Guaman	28
2.2.2 Konsep <i>al-Wakālah bi al-Khuṣūmah</i>	34
2.2.3 Perkara Yang Boleh Diwakilkan	44
2.3 Konsep Perwakilan Menurut Undang-Undang	49
2.3.1 Kehadiran Peguam Syarie Di Mahkamah Syariah	49
2.3.2 Situasi Kes Yang Boleh Diwakilkan	52

## **BAB TIGA: JUSTIFIKASI PERWAKILAN PEGUAM SYARIE DALAM KES MURTAD MELIBATKAN MUALAF**

3.1	Pengenalan	60
3.2	Justifikasi Peguam Syarie Dalam Mengendalikan Kes Murtad	61
	3.2.1 Tafsiran Peruntukan Undang-Undang	61
	3.2.2 Prinsip Berguam	71
	3.2.3 Hujah Peristiwa Perjanjian Hudaibiyah	75
	3.2.4 Rujukan Pandangan Mufti	77
3.3	Kesimpulan	78

## **BAB EMPAT: IMPLIKASI PERANAN PEGUAM SYARIE DALAM PERWAKILAN KES MURTAD MUALAF DI MAHKAMAH SYARIAH**

4.1	Pengenalan	81
4.2	Peranan Peguam Syarie Dalam Perwakilan Kes Murtad	82
	4.2.1 Pengemukaan Hujah Dan Keterangan Di Mahkamah	82
	4.2.2 Kaunselor Atau Penasihat Kepada Anak Guam	84
	4.2.3 Membantu Mahkamah Membuat Keputusan Yang Adil	86
	4.2.3.1 Bantuan Dari Aspek Prosedur Mahkamah	86
	4.2.3.2 Pengemukaan Bukti Di Mahkamah	90
	4.2.3.3 Memastikan Perintah Yang Wajar Dan Adil	92
4.3	Implikasi Peranan Peguam Syarie Dalam Mengendalikan Kes Murtad Dalam Kalangan Mualaf	98
	4.3.1 Menyampaikan Dakwah	98
	4.3.2 <i>Maqāṣid Syariah</i>	99
	4.3.3 Undang-Undang	103
4.4	Kesimpulan	104

## **BAB LIMA: PENUTUP**

5.1	Pengenalan	106
5.2	Rumusan	106
5.3	Cadangan Dan Saranan	110
	5.3.1 Penggubalan Dan Penyeragaman Undang-Undang	110
	5.3.2 Proses Pemelukan Islam Yang Jelas Dan Sistematik	119
	5.3.3 Pemacuan Kehendak Politik ( <i>Political Will</i> )	121
	5.3.4 Membaikpulih Sistem	121
5.4	Penutup	123

## **SENARAI JADUAL DAN RAJAH**

- Jadual 3.1 Statistik Kes Pengisytiharan Status Agama Seseorang Mengikut Negeri
- Jadual 3.2 Peruntukan Undang-Undang Mengenai Kes Pengisytiharan Status Agama
- Jadual 4.1 Statistik Kes Pengisytiharan Status Agama Islam Mengikut Tahun Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan
- Rajah 4.1 Graf Perbandingan Jumlah Kes Pengisytiharan Status Agama Islam Berdasarkan Status Permohonan Yang Diluluskan Dan Ditolak

## PANDUAN TRANSLITERASI

### Konsonan

Arab	Roman
ا ،	a, ’
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ

Arab	Roman
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h,t

### Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـ (fathah)	a	قَنَّاتٌ	<i>qanata</i>
ـ (kasrah)	i	سَلِيمٌ	<i>salima</i>
ـ (dommah)	u	جُعْلٌ	<i>ju ‘ila</i>

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـى	ā	كُبْرَى / بَابٍ	<i>bāb / kubrā</i>
ـي	ī	وَكِيلٌ	<i>wakīl</i>
ـو	ū	سُورَةُ	<i>sūrah</i>

### Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـؤـ	aw	قَوْلٌ	<i>qawl</i>
ـئـ	ay	خَيْرٌ	<i>khayr</i>
ـؤـ	uww	فُؤَادٌ	<i>quwwah</i>
ـئـ	iy, ī	عَرَبِيٌّ	<i>‘arabiyy/ī</i>

## **SENARAI KEPENDEKAN**

SWT	<i>Subhānahu wa ta 'āla</i>
SAW	<i>Sallallahu 'alaihi wa sallam</i>
OKT	Orang Kena Tuduh
VS / V	<i>Versus</i>
CLJ	<i>Current Law Journal</i>
JH	Jurnal Hukum
ED.	Editor
ET AL.	<i>And Others</i>
LWN	Lawan
ORS	<i>Others</i>
&	<i>And</i>
@	<i>Alias</i>
MLJ	<i>Malayan Law Journal</i>
ANOR	<i>Another</i>
JHEAINS	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
MAIWP	Majils Agama Islam Wilayah Persekutuan
SDN BHD	Sendirian Berhad
PGSM	Persatuan Peguam Syarie Malaysia
PPMM	Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia

## **SENARAI LAMPIRAN**

- LAMPIRAN A: MNMD/UK1432(75)MRS(JB)11 : Mufti Negeri Johor kepada Mohd Nor Mohd Din & Associates, 15 September 2011.
- LAMPIRAN B: Surat Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang kepada penulis, 19 Januari 2013.
- LAMPIRAN C: (70) Mufti Sel. 400-26. Surat Mufti Negeri Selangor kepada penulis, 15 April 2014.

## **SENARAI STATUT**

- Perlembagaan Persekutuan.
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993, (Akta No. 505, 1993).
- Akta Profesional Undang-Undang 1976 (Akta 166).
- Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1997, (Akta 560, 1997).
- Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1998, (Akta 585, 1998).
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1984, (Akta 303, 1984).
- Arahan Amalan No.4 Tahun 2002.
- Arahan Amalan No.2 Tahun 2000.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud & Qisas) 2002 (Terengganu) (No. 4/2002).
- Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 (No. 6/1991).
- Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 (No. 4/1994).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (No. 16/2003).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 (No. 7/2002).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (No. 4/2004).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (No. 1/ 2003).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (No. 10/2003).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (No. 4/2004).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis) 2006 (No. 4/2006).
- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 Pahang (No. 3/1991).
- Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 (No.14/2003).
- Enakmen Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah II 1993 (Kelantan).
- Kaedah-Kaedah Peguam Syarie 1993 (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (P.U. (A) 408/1993).

## **SENARAI KES**

### **Kes Yang Dilaporkan.**

*Che Omar Bin Che Soh v. Public Prosecutor* [1988] 2 MLJ 55.  
*Hassan bin Yaakob lwn. Pendakwa Syariah Kelantan* (1984) 5 JH 142.  
*In Re Susie Teoh dan Teoh Eng Huat lwn Kadhi Pasir Mas Kelantan & Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu, Kelantan* (1990) 7 JH 19.  
*Lina Joy vs Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan* [2007] 3 CLJ 577.  
*Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Ors* [2005] 6 MLJ 193.  
*Majlis Agama Islam Pulau Pinang lwn. Siti Fatimah Tan binti Abdullah* (2009) 27 JH 185  
*Majlis Agama Islam Negeri Sembilan lwn Hun Mun Meng* (1994) 9 JH 109.  
*Md. Hakim Lee lawan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan* [1998] 1 MLJ 681.  
*Meor Atiqulrahman Ishak & Yang Lain lwn. Fatimah Sihi & Yang Lain* [2000] 1 CLJ 393.  
*Mohamed Habibullah bin Mahmood lwn. Faridah bt. Dato Talib* (1994) 9 JH 23.  
*Pendakwa Mahkamah Syariah Perak lwn Shah Pandak Othman* (1992) 8 JH 99.  
*Permohonan Perisytiharan Status Agama Janisah binti Abd Rahim @Bigul* (2006) 22 JH 67.  
*Permohonan Perisytiharan Status Agama Islam Simati Nelson William Johny @Khairulzain Johny Abdullah* (2006) 22 JH 71.  
*Re Timah Binti Abdullah* [1941] 10 MLJ 51.  
*Soon Singh a/l Bikar Singh lwn. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah & Anor* [1999] 1 MLJ 489.

### **Kes Yang Tidak Dilaporkan.**

Kes Saman No: 14600-043-0360-2007.  
Kes Saman No: 14100-043-0158-2007.  
Kes Saman No: 14600-043-0429-2009.  
Kes Saman No: 14100-043-0348-2009.  
Kes Saman No: 14100-043-0126-2009.  
Kes Saman No: 14600-043-0044-2010.

## **BAB SATU:**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Undang-undang Islam adalah ciptaan Allah SWT yang sesuai diaplikasikan pada setiap masa dan tempat. Oleh sebab itu, undang-undang Islam tidak berubah malah kekal hingga sekarang, manakala undang-undang ciptaan manusia sentiasa menerima perubahan mengikut masa dan tempat serta kemahuan orang yang membuat undang-undang.

Menurut pandangan Islam, manusia adalah setaraf dan tidak ada perbezaan antara yang berpangkat tinggi atau rendah, miskin atau kaya, pihak berkuasa atau rakyat biasa. Justeru setiap kezaliman mahupun penganiayaan yang melibatkan sesiapa sahaja hendaklah dihapuskan. Firman Allah SWT seperti berikut:

كَيْفَ يَهْدِي اللَّهُ قَوْمًا كَفَرُوا بَعْدَ إِيمَانِهِمْ وَشَهِدُوا أَنَّ الْرَّسُولَ حَقٌّ وَجَاءَهُمْ  
الَّذِينَ تُّرْكَبُتْ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ

Ali-'Imran 3: 86

Terjemahan: Bagaimana Allah akan memberi petunjuk hidayah kepada sesuatu kaum yang kufur ingkar sesudah mereka beriman, dan juga sesudah mereka menyaksikan bahawa Rasulullah (Nabi Muhammad) itu adalah benar, dan telah datang pula kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata. Dan ingatlah, Allah tidak akan memberikan petunjuk hidayah-Nya kepada kaum yang zalim.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Kuala Lumpur: Dar Al-Fikr, 1998), 30: 115.

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Allah tidak menyukai setiap kezaliman yang berlaku di muka bumi ini. Setiap hak yang melibatkan hak individu, kumpulan atau masyarakat wajib dilindungi daripada pencerobohan. Oleh itu, peranan institusi kehakiman Islam merupakan sesuatu yang penting dalam Islam yang mana ianya menyelesaikan pertelingkahan pihak-pihak yang bertelingkah sama ada secara individu mahupun berkelompok.

Antara kumpulan manusia yang bertanggungjawab memikul tanggungjawab ini ialah hakim, peguam, penguatkuasa dan pelaksana undang-undang. Manakala, tanggungjawab untuk mewakili kes individu ke mahkamah terletak pada Peguam Syarie di mana fungsinya ialah membela dan mewakili anak guam yang menaruh harapan terhadap mereka di mahkamah supaya keadilan dapat dicapai dan kezaliman dapat dielakkan.

Guaman syarie penting dalam aspek perundangan Islam kerana tanggungjawab yang digalas mempunyai kepentingan memelihara dan menjamin hak individu dan hak masyarakat. Oleh itu, Peguam Syarie perlu mempunyai kelayakan dan kepakaran dalam memahami prosedur-prosedur di mahkamah supaya keadilan pihak-pihak boleh ditegakkan. Di samping itu, konsep guaman syarie hendaklah terus diaplikasikan dan diamalkan dengan adanya pengawasan dan kawalan seperti yang telah diperuntukkan di dalam etika guaman syarie menurut perundangan Islam.

## **1.2 Latarbelakang Kajian**

Dalam konteks Mahkamah Syariah, Peguam Syarie merupakan individu yang mewakili pihak yang bertikai di mahkamah yang berkaitan dengan undang-undang keluarga,

harta, pusaka, jenayah dan sebagainya. Seorang peguam juga mempunyai kewajipan untuk membantu seseorang yang tidak berasib baik dan teraniaya sehingga mereka memperoleh kembali hak yang patut diperolehi mereka mengikut neraca keadilan. Anak guam biasanya mengharapkan khidmat sepenuhnya daripada peguam agar dia boleh memenangi kes atau jika disabitkan kesalahan, hukuman ke atasnya boleh diketepikan atau diringankan melalui proses rayuan ke mahkamah yang lebih tinggi. Mereka juga berperanan membantu mahkamah secara langsung dalam perbicaraan sesuatu kes berlandaskan prinsip keadilan.<sup>2</sup>

Maka kepakaran dan kelayakan Peguam Syarie sangat penting ketika mengendalikan kes-kes yang rumit dalam bidang tersebut khususnya, yang melibatkan undang-undang jenayah syariah. Justeru, hanya Peguam Syarie yang mempunyai kepakaran dan pengalaman boleh mengendalikan kes-kes sebegini.

Isu ini berbangkit terutamanya dalam kes-kes permohonan murtad dalam kalangan Mualaf. Antara isu yang menarik perhatian pengkaji ialah apabila terdapat beberapa Peguam Syarie mewakili kes permohonan murtad dalam kalangan Mualaf. Hasil kajian Muhammad Azam Muhammad Adil menyatakan bahawa jumlah peratusan peguam yang mewakili pemohon dalam kes “pengisytiharan status agama seseorang itu bukan lagi orang Islam” ialah sebanyak 53%, manakala kes permohonan yang tidak diwakili oleh peguam berjumlah 26%.<sup>3</sup> Ini menunjukkan peratusan peguam dalam mewakili kes pemohon lebih tinggi daripada kes pemohon tanpa perwakilan peguam.

---

<sup>2</sup> Daud Bin Muhammad, “Peguam Syarie Dalam Institusi Qada,” *Jurnal Hukum* 26, 2 (September, 2008), 137.

<sup>3</sup> Muhammad Azam Muhammad Adil, “Senario Dan Sebab-Sebab Permohonan Perisytiharan Bukan Lagi Seorang Islam” (Kertas Kerja Muzakarah Pakar 2011 Menangani Isu Murtad Anjuran Jabatan Mufti Negeri Selangor, Dewan Seminar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, 12 Oktober 2011), 11.

Dapatkan data di atas menunjukkan bahawa peningkatan jumlah kes murtad setiap tahun antara lainnya turut disumbangkan oleh peranan peguam. Ketinggian peratusan kes yang diwakili peguam berbanding kes yang tidak diwakili peguam amat jelas mempunyai kaitan dengan pertambahan jumlah kes murtad yang difailkan setiap tahun. Sekiranya majoriti kes tidak diwakili peguam, kemungkinan peningkatan kes tidak berlaku secara konsisten dari tahun ke tahun.<sup>4</sup>

Ini kerana, dengan adanya perwakilan daripada para peguam, individu yang berkenaan didapati lebih mudah terdorong untuk memfailkan kes mereka di mahkamah kerana mereka akan diberi bantuan guaman yang diperlukan sepanjang prosiding mahkamah dijalankan. Dengan perwakilan peguam juga, kebarangkalian untuk kes dibuang atas salah aturan dan sebagainya menjadi semakin rendah dan seterusnya ini dapat mendorong individu lain yang berkenaan memfailkan kes mereka di mahkamah.<sup>5</sup>

Tindakan mewakili kes tersebut di mahkamah itu sedikit sebanyak memberi ruang dan galakan kepada mereka yang hendak keluar daripada agama Islam khususnya dalam kalangan Mualaf.<sup>6</sup> Sedangkan para Peguam Syarie bertanggungjawab membantu golongan Mualaf memelihara akidah mereka. Malah, terdapat dakwaan yang menyatakan bahawa, oleh kerana mengejar keuntungan terdapat Peguam Syarie yang sanggup menggadaikan prinsip dan maruah agama sendiri dengan membantu golongan Mualaf yang ingin memohon pengisytiharan keluar daripada Islam.<sup>7</sup>

<sup>4</sup> Mohamed Azam Mohamed Adil, Zaleha Kamaruddin, Sahari Nordin, Nik Ahmad Hisham, Hasan Bahrom, Fauziah Moh Nor, Nurhani Salwa Jamaluddin dan Juraish Kamaruddin, “Murtad Dan Kebebasan Beragama: Satu Kajian Kes Di Selangor” (Kajian Yang Dikemukakan Kepada Majlis Agama Islam Selangor, Disember 2010), 94-95.

<sup>5</sup> *Ibid.*, 95.

<sup>6</sup> Nik Norliza Binti Kamaludin, Penolong Pengarah Cawangan Saudara Baru Bahagian Pengurusan Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Dalam temubual dengan penulis, 7 November 2012.

<sup>7</sup> Perkara ini telah didedahkan oleh Pegawai Mualaf Islam, Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Perak iaitu Hafiz Ng Abdullah di dalam akhbar Harian 33Metro. Lihat Hayati Ibrahim, “Jual Agama Peguam Syarie Bantu Saudara Seagama, Mualaf Murtad Diselar,” *Harian Metro*, 5 Oktober 2012, 25.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Kes-kes murtad semakin meningkat di Mahkamah Syariah yang mana data menunjukkan sebanyak 863 kes permohonan untuk menukar agama dari tahun 2000 hingga 2010 difaikkan di Mahkamah Syariah.<sup>8</sup> Secara umumnya, sebahagian besar permohonan yang direkodkan terdiri daripada golongan Mualaf.<sup>9</sup> Misalnya, di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, puluhan perbicaraan dan sebutan kes permohonan murtad Mualaf sedang berlangsung. Lazimnya, mahkamah akan memberi kebenaran untuk meluluskan permohonan mereka secara percuma sahaja<sup>10</sup> tanpa sebarang hukuman, sedangkan Islam telah menetapkan beberapa prosedur bagi sesiapa yang murtad.

Pun begitu, tindakan untuk mengawal jumlah permohonan murtad ini adalah penting. Justeru peruntukan undang-undang mengenai mereka yang keluar daripada agama Islam, sekurang-kurangnya boleh mengawal bilangan orang yang hendak murtad. Di samping itu, mahkamah akan memberi kebenaran secara wajar bersama dengan hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang. Ini adalah kes serius yang dikendalikan oleh Peguam Syarie dalam membela golongan tersebut dalam permohonan keluar dari agama Islam.

Hal ini adalah disebabkan, terdapat salah paham sesetengah pihak mengenai prosedur permohonan keluar Islam. Ada yang menganggap bahawa Mahkamah Syariah

---

<sup>8</sup> “Jamil Khir: Permohonan Murtad 135 orang diluluskan”, laman sesawang *Malaysiakini*, dikemaskini 14 Jun 2011, dicapai 19 Mac 2012, <http://www.malaysiakini.com/news/166920>.

<sup>9</sup> Hamizah Basir, “686 Permohonan Murtad Direkod”, laman sesawang *Sinar Harian*, dikemaskini 8 Januari 2012, dicapai 19 Mac 2012, <http://www.sinarharian.com.my/nasional/686-permohonan-murtad-direkod-1.17020>.

<sup>10</sup> Khairuddin Haiyon, “Murtad Saudara Baru”, dicapai 28 September 2011, laman sesawang *Jais*, [http://www.jais.gov.my/index.php?option=com\\_content&task=view&id=944&itemid=1](http://www.jais.gov.my/index.php?option=com_content&task=view&id=944&itemid=1).

yang telah mengesahkan bahawa seseorang itu murtad. Sedangkan Mahkamah Syariah tidak pernah mengisyiharkan seseorang itu murtad tetapi membuat pengisyiharan status agama seseorang itu. Penggunaan istilah murtad juga tidak digunakan di dalam mana-mana enakmen negeri-negeri malahan terdapat dengan jelas menyatakan permohonan merujuk kepada pengisyiharan status agama Islam.<sup>11</sup>

Oleh itu, kajian ini diketengahkan untuk menghuraikan dan mendedahkan tafsiran peruntukan undang-undang terhadap perwakilan Peguam Syarie dalam kes tersebut. Selain itu, sejauhmanakah Peguam Syarie dibolehkan mewakili kes murtad dan adakah perwakilan tersebut menepati kehendak syariat. Pengkaji berpendapat Peguam Syarie yang mewakili anak guam mereka di dalam kes murtad dalam kalangan Mualaf kini semakin mendapat perhatian masyarakat dan implikasinya profesi guaman syarie juga turut mendapat perhatian luar biasa masyarakat keseluruhannya.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Berdasarkan kepada tinjauan dari perspektif perwakilan Peguam Syarie dalam kes murtad, beberapa persoalan yang berbangkit adalah seperti berikut:

1. Sejauhmanakah Peguam Syarie dibolehkan mewakili kes murtad dan adakah perwakilan tersebut menepati kehendak syariat?
2. Apakah justifikasi perwakilan dalam kes murtad yang diberikan oleh Peguam Syarie menepati konsep dan prinsip asas kepeguanan syarie?

---

<sup>11</sup> Zulkifli Hasan dan Norfadhilah Mohd Ali, “Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Undang-Undang Di Malaysia,” *Shariah Law Reports* 1 (Jan-Mac 2007): 50-51.

3. Bagaimana Peguam Syarie memainkan peranan dalam mempengaruhi keputusan mahkamah membuat penghakiman yang adil kepada golongan Mualaf?
4. Apakah implikasi peranan Peguam Syarie dalam mengendalikan kes tersebut?

Kajian ini cuba merungkai dan mengupas perwakilan Peguam Syarie dalam kes murtad secara mendalam melalui persoalan-persoalan yang diketengahkan seperti di atas.

### **1.5 Objektif**

Kajian ini mempunyai beberapa objektif, seperti berikut:

1. Mengkaji konsep perwakilan Peguam Syarie menurut Islam dan undang-undang.
2. Mengenengahkan justifikasi perwakilan Peguam Syarie dalam kes murtad dalam kalangan Mualaf di Mahkamah Syariah.
3. Menganalisis peranan Peguam Syarie dalam mengendalikan kes-kes murtad dalam kalangan Mualaf.
4. Menganalisis implikasi penglibatan Peguam Syarie semasa mewakili anak guam mereka dalam kes-kes murtad dalam kalangan Mualaf.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Hasil daripada penulisan ini akan menentukan samada perwakilan Peguam Syarie dalam kes murtad tersebut diharuskan atau bertentangan dengan prinsip-prinsip kepeguanan Islam. Malah, kajian ini membantu memperkayakan khazanah penulisan mengenai Peguam Syarie. Justeru itu, penulis menghuraikan peranan Peguam Syarie dalam

membantu mahkamah membuat keputusan dalam kes murtad dalam kalangan Mualaf sebagaimana yang digariskan dalam prinsip-prinsip Islam.

Kajian ini juga dapat memberi maklumat kepada pihak-pihak yang berkaitan seperti Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Persatuan Peguam Syarie Malaysia dan Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia dalam memperolehi data yang tepat dan padat serta mengemukakan cadangan dan penyelesaian untuk mengatasi masalah dan halangan yang dihadapi oleh Peguam Syarie dalam mengendalikan kes murtad.

### **1.7 Ulasan Kajian Lepas**

Perbincangan mengenai isu Peguam Syarie ini telah dikupas oleh ahli perundangan dan ahli akademik melalui perbincangan ilmiah dan telah dibentang dalam seminar. Kebanyakan penulisan dan kajian mengenai isu Peguam Syarie memfokuskan perbincangan mengenai aspek-aspek konsep guaman di dalam Islam yang merangkumi prinsip wakalah, sejarah profesion guaman dan peranan peguam pada zaman sahabat. Selain itu, aspek-aspek amalan guaman syarie di Malaysia turut dikupas yang mengandungi ketidakseragaman pentadbiran Peguam Syarie, kelayakan, proses pelantikan, fungsi dan peranan Peguam Syarie dalam perbicaraan, masalah dan cabaran, serta langkah untuk mengatasinya.

Oleh yang demikian, dalam mengulas penulisan-penulisan terdahulu, penulis telah membahagikan kepada beberapa aspek perbincangan berbangkit dalam kajian ini yang menyentuh secara menyeluruh iaitu amalan guaman syarie dalam Islam seperti peranan dan tugas seorang peguam, konsep asas guaman syarie iaitu prinsip keadilan

dan prinsip wakalah yang mengandungi perkara yang boleh diwakilkan oleh Peguam Syarie serta etika guaman syarie.

Sejarah membuktikan bahawa sistem penghakiman yang dilaksanakan pada zaman Arab Jahiliah adalah kurang sistematik yang berbeza dengan profesion peguam yang wujud pada hari ini lebih sistematik. Pada zaman tersebut sistem pengadilan mereka diketuai oleh orang tengah yang akan dilantik oleh dua pihak yang bertikai dan keputusan yang dibuat oleh orang tengah ini akan diterima dengan hati yang terbuka. Namun, amalan mewakilkan kes kepada seseorang bukanlah sesuatu yang asing.

Sebagai contoh, peranan yang pernah dimainkan oleh Saidina Ali dalam kes perempuan yang berikrar di hadapan Khalifah Umar bahawa dia telah melakukan zina. Akhirnya perempuan ini telah dibebaskan dan ikrarnya di mahkamah diketepikan.<sup>12</sup> Selain itu, Ka'ab telah berjaya membantu Khalifah Umar memahami pengaduan yang dibuat oleh seorang perempuan mengenai suaminya yang gagal memberikan layanan yang wajib terhadapnya.<sup>13</sup> Di samping itu, Ibnu Abbas telah membela perempuan yang telah pun disabitkan kesalahan melakukan zina dan hendak direjam oleh Khalifah Uthman. Dengan pembelaan tersebut Khalifah Uthman telah membetulkan hukuman yang telah dijatuhkan dengan membebaskan perempuan tersebut.<sup>14</sup>

Dengan kepakaran yang ada mereka berjaya meyakinkan hakim untuk mengubah keputusan tersebut dengan memberikan fakta dan hujah yang berasaskan ilmu pengetahuan seperti Hukum Syarak. Pandangan ini disokong oleh

<sup>12</sup> Ibnu Qayyim Al-Jawziyyah, *At-Turuq al-Hukumiyyah*, (Al-Qāhirah: al-Muassisah al-'Arabiyyah, 1961), 79.

<sup>13</sup> Ahmad Abdul Muniem al-Bahai, "Tārīkh al-Qaḍā'fi al-Islam, (Mesir: Maṭba‘ah Lajnah al-Bayān al-Arabi, 1965), 110.

<sup>14</sup> Abi Bakr, Muhammad bin Abdullah, Ibn Arabi, *Aḥkām al-Quran*, (Mesir: Maṭba‘ah ‘Isa al-Bābi al-Halabi, 1967), 4:1685.

penulisan Daud Muhammad,<sup>15</sup> Mohamed Azam Mohamed Adil,<sup>16</sup> Mahmud Saedon Awang Othman<sup>17</sup> dan Ahmad Mohamed Ibrahim.<sup>18</sup> Penulisan-penulisan tersebut telah membincangkan bahawa sistem penghakiman yang dilaksanakan pada zaman Arab Jahiliah adalah tidak bersistem, namun perjalanan sesuatu kes yang diselesaikan tetap berjalan dengan lancar.

Dalam konteks Malaysia, profesi guaman syarie yang wujud pada hari ini lebih sistematik. Hal ini kerana, guaman syarie secara umum menjadi salah satu profesi yang dikawal mengikut Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam negeri-negeri yang memerlukan satu kaedah yang perlu diikuti oleh Peguam Syarie iaitu tertakluk di bawah peruntukan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie.

Sebagai contoh, kaedah 10 telah menetapkan tahap pengetahuan dan kualiti yang perlu ada pada seseorang yang ingin memohon untuk menjadi Peguam Syarie. Seseorang Peguam Syarie hendaklah seorang Islam dan mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia untuk melayakkannya digelar Peguam Syarie. Seorang Peguam Syarie yang dilantik hendaklah memiliki Sijil Peguam Syarie dan pelantikannya sebagai Peguam Syarie hendaklah terlebih dahulu diisytiharkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.<sup>19</sup>

---

<sup>15</sup> Daud Bin Muhammad, “Peguam Syarie Dalam Institusi Qada,” 137-168.

<sup>16</sup> Mohamed Azam Mohamed Adil , “Peguam Syarie: Masa Depan Dan Cabarannya Di Malaysia,” *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia* (Mac, 1996), 1-16.

<sup>17</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, “Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya,” *Jurnal Hukum* 8, 2 (Ogos, 1993), 191-223.

<sup>18</sup> Abdul Monir Yaacob, “Etika Peguam Menurut Perspektif Islam,” dalam *Etika Hakim Dan Peguam*, ed. Abdul Monir Yaacob (Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2000), 117-148.

<sup>19</sup> Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993 (Akta no.505, 1993.

Walaupun begitu, Abdullah Abu Bakar<sup>20</sup> menjelaskan bahawa mereka yang mahir dan berkelulusan undang-undang belum tentu boleh memainkan peranan sebagai seorang Peguam Syarie di Mahkamah Syariah. Hal ini disebabkan oleh pengetahuan dan kualiti seorang peguam seharusnya sama seperti diamalkan pada zaman para sahabat iaitu berpengetahuan luas dalam Fiqh Islam yang menjadi undang-undang asas dan sumber rujukan paling utama di samping memerlukan pengetahuan mengenai keterangan dan prosedur yang terpakai di Mahkamah Syariah.

Kenyataan Abdullah Abu Bakar ini disokong oleh Md Zawawi Abu Bakar,<sup>21</sup> yang menyatakan bahawa kelayakan dan kewibawaan seorang Peguam Syarie perlu diberi perhatian kerana tugas utama Peguam Syarie ialah membantu Hakim Syarie mendapatkan fakta, bukti, dalil, nas dan sebagainya yang berkaitan sebelum membuat sesuatu penghakiman. Tanpa asas syariah Peguam Syarie akan merasai kesukaran ketika mengendalikan kes-kes syariah, meskipun mempunyai kelebihan berkaitan prosedur perbicaraan atau undang-undang acara bagi sesuatu kes di Mahkamah Syariah.<sup>22</sup>

Tugas dan peranan Peguam Syarie tersebut berlandaskan prinsip asas guaman Islam iaitu prinsip keadilan dan prinsip wakalah. Berdasarkan penelitian dan observasi Mahmud Saedon Awang Othman<sup>23</sup> dan Daud Muhammad,<sup>24</sup> prinsip keadilan adalah satu aspek penting yang merupakan tunjang utama dalam kerjaya tersebut supaya kredibiliti dan kemampuan mereka tidak dipertikaikan apabila mewakili anak guam dalam kes mereka.

<sup>20</sup> Abdullah Abu Bakar, “Guaman Syar’i: Antara Teori Dan Praktikal,” dalam *Al-Ahkam Penghakiman Dan Kepeguaman*, ed. Ahmad Ibrahim et.al., (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2000), 77

<sup>21</sup> Md Zawawi Abu Bakar , “Isu-isu Peguam Syarie Di Malaysia,” *Jurnal Syariah* 2, 1 (Januari, 2003), 109-133.

<sup>22</sup> *Ibid.*, 119.

<sup>23</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, “Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya,” 192.

<sup>24</sup> Daud Bin Muhammad, “Peguam Syarie Dalam Institusi Qada,” 144.

Terdapat dua aspek yang perlu ditekankan, iaitu pertama sama ada anak guam yang mengemukakan kesnya adalah benar-benar bertujuan untuk menuntut keadilan atau sebaliknya dan kedua, sama ada Peguam Syarie yang bertindak membantu dan membela anak guam mereka adalah benar-benar ingin menuntut keadilan atau sebaliknya. Apabila disebut mengenai prinsip keadilan, ianya merupakan asas guaman Islam supaya diberikan hak kepada yang berhak. Justeru itu, penghayatan terhadap prinsip keadilan seperti yang diamanahkan oleh Allah perlu diaplikasikan oleh Peguam Syarie dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya.<sup>25</sup>

Untuk menjawab persoalan ini, Abdullah Abu Bakar<sup>26</sup> ada menyatakan bahawa Peguam Syarie perlu mencari kebenaran dalam perkara yang diwakilkan. Oleh itu, ia perlu menjauhkan diri daripada mempunyai niat untuk melakukan kezaliman terhadap lawan yang mewakilkannya. Ini bermakna, jika ia mengetahui yang anak guamnya berada di pihak yang salah dan tidak mempunyai asas bagi tuntutan atau dakwaannya maka ia perlu meninggalkan kes itu.

Selain itu, tugas peguam adalah untuk membantu mahkamah agar dapat menghukum dengan adil, tepat dan berkesan kerana merupakan pegawai mahkamah. Justeru itu, peguam hendaklah berlaku adil daripada pelbagai segi dalam membantu mahkamah. Antaranya adil dari segi undang-undang, prosedur, fakta dan suasana serta latar belakang kes dan orang yang bertikai yang berkaitan dengan kes agar dapat diperhatikan dan diambil kira oleh mahkamah sebelum menjatuhkan hukuman.<sup>27</sup>

---

<sup>25</sup> *Ibid.*, 140.

<sup>26</sup> Abdullah Abu Bakar, “Guaman Syar’i: Antara Teori Dan Praktikal,” 76.

<sup>27</sup> Daud Bin Muhammad, “Peguam Syarie Dalam Institusi Qada,” 165.

Selain daripada prinsip keadilan, Abdul Monir Yaacob,<sup>28</sup> menyatakan bahawa konsep asas guaman dalam Islam telah menetapkan pelantikan Peguam Syarie dalam mana-mana prosiding berpandukan prinsip-prinsip hukum wakalah. Antara kategori wakalah yang dibenarkan dalam Islam ialah melalui kes jenayah *ta’zir* kerana jenayah *ta’zir* adalah hak perseorangan dan tidak gugur dengan syubhat, berlainan dengan jenayah hudud. Selain itu, wakalah dibenarkan dalam jenayah *qisāṣ* sekiranya pewakil hadir atas alasan mungkin memberi kemaafan terhadap kesalahan yang dilakukan.

Namun begitu, dalam *Kitāb Sharḥ Adāb al-Qādī*<sup>29</sup> telah menjelaskan bahawa kesalahan-kesalahan *had* dan *qisāṣ* adalah kesalahan yang tidak boleh diberi wakalah. Hal ini kerana kesalahan *had* boleh gugur dengan sebab berlaku apa-apa keraguan atau syubhat di mana syubhat boleh menyebabkan gugurnya sabitan, maka sebab itu kesalahan *had* ini tidak harus ada pertukaran orang. Tambahan pula, dalam kesalahan *had* keterangan dengar cakap (*tasāmu’*) tidak boleh diterima. Walau bagaimanapun Abdullah Abu Bakar<sup>30</sup> menyatakan dalam atikelnya bahawa seseorang yang didakwa atau ditahan atas tuduhan melakukan kesalahan maksiat atau jenayah boleh memilih wakilnya sama ada dari kalangan peguam atau orang lain yang akan bertindak bagi pihaknya, kecuali dalam perkara-perkara yang telah dinyatakan di atas.

Menekuni persoalan hukum perwakilan dalam kes murtad, perbincangan mengenai perkara yang diwakilkan hendaklah dijelaskan terlebih dahulu. Antaranya, hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut iaitu perkara itu hendaklah diketahui oleh wakil, perkara itu hendaklah terdiri daripada perkara yang harus dilaksanakan di sisi syarak dan perkara itu hendaklah perkara yang boleh diwakilkan seperti jual beli, sewa,

<sup>28</sup> Abdul Monir Yaacob, “Etika Peguam Menurut Perspektif Islam,” 120.

<sup>29</sup> Al-Khassaf, *Kitāb Sharḥ Adāb al-Qādī*, (Baghdad: Maṭba‘ah al-Irshād, 1979), 522.

<sup>30</sup> Abdullah Abu Bakar, “Sudut : Acara Jenayah Islam,” *Jurnal Hukum* 6, 2 (Ogos 1989), 216-238.

derma dan sebagainya.<sup>31</sup> Kategori-kategori inilah yang perlu dijelaskan dalam kajian ini dalam meletakkan dan menentukan sama ada status kes tersebut boleh diwakili dan dikendalikan oleh Peguam Syarie atau sebaliknya.

Secara keseluruhannya, penulisan-penulisan Mohamed Sazali Abdul Aziz,<sup>32</sup> Mahmud Saedon Awang Othman,<sup>33</sup> dan Siti Zalikhah Md Nor<sup>34</sup> telah membuktikan bahawa Peguam Syarie perlu menggalas tanggungjawab yang diberikan terhadapnya dalam mewakili seseorang untuk melaksanakan sesuatu urusan dengan menjalankan amanah tersebut mengikut Hukum Syarak.

Prinsip wakalah dalam guaman ini perlu diteliti lebih lanjut untuk membincangkan peranan mereka dalam mematuhi perintah Allah dengan mempertahankan keadilan walaupun ianya bertentangan dengan kepentingan diri mereka sendiri atau anak guam mereka seperti yang dinyatakan di dalam kitab *fiqh* Al-Tarabulusiy ‘Ali Bin Khalil,<sup>35</sup> Ibn Farḥūn,<sup>36</sup> Shahabuddin Abī Ishāq Ibrāhīm<sup>37</sup> dan Abādī Abī at-Tayyib Shams al-Ḥaq al-‘Aẓīm.<sup>38</sup>

Selain perbincangan terhadap prinsip keadilan dan prinsip wakalah, beberapa penulisan mengenai etika guaman syarie telah dikupas terutama yang ditulis oleh

<sup>31</sup> Wahbah al-Zuhayli, *Al Fiqh Al Islāmiy Wa Adallatuhu* (Dār al-Fikr, 2002) 5: 4065.

<sup>32</sup> Mohamed Sazali Abdul Aziz, “Peranan Peguambela Dalam Kes-kes Jenayah Syariah,” dalam *Pendakwaan Dan Penyiasatan Konsep Dan Amalan*, ed. Abdul Monir Yaacob dan Siti Shamsiah Md. Supi (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2003), 185-191.

<sup>33</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, “Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya,” 191-223.

<sup>34</sup> Siti Zalikhah Md. Nor, “Al-Wakalah Bi Al-Khusumah”, 193-201.

<sup>35</sup> Al-Tarabulusiy ‘Ali Bin Khalil, *Mu’ayyin al-Hukkām* (Mesir: Maktabah wa Matba‘ah Muṣṭafa al-Babī al-Ḥalabī wa Awlāduhu, 1973), 2.

<sup>36</sup> Ibn Farḥūn, *Tabṣirah al-Hukkām* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 2006), 1.

<sup>37</sup> Shahabuddin Abī Ishāq Ibrāhīm Bin ‘Abdullah, *Kitāb Adāb al-Qaḍā* (Damshiq: Dār al-Fikr, 1982), 2.

<sup>38</sup> Abādī Abī at-Tayyib Shams al-Ḥaq al-‘Aẓīm, ‘Awwun al-Ma’būd Sharāḥ Sunan Abī Dāwud “Kitāb al-Qaḍā”, no. hadith 3565, (Dār al-Fikr, 1968), 9.

Muhamad Burok,<sup>39</sup> Mahmud Saedon Awang Othman,<sup>40</sup> Mohamed Azam Mohamed Adil<sup>41</sup> dan Daud Bin Muhammad.<sup>42</sup> Persoalan mengenai etika guaman syarie ini menjadi isu dan permasalahan yang berbangkit dalam mengendalikan kes murtad dalam kalangan Mualaf. Ini disebabkan oleh segelintir daripada mereka didakwa sanggup menggadaikan prinsip demi mengejar keuntungan.

Sebagai contoh, Muhamad Burok telah menyatakan antara isu dan permasalahan yang sering dihadapi oleh Peguam Syarie dalam mengendalikan kes ialah masalah etika dan tatatertib Peguam Syarie seperti terjebak di dalam akhlak buruk, tidak amanah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab dan mementingkan kemenangan kes semata-mata. Sedangkan mereka sepatutnya mengamalkan prinsip-prinsip yang telah disebut di dalam Islam seperti berakhlek mulia, berperibadi mulia, berkata benar, dan amanah demi menegakkan keadilan dan mencegah kezaliman.

Oleh itu, dalam menangani permasalahan etika guaman syarie ini, kod etika yang bakal digubal oleh badan kehakiman perlu selaras dengan lunas-lunas Islam. Hal ini adalah kerana, Peruntukan Kaedah-kaedah Peguam Syarie yang digubal di beberapa buah negeri di Malaysia mempunyai kekurangan yang mendatangkan beberapa permasalahan di kalangan Peguam Syarie iaitu Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1993 di Wilayah Persekutuan,<sup>43</sup> Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Selangor) 2008 di Selangor,<sup>44</sup> Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Sembilan) 2012 di Negeri

<sup>39</sup> Muhamad Burok, “Isu Dan Permasalahan Guaman Syarie Ke Arah Penubuhan Majlis Peguam Syarie,” dalam *Amalan Kehakiman Dan Guaman Syarie Di Malaysia*, ed. Zulkifli Hasan, Abd Hamid Abd Murad dan Arif Fahmi Md. Yusof (Universiti Sains Islam Malaysia, 2007), 100.

<sup>40</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, “Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya,” 191-199.

<sup>41</sup> Mohamed Azam Mohamed Adil , “Peguam Syarie: Masa Depan Dan Cabarannya Di Malaysia,” 3-5.

<sup>42</sup> Daud Bin Muhammad, “Peguam Syarie Dalam Institusi Qada,” 138-150.

<sup>43</sup> Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993 (Akta No. 505, 1993).

<sup>44</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor), 2003 (No. 1/ 2003).

Sembilan<sup>45</sup> dan Kaedah-kaedah Peguam Syarie 2000 di Kelantan.<sup>46</sup> Topik ini juga telah dikupas dalam penulisan Abdul Monir Yaacob<sup>47</sup> dan Abdullah Abu Bakar.<sup>48</sup>

Setakat ini, tidak ada lagi penulisan khusus yang membincangkan tentang perwakilan Peguam Syarie dalam kes murtad. Penulisan yang ada hanya menyeru agar kes-kes ini tidak diwakili oleh para Peguam Syarie. Akan tetapi tidak membincangkan sejauhmana Peguam Syarie dibenarkan mewakili kes murtad. Malah isu-isu yang berkaitan mengenai perwakilan Peguam Syarie juga belum lagi dikupaskan.

Sebagai contoh, Md Zawawi Abu Bakar<sup>49</sup> ada menjelaskan Peguam Syarie Muslim boleh menolak wakalah sekiranya diminta anak guam mewakilinya dalam kes percubaan keluar agama. Atikel beliau telah menyentuh secara umum mengenai isu perwakilan Peguam Syarie dalam kes percubaan keluar agama. Dalam hubungan ini, Sulaiman Abdullah<sup>50</sup> turut menyarankan bahawa seorang peguam boleh menolak seorang bakal anak guamnya dalam keadaan khusus apabila seorang Mualaf meminta nasihat dari seorang Peguam Syarie cara-cara keluar dari Islam secara sah. Beliau berpendapat permintaan untuk mewakili kes ini harus ditolak oleh peguam Islam itu dengan menasihati bakal anak guamnya itu secara baik bahawa apa yang dipohon adalah bagi memperolehi sebahagian dari api neraka.

---

<sup>45</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan), 2003.

<sup>46</sup> Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 1982. Lihat juga artikel “Jamil Khir: Pelajar Undang-undang Syariah Tidak Semestinya Jadi Peguam Syarie”, laman sesawang *Sinar Harian*, dikemaskini 19 Mac 2012, dicapai 23 Mac 2012, <http://www.sinarharian.com.my/nasional/jamil-khir-pelajar-undaung-undang-syariah-tidak-semestinya-jadi-peguam-syarie-1.33554>.

<sup>47</sup> Abdul Monir Yaacob, “Etika Peguam Menurut Perspektif Islam,” 127-138.

<sup>48</sup> Abdullah Abu Bakar, “Guaman Syar’i: Antara Teori Dan Praktikal,” 79-80.

<sup>49</sup> Md Zawawi Abu Bakar, “Isu-isu Peguam Syarie Di Malaysia,” 118.

<sup>50</sup> Sulaiman Abdullah, “Etika Peguam Di Mahkamah Awam Dan Syariah Keberkesanan Meningkatkan Keadilan”, dalam *Etika Hakim Dan Peguam*, ed. Abdul Monir Yaacob (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2000), 145.

Peguam Syarie ini sebenarnya memerlukan kepakaran, kelayakan dan pengetahuan yang pelbagai dalam bidang undang-undang Islam seperti undang-undang keterangan Islam, undang-undang jenayah dan sebagainya. Kebanyakan Peguam Syarie banyak membantu Mahkamah Syariah dalam kes mal dan jarang sekali melibatkan diri mereka dalam kes jenayah syariah. Oleh itu, mereka perlu mendalami undang-undang jenayah Islam supaya banyak kes-kes jenayah syariah akan dikendalikan oleh Peguam Syarie yang berkepakaran untuk memastikan keadilan tertegak di Mahkamah Syariah. Hal ini adalah kerana, perkataan ‘Syarie’ yang dikaitkan dengan mereka, mengikat para peguam untuk bertindak seperti yang diamanahkan oleh Allah dan segala tingkah laku mereka dipertanggungjawabkan di dunia. Segala isu dan permasalahan guaman syarie boleh diselesaikan melalui kaedah tersebut seperti yang diulas oleh Abdul Monir Yaacob<sup>51</sup> dan Muhamad Burok.<sup>52</sup>

Berdasarkan kepada kajian-kajian terdahulu yang dibentangkan di atas, penulis mendapati bahawa penulisan-penulisan tersebut mempunyai impak dan kepentingan signifikan terhadap kajian yang akan dilakukan ini. Ianya boleh dianggap sebagai kajian perintis dan pelopor yang membantu kajian ini. Kajian-kajian terdahulu itu amat relevan dengan kajian penulis kini.

Justeru, penulis akan membincangkan perwakilan Peguam Syarie dengan skop yang ditetapkan di dalam kajian ini. Nilai dari pelbagai sudut perundangan Islam akan dianalisis dan dibandingkan dengan nilai-nilai falsafah perundangan yang diamalkan kini agar kajian ini menjadi komprehensif.

---

<sup>51</sup> Abdul Monir Yaacob, “Etika Peguam Menurut Perspektif Islam,” 127-138.

<sup>52</sup> Muhamad Burok, “Isu Dan Permasalahan Guaman Syarie Ke Arah Penubuhan Majlis Peguam Syarie,” 102.

## **1.8 Skop Kajian**

Di dalam kajian ini, pengkaji cuba membuat tinjauan khusus mengenai perwakilan Peguam Syarie dalam kes murtad dalam kalangan Mualaf secara menyeluruh yang meliputi statut dan kes. Perkara yang cuba diketengahkan ialah isu yang berkaitan dengan peranan Peguam Syarie dalam mewakili anak guam dan mengendalikan kes murtad terutamanya dalam kalangan Mualaf. Selain itu, tafsiran peruntukan Undang-Undang mengenai kes murtad dalam akta atau enakmen pentadbiran agama Islam Negeri-negeri di Malaysia turut dikupas yang disebut sebagai kes pengisyiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam, kes keluar Islam dan pengesahan seseorang Islam. Skop penyelidikan disertasi ini adalah ditumpukan kepada perkara-perkara berikut:

- 1) Perbandingan tentang perbahasan Hukum Syarak dalam kitab-kitab fiqh muktabar.
- 2) Undang-undang yang terpakai berkaitan dengan akta atau enakmen pentadbiran agama Islam negeri dan Arahan Amalan No.4 Tahun 2002 iaitu Etika Peguam Syarie 2001 untuk melihat sama ada amalan Peguam Syarie bertentangan dengan undang-undang yang dilaksanakan atau sebaliknya.
- 3) Kedudukan Peguam Syarie dalam mengendalikan kes murtad dalam kalangan Mualaf dalam usaha membendung gejala murtad di Malaysia melalui metodologi dokumentasi dan temubual dengan Peguam Syarie yang telah berpengalaman dan kurang pengalaman.
- 4) Pengkajian fenomena murtad di kalangan Mualaf melalui analisis kes pengisyiharan status agama seseorang itu bukan lagi orang Islam yang melibatkan Mualaf di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.

## **1.9 Metodologi Kajian**

Di dalam menghasilkan satu kajian ilmiah, metodologi merupakan satu instrumen dan tulang belakang yang sangat penting bagi menjayakan sesuatu penyelidikan. Ini adalah kerana, ia bertindak sebagai penghubung dan panduan kepada hasil penyelidikan yang bermutu dan berkualiti. Di dalam penulisan ini, beberapa metod telah diaplikasikan, seperti berikut:-

### **1.9.1 Metod Pengumpulan Data**

Penulis menggunakan metod ini bagi pengumpulan data berdasarkan kesesuaian kajian yang dijalankan. Metod ini sangat penting dalam proses menyiapkan kajian. Ini kerana penelitian perlu dilakukan terhadap himpunan data-data yang berkaitan dan relevan dengan subjek penelitian. Dalam usaha pengumpulan data, penulis telah menggunakan metod yang sesuai, seperti berikut:-

#### **1.9.1.1 Penyelidikan Kepustakaan**

Penulis menggunakan metod penyelidikan kepustakaan sebagai salah satu elemen penting dalam pencarian bahan-bahan kajian. Metod ini merupakan metod asas dalam memperolehi maklumat-maklumat dan data-data yang diperlukan. Selain itu, metod ini amat penting kerana ia merupakan salah satu kaedah untuk mendapatkan maklumat dan menganalisisnya dengan mengumpulkan seberapa banyak input atau fakta yang berkaitan dengan sesuatu topik kajian yang dijalankan di mana ia biasanya didapati melalui kitab-kitab *Fiqh*, buku-buku ilmiah yang berbahasa Arab, Melayu dan Inggeris,

kertas-kertas kerja pembentangan, makalah-makalah ilmiah, jurnal, akhbar dan Internet.

Penulis melakukan penyemakan terhadap rujukan tersebut yang berkaitan dengan konsep dan prinsip kepeguanan syarie. Misalnya, buku-buku, statut dan pekeliling (*circular*) undang-undang yang membincangkan tentang isu-isu yang pernah timbul di dalam profesion guaman syarie dalam mengendalikan kes.

### **1.9.1.2 Penyelidikan Lapangan**

Kajian lapangan dilaksanakan untuk mendapatkan data-data primer dan maklumat daripada firma guaman terutama untuk mendapatkan statistik kes dan fail kes yang mempunyai kaitan dengan tuntutan permohonan pengisytiharan status agama dalam kalangan Mualaf. Antara metod yang diaplikasikan untuk kajian ini ialah:

#### **1.9.1.2.1 Temubual**

Metod ini digunakan oleh penulis untuk memudahkan mendapat maklumat dari sesi temubual tersebut. Penulis menemubual beberapa Peguam Syarie yang berpengalaman mengendalikan kes bagi mendapatkan maklumat mengenai justifikasi perwakilan dalam kes pengisytiharan status agama seseorang. Selain itu, penulis juga menemubual Pendaftar Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Pegawai-pegawai Agama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang bagi mendapatkan pandangan terhadap peranan Peguam Syarie dalam mengendalikan kes tersebut.

### **1.9.1.2.2 Dokumentasi**

Metod ini digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperoleh daripada tempat kajian iaitu Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan seperti fail kes. Pengkaji hanya memilih dan melakukan penyemakan terhadap kes-kes pengisyiharan status agama di bawah kes mal. Hasil maklumat daripada fail kes tersebut boleh dirumuskan kesimpulan-kesimpulan terhadap peranan Peguam Syarie dalam mengendalikan kes murtad dalam kalangan Mualaf dengan tepat sebagai maklumat dan bahan rujukan.

## **1.9.2 Metod Analisis Data**

Metod ini digunakan bagi menganalisis dan mengolah bahan kajian berdasarkan tajuk kajian. Kaedah yang digunakan adalah seperti berikut:-

### **1.9.2.1 Metod Induktif**

Ia membawa erti pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk mencapai dalil yang bersifat umum. Penulis mengaplikasikan metod ini untuk menghuraikan latar belakang masalah dalam bab satu, kerangka teori dalam bab dua, menganalisis data dan membentangkan laporan penyelidikan dalam bab tiga dan empat serta membuat kesimpulan dalam bab lima. Antara data yang dianalisa melalui metod ini ialah:

- 1) Data-data yang diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan.
- 2) Data-data fail kes.
- 3) Data-data temubual.

Ini bermakna, penulis akan dapat membuat kesimpulan daripada kesemua data yang diperolehi daripada kes-kes yang diputuskan. Jumlah responden yang memberikan maklumat secara langsung menentukan sama ada objektif kajian ini tercapai atau sebaliknya.

### **1.9.2.2 Metod Deduktif**

Metod ini mempunyai takrif yang berbeza dengan metod induktif iaitu mengemukakan sesuatu pertanyaan yang seterusnya memberikan bukti-bukti sebagai hujah bagi pertanyaan atau data-data yang bersifat umum kepada bentuk yang bersifat khusus. Metod ini diaplikasikan di dalam bab satu dan dua, contohnya kefahaman Peguam Syarie terhadap prinsip guaman syarie.

Penggunaan kedua-dua metod ini dapat memberi gambaran tentang kesimpulan serta analisis yang tepat yang telah dilakukan terhadap data-data dan dalil-dalil yang diperolehi. Justeru itu, kajian ini telah dilakukan berdasarkan analisis data-data yang diperolehi daripada hasil tinjauan yang dibuat.

### **1.9.2.3 Metod Komparatif**

Penulis menggunakan metod ini untuk membuat kesimpulan dan rumusan dari data-data yang diperolehi untuk membuat perbandingan melalui maklumat yang telah dikumpulkan melalui temubual dan konsep asas guaman Islam sama ada justifikasi perwakilan Peguam Syarie mengendalikan kes murtad dalam kalangan Mualaf bertepatan dengan Hukum Syarak atau sebaliknya. Kemudian, perbandingan juga dibuat melalui statistik kes dan keputusan kes permohonan pengisytiharan seseorang itu bukan

lagi Islam sama ada peranan Peguam Syarie dalam membantu mahkamah membuat keputusan yang adil dan wajar dapat dihuraikan. Hasil daripada pengkajian itu, penulis memuatkan kesimpulan untuk memperolehi cadangan dan saranan bagi mengatasi masalah tersebut. Metod ini sangat penting bagi mendapatkan huraian yang tepat tanpa sebarang kesangsian dan kesamaran.

### **1.10 Susunan Bab**

Berdasarkan kajian yang dijalankan, isu utama yang cuba dikupas oleh penulis ialah tentang peranan Peguam Syarie dalam mengendalikan perwakilan kes murtad dalam kalangan Mualaf menurut perspektif Hukum Syarak dan perundangan kini. Penyelidikan ini mengandungi lima bab iaitu bab satu adalah bab pendahuluan, bab kedua pula mengenai konsep guaman syarie, bab ketiga adalah mengenai justifikasi perwakilan Peguam Syarie dalam kes murtad melibatkan Mualaf, bab keempat pula menganalisis peranan Peguam Syarie dalam mengendalikan kes murtad dalam kalangan Mualaf dan yang terakhir adalah bab kelima mengenai kesimpulan dan saranan penulis bagi kajian yang dijalankan.

Dalam Bab Satu, penulis membincangkan mengenai pengenalan, latarbelakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif, kepentingan kajian, ulasan kajian lepas, skop kajian dan metodologi kajian yang merangkumi metod pengumpulan data dan metod penganalisisan data.

Bab Dua pula, menerangkan tentang Konsep Perwakilan Menurut Islam dan Undang-Undang. Di dalam bab ini penulis membahagikan tajuk tersebut kepada dua kategori iaitu pertama; konsep perwakilan menurut perspektif Islam yang mengandungi

konsep keadilan sebagai asas guaman, konsep *al wakālah bi al khuṣūmah* dan perkara yang boleh diwakilkan. Kedua, konsep perwakilan menurut undang-undang yang akan dihuraikan mengenai situasi yang boleh diwakilkan.

Bab Tiga pula, mengemukakan justifikasi perwakilan Peguam Syarie dalam kes murtad melibatkan Mualaf. Penulis akan menjelaskan tafsiran peruntukan undang-undang mengenai pengisytiharan status agama di Malaysia dan justifikasi perwakilan Peguam Syarie dalam kes murtad.

Bab Empat pula mengupas mengenai peranan Peguam Syarie dalam mewakili kes-kes murtad dalam kalangan Mualaf di mahkamah dengan menganalisis statistik kes permohonan pengisytiharan status agama serta keputusan kes yang diputuskan di Mahkamah Syariah. Kemudian analisis terhadap implikasi perwakilan Peguam Syariah dalam mengendalikan kes tersebut turut dibincangkan.

Bab Kelima menjelaskan kesimpulan yang dibuat melalui penyelidikan ilmiah ini yang dibahagikan kepada dua iaitu pertama rumusan yang mengandungi kesimpulan terhadap keseluruhan perbincangan bab. Kedua, cadangan dan saranan yang diberikan bagi mengatasi masalah-masalah yang timbul berdasarkan dari kajian yang telah dilakukan.

## **1.11 Kesimpulan**

Sebagai orang Islam, kita hendaklah yakin bahawa undang-undang Islam adalah yang terbaik dan sesuai untuk manusia. Justeru manusia memerlukan undang-undang sebagai panduan untuk menegakkan keadilan kerana sifat undang-undang itu lengkap.<sup>53</sup> Begitu juga kepentingan dalam memelihara hak Peguam Syarie patut dilihat secara menyeluruh dan undang-undang yang menjadi cermin nilai-nilai yang dihormati dalam masyarakat.

Oleh itu Peguam Syarie hendaklah berfikiran terbuka dan tidak mempunyai pandangan yang sempit berhubung dengan hak, tanggungjawab dan kepentingan Peguam Syarie dalam mengendalikan kes murtad dalam kalangan Mualaf. Ada yang berpendapat bahawa hal ehwal Peguam Syarie merupakan soal peribadi dan terpulanglah kepada individu untuk menguruskannya. Tetapi Peguam Syarie juga merupakan suatu unsur yang penting dalam kehakiman Islam dan Peguam Syarie perlu peka terhadap tanggungjawab dan seboleh-bolehnya mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

Etika Peguam Syarie telah dinyatakan dengan jelas dalam perundangan syariah yang telah diperuntukkan dengan lebih terperinci di dalam Arahan Amalan No.4 Tahun 2002. Pengetahuan tentang kod etika ini sangat penting supaya hak-hak Peguam Syarie dalam bidang ini sentiasa terpelihara. Sekiranya bengkel undang-undang kerap diadakan bagi tujuan memantapkan pengetahuan dan kelayakan yang terdapat di dalam undang-undang syariah, ia berkemungkinan boleh mengurangkan masalah yang berkaitan dihadapi oleh para peguam.

---

<sup>53</sup>Ahmad Mohamed Ibrahim, “Undang-undang Keluarga Islam Di Malaysia,” dalam *Isu Syariah Dan Undang-Undang*, ed. Jafri Khalil dan Abdul Basir bin Mohamad (Bangi: Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999), 6: 22-24.

Peguam Syarie merupakan individu yang mempunyai kelebihan dan keistimewaan dalam bidang ini kerana tanggungjawab, peranan dan kepakaran yang dimiliki bukanlah setakat untuk melaksanakan tugas untuk menegakkan keadilan, bahkan perlu menjaga amanah dan prinsip wakalah yang ada dalam Islam supaya ianya tidak disalahgunakan dan bertentangan dengan realiti yang diamalkan kini.

## **BAB DUA:**

### **KONSEP PERWAKILAN MENURUT ISLAM DAN UNDANG-UNDANG**

#### **2.1 Pengenalan**

Guaman syarie bukanlah perkara baru dalam undang-undang Islam. Lazimnya, perbincangannya sering dikaitkan dengan prinsip keadilan. Di dalam Islam, konsep keadilan itu tidak terbatas kepada bidang kehakiman sahaja malah, merangkumi keseluruhan sudut kehidupan manusia tanpa sebarang pengecualian. Terdapat banyak dalil dalam al-Quran yang menunjukkan sifat adil. Justeru itu, pada asasnya guaman syarie berasaskan kepada konsep keadilan dan juga prinsip wakalah untuk memastikan keadilan dapat dilaksanakan dan kezaliman dapat dihindarkan. Kedua-dua proses ini merupakan salah satu daripada fokus perundangan Islam sebagai teras akidah dan mempunyai metodologi yang perlu diamalkan dalam setiap masa dan keadaan.

Sebenarnya pada hari ini, konsep keadilan dan wakalah itu dijalankan secara meluas dalam institusi guaman syarie. Namun, apa yang ingin diberi penumpuan di sini ialah sejauh manakah Peguam Syarie dibolehkan mewakili kes murtad dan adakah perwakilan dalam kes murtad menepati kehendak syariat dan bagaimana pengamal undang-undang melaksanakan sistem yang diharuskan oleh Allah seperti yang telah diperuntukkan dalam undang-undang.

## 2.2 Konsep Perwakilan Menurut Islam

### 2.2.1 Konsep Keadilan Sebagai Asas Guaman

Dalam Islam, konsep keadilan membenarkan seseorang itu mempertahankan haknya daripada dicabul agar hak itu diberikan kepada yang berhak. Merampas hak orang lain dikatakan zalim. Hal ini bermakna, tidak ada tolak ansur dalam Islam untuk menegakkan keadilan kerana keadilan merupakan tunjang utama di sisi agama.<sup>54</sup> Bahkan, tugas seseorang peguam sebagai wakil adalah untuk menegak kebenaran dan keadilan.<sup>55</sup> Terdapat banyak ayat dalam al-Quran yang memperuntukkan persoalan keadilan ini, antaranya firman Allah SWT:

فَلِذِلْكَ فَادْعُ وَاسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَقُلْ إِاَمَنْتُ بِمَا  
أَنْزَلَ اللَّهُ مِنْ كِتَابٍ وَأُمِرْتُ لِأَعْدِلَ بَيْنَكُمْ اللَّهُ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ لَنَا أَعْمَلْنَا  
وَلَكُمْ أَعْمَلُكُمْ لَا حُجَّةَ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ اللَّهُ تَحْمِلُ بَيْنَنَا وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ



Al-Syūra 42:15

Terjemahan: Oleh kerana yang demikian itu, maka serulah mereka Wahai Muhammad kepada beragama dengan betul, serta tetap teguhlah engkau menjalankannya sebagaimana yang diperintahkan kepadamu, dan janganlah engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka; sebaliknya katakanlah: "Aku beriman kepada segala kitab yang diturunkan oleh Allah, dan aku diperintahkan supaya berlaku adil di antara kamu. Allah jualah Tuhan kami dan Tuhan kamu. Bagi kami amal kami dan bagi kamu amal kamu. Tidaklah patut ada sebarang pertengkarantara kami dengan kamu (kerana kebenaran telah jelas nyata). Allah akan menghimpunkan kita

<sup>54</sup> Daud Bin Muhammad, "Peguam Syarie Dalam Institusi Qada," 138.

<sup>55</sup> Mohamed Azam Mohamed Adil , "Peguam Syarie: Masa Depan Dan Cabarannya Di Malaysia," 3.

bersama (pada hari kiamat), dan kepada-Nyalah tempat kembali semuanya (untuk dihakimi dan diberi balasan)".<sup>56</sup>

Perintah di atas walaupun ditujukan kepada Rasulullah SAW tetapi ianya meliputi kita semua tanpa kecuali termasuklah hakim, pendakwa, peguam dan seterusnya. Peguam wajib menegakkan keadilan yang meliputi aspek undang-undang seperti mengemukakan fakta, keterangan dan pengolahan serta pembentangan kes semasa perbicaraan. Oleh itu, berlaku adil dalam semua tindakan adalah menjadi tuntutan Islam.<sup>57</sup>

Selain itu, Allah menegaskan apabila kamu menyatakan sesuatu hendaklah kamu berlaku adil. Sepertimana firman Allah SWT:

وَلَا تَقْرُبُوا مَالَ الْيَتَيمِ إِلَّا بِالْتَّى هِيَ أَحْسَنُ حَقًّا يَبْلُغُ أَشْدَهُ رُحْمَةً وَأَوْفُوا الْكَيْلَ  
وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ لَا تُكْلِفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدُلُوا وَلَوْ كَانَ ذَا  
قُرْبَىٰ وَبِعَهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا ذَلِكُمْ وَصَنَعُكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٧﴾

Al-An‘ām 6:152

Terjemahan: Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga dia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri) dan sempurnakanlah segala sukat dan timbangan dengan adil. Kami tidak memberatkan seseorang dengan kewajipan melainkan sekadar kesanggupannya dan apabila kamu mengatakan sesuatu (semasa membuat apa-apa keterangan) maka hendaklah kamu berlaku adil, sekalipun orang itu ada hubungan kerabat (dengan kamu) dan perjanjian (perintah-perintah) Allah hendaklah kamu sempurnakan. Dengan yang

<sup>56</sup> *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Kuala Lumpur: Dar Al-Fikr, 1998), 30: 1057.

<sup>57</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, "Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya," 192.

demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu beringat (mematuhi-Nya).<sup>58</sup>

Melalui ayat tersebut, Allah memerintahkan dengan jelas agar berlaku adil dalam semua perkara dan memberikan hak kepada yang berhak dan semua hak hendaklah disempurnakan. Ini bermakna, peguam hendaklah berlaku adil di dalam mengeluarkan kata-kata, memberikan pendapat dan menyampaikan pandangan. Oleh itu, cara Peguam Syarie mengemukakan keterangan anak guam bukanlah melalui hujah dan logik akan tetapi melalui penghayatan terhadap akhlak Islam, berpegang kepada ajarannya dan melaksanakan tugas dengan amanah dan adil seperti yang dituntut oleh Allah.<sup>59</sup>

Dalam ayat yang lain pula, Allah SWT berfirman:

يَتَأْكُلُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنُتُم بِدَيْنِ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى فَاكْتُبُوهُ وَلَا يَكُتبُ  
بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ يَكُتبَ كَمَا عَلِمَ اللَّهُ  


Al-Baqarah 2:282

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya.<sup>60</sup>

<sup>58</sup> *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Kuala Lumpur: Dar Al-Fikr, 1998), 30: 267.

<sup>59</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, "Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya," 192.

<sup>60</sup> *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Kuala Lumpur: Dar Al-Fikr, 1998), 30: 90.

Ayat ini dengan jelas memerintahkan apabila seseorang itu bertugas membuat catatan atau dikehendaki menulis, maka hendaklah melakukannya dengan adil. Ini membuktikan bahawa keadilan yang dituntut oleh Islam amat luas dan menyeluruh hinggakan dalam aspek penulisan, catatan dan surat menyurat semuanya hendaklah dilakukan dengan adil.<sup>61</sup>

Seperti yang dimaklumi, seseorang peguam banyak menggunakan catatan dan surat menyurat dalam menjalankan tugas. Surat menyurat dan catatan mereka boleh mempengaruhi perjalanan sesuatu kes. Adakalanya peguam bertindak sebagai wakil, maka hak seseorang anak guam boleh terjejas jika peguam tersebut tidak berlaku adil, cermat dan amanah dalam surat menyurat, catatan dan tulisannya. Oleh itu, para peguam tidak terlepas daripada ingatan Allah agar manusia berlaku adil dalam membuat catatan dan tulisan kerana peranan tulisan dan catatan amat penting dalam menegakkan keadilan.<sup>62</sup>

Terdapat juga ayat di dalam al-Quran yang menjelaskan bahawa adalah menjadi kewajipan kepada manusia untuk menegakkan keadilan dan menjadi saksi kerana Allah walaupun ke atas diri kita sendiri, keluarga, ibu bapa atau sesiapa sahaja.<sup>63</sup> Buktinya Allah SWT berfirman:

﴿ يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُوْنُوا قَوْمِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَى أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ إِن يَكُنْ ﴾ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَى بِهِمَا فَلَا تَشْغُلُوا أَهْلَهُوْيَ أَن تَعْدِلُوْا وَإِن تَلُوْا أَوْ تُعْرِضُوْا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ حَبِيرًا ﴾

Al-Nisā' 4:135

<sup>61</sup> Daud Bin Muhammad, "Peguam Syarie Dalam Institusi Qada," 141.

<sup>62</sup> *Ibid.*

<sup>63</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, "Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya," 194.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.<sup>64</sup>

Dalam hubungan ini, para peguam wajib menegakkan keadilan walaupun ianya bertentangan dengan kepentingan mereka sendiri atau anak guam mereka. Kepentingan peribadi, kemasyhuran dan perasaan ingin menang hendaklah diketepikan. Sebaliknya, para peguam hendaklah menjadi saksi kerana Allah SWT dan kemenangan yang sebenar ialah keredaan Allah SWT dan berjaya menegakkan keadilan Ilahi.<sup>65</sup>

Selain daripada hakim, pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu pertikaian di mahkamah ialah pihak-pihak yang menuntut atau yang mendakwa dan yang kena tuntut atau yang didakwa. Biasanya pihak-pihak tersebut akan mengemukakan dokumen berbentuk fakta dan keterangan-keterangan yang akan membantu hakim untuk membuat keputusan yang tepat dan adil. Perkara ini telah disebut di dalam sebuah hadith semasa

<sup>64</sup> *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Kuala Lumpur: Dar Al-Fikr, 1998), 30: 183.

<sup>65</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, “Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya,” 194.

Rasulullah SAW mengutus Ali bin Abu Talib sebagai Kadi di Yaman.<sup>66</sup> Baginda bersabda kepada Ali:

حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ عَوْنَ قَالَ أَخْبَرُنَا (أَنَّا) شَرِيكُ عَنْ سِمَاكٍ عَنْ حَنَشٍ عَنْ عَلَيٌ  
قَالَ: بَعْثَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الْيَمَنِ قَاضِيًّا، فَقُلْتُ يَا رَسُولُ اللَّهِ  
تُرْسِلُنِي وَأَنَا حَدِيثُ السِّنِّ وَلَا عِلْمُ لِي بِالْقَضَاءِ، فَقَالَ: إِنَّ اللَّهَ سَيَهْدِي  
وَيُئْتِي لِسَانَكَ، فَإِذَا جَلَسَ بَيْنَ يَدَيْكَ الْحُصْمَانِ فَلَا تَقْتَضِيَ حَتَّى تَسْمَعَ مِنَ  
الْأَخْرَ كَمَا سَمِعْتَ مِنَ الْأَوَّلِ. فَإِنَّهُ أُخْرَى أَنْ يَتَبَيَّنَ لَكَ الْقَضَاءِ. قَالَ: فَمَا زِلْتُ  
قَاضِيًّا أَوْ مَا شَكَكْتُ فِي قَضَاءِ بَعْدِهِ.

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami ‘Amru bin ‘Aun ia berkata telah memberitahu kepada kami Sarik dari Simak dari Hanashi dari Ali ia berkata, Rasulullah SAW mengutusku ke Yaman sebagai hakim, lalu kami katakan, Wahai Rasulullah, apakah kamu akan mengutusku sementara aku masih muda dan tidak memiliki ilmu mengenai penghakiman? Kemudian baginda bersabda: Sesungguhnya Allah akan memberi petunjuk kepada hatimu, dan meneguhkan lisanku. Apabila ada dua orang yang bertikai duduk di hadapanmu maka janganlah engkau memberikan keputusan hingga engkau mendengar dari orang yang lain, sebagaimana engkau mendengar dari orang pertama, kerana sesungguhnya keputusan akan lebih jelas bagimu.” Ali berkata, “setelah itu aku tetap menjadi hakim atau aku tidak merasa ragu dalam memberikan keputusan.”<sup>67</sup>

Hadith tersebut menjelaskan bahawa, sekiranya datang dua orang yang bertikai duduk di hadapan seorang hakim, maka janganlah hakim itu menjatuhkan hukuman

<sup>66</sup> Abdul Monir Yaacob, “Etika Peguam Menurut Perspektif Islam,” 118.

<sup>67</sup> Abu Dāud Sulaymān Ibn al-Ash‘ath al-Sijastānī, *Sunan Abī Dāud* “Kitāb al-Aqdhiyah”, no. Hadith 3582, (Dār Ihyā’ u as-Sunnah an-Nabawiyyah, t.t), 3: 301; Abādī Abī at-Tayyib Shams al-Ḥaq al-‘Azīz, ‘Awwun al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abī Dāwud “Kitāb al-Qaḍā”, no. hadith 3565, (Dār al-Fikr, 1968), 9:498-499.

sehingga beliau mendengar keterangan dan hujah pihak kedua sepermata mendengar keterangan dan hujah pihak pertama, kerana itulah yang lebih layak dilakukan agar jelas bagi seorang hakim untuk menjatuhkan hukuman.

Dari sudut Islam, pihak yang terlibat dalam mempengaruhi keputusan hakim akan ditanya pada hari kiamat terhadap tindakannya yang melenceng dari keadilan. Lebih berat lagi apabila dia tahu apa yang dilakukan itu salah dan walaupun pada zahirnya dia menang akan tetapi dia tetap mendapat kemurkaan Allah SWT. Begitu juga bagi orang yang bersekongkol ke arah tersebut.<sup>68</sup>

Hal ini menunjukkan bahawa, sekiranya ada pihak yang menuntut sesuatu yang ianya tidak berhak adalah satu kezaliman. Begitu juga, mengambil hak orang lain, mencabul hak orang lain, menempatkan sesuatu bukan pada tempatnya, memberikan hak kepada yang tidak berhak, dan membantu kezaliman turut dianggap melakukan kezaliman. Setiap kelakuan tersebut hendaklah dielak dan dicegah.<sup>69</sup>

### **2.2.2 Konsep *al-Wakālah bi al-Khuṣūmah***

Seorang Peguam Syarie mempunyai perwakilan di mahkamah untuk anak guamnya melalui konsep *al-Wakālah bi al-Khuṣūmah* iaitu prinsip wakalah di dalam Islam. Wakalah berasal daripada perkataan bahasa Arab yang memberi makna bertanggungan dan menunaikan urusan orang lain, bergantung kepada yang lain,<sup>70</sup> penjagaan, menyerah,<sup>71</sup> menjamin dan lengkap. Hal ini bermakna, apabila seseorang itu

<sup>68</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, “Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya,” 197.

<sup>69</sup> *Ibid.*, 197.

<sup>70</sup> Siti Zalikhah Md. Nor, “*Al-Wakalah Bi Al-Khusumah*,” 193.

<sup>71</sup> Mūṣṭafā al-Khinī, Mūṣṭafā al-Bughā, ‘Ali ash-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-Imam Shafī’i*, (Damshiq: Dār al-Qālam, 1992), 7: 165.

dipanggil “wakil” ia bererti orang itu adalah penjaga, penjamin, pelengkap atau seseorang itu diserahkan kepadanya sesuatu hal atau urusan dilakukannya.<sup>72</sup>

Konsep *al-Wakālah bi al-Khuṣūmah* juga memberi pengertian perdebatan yang berlaku di antara dua pihak yang bertikai dan berbalah.<sup>73</sup> Ini bermakna, seseorang yang mewakili tertuduh di dalam mahkamah mempunyai hak untuk menjalankan tugas-tugas pembelaan di dalam sesuatu kes dan sekiranya perlantikan wakil itu sah, maka haruslah hakim mendengar dakwaannya.<sup>74</sup> Firman Allah SWT dalam ayat al-Quran iaitu:

وَإِنْ خَفَتْ شِقَاقٌ بَيْنَهُمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا  
إِصْلَحًا يُوقِّقُ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْهِمَا حَبِيرًا

Al-Nisā' 4:35

Terjemahan: Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua "orang tengah" itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpaktat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuan-Nya.<sup>75</sup>

Ayat di atas menjelaskan bahawa apabila berlaku pergaduhan antara suami isteri dan tiada penyelesaian dicapai, maka seseorang akan dilantik sebagai wakil mereka dan akan menilai masalah mereka. Walaupun nas ini khusus yang hak berkaitan suami isteri, namun ia secara jelas menunjukkan kesahihan perwakilan.<sup>76</sup> Wakil bermaksud penjaga,

<sup>72</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, “Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya,” 207.

<sup>73</sup> Al-Sarakhsiy, *Kitāb al-Mabsūt li Shamsuddīn* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1978) 9:5.

<sup>74</sup> Mohamed Sazali Abdul Aziz, “Peranan Peguambela Dalam Kes-kes Jenayah Syariah,” 185.

<sup>75</sup> *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Kuala Lumpur: Dar Al-Fikr, 1998), 30: 156-157.

<sup>76</sup> Muṣṭafa al-Khin, Muṣṭafa al-Bugha, ‘Ali ash-Sharbaji, *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-Imām Shāfi‘i*, 7: 165.

manakala *al-wakālah* ialah tempat menyerah urusan.<sup>77</sup> Seseorang itu dilantik menjadi wakil bererti telah diserahkan kepadanya urusan untuk dijaga, dijamin dan dilaksanakan.<sup>78</sup> Hal ini bermakna, adalah diharuskan melantik wakil untuk melaksanakan sesuatu perkara walaupun sesuatu perkara tersebut boleh dilakukan sendiri biarpun dari sudut prinsip sahaja<sup>79</sup> dengan syarat urusan ini mestilah boleh diwakilkan.

Maksud *al-Wakālah bi al Khuṣūmah* berkait dengan beberapa perkara seperti urusan yang diwakilkan hendaklah dilihat kesannya kembali kepada anak guam bukan kepada peguam. Perwakilan juga hendaklah dari permulaan tindakan dan prosiding iaitu sekiranya anak guam yang mendakwa maka peguam hendaklah memulakan pendakwaan dan mengemukakan keterangan. Di samping itu, peguam hendaklah menjawab segala dakwaan berserta dengan keterangan dan mengemukakan pembelaan. Kesemua tindakan ini hendaklah dibuat di mahkamah.<sup>80</sup>

Jumhur ulama' menjelaskan bahawa Islam mengharuskan seseorang itu melantik wakilnya sepetimana yang telah dijelaskan di dalam sumber perundangan Islam iaitu beberapa potong ayat dan hadith yang dijadikan sandaran ulama' dalam pensyariatan wakalah.<sup>81</sup> Antaranya telah dinyatakan di dalam al-Quran iaitu:

<sup>77</sup> Wahbah al-Zuhaiyli , *Fiqh dan Perundangan Islam*, 152.

<sup>78</sup> Abī Bakr Ibnu Muḥammad, *Hashiyah Ḣanah at- Ṭālibīn*, (Maktabah wa Maṭba‘ah Sulaymān Mar‘iy, t.t), 3:84.

<sup>79</sup> Wahbah al-Zuhaiyli , *Fiqh dan Perundangan Islam*, 153.

<sup>80</sup> Siti Zalikhah Md. Nor, “Al-Wakalah Bi Al-Khusumah” 194.

<sup>81</sup> Wahbah al-Zuhayli, *Al Fiqh Al Islāmiy Wa Adallatuhu*, 5: 4059.

وَكَذَلِكَ بَعْشَنْهُمْ لِيَتَسَاءَلُوا بَيْنَهُمْ قَالَ قَاتِلُهُمْ كَمْ لَبِثْتُمْ قَالُوا لَبِثْنَا  
 يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ قَالُوا رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثْتُمْ فَابْتَغُوا أَحَدًا كُمْ بِوَرْقُكُمْ  
 هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلَيَظْعَرُوكُمْ أَزْكِي طَعَامًا فَلَيَأْتِيَكُمْ بِرْزُقٍ مِنْهُ وَلَيَتَلَطَّفُ وَلَا  
 يُشْعِرَنَّ بِكُمْ أَحَدًا

Al-Kahf 18: 19

Terjemahan: Dan demikianlah pula kami bangkitkan mereka (dari tidurnya), supaya mereka bertanya-tanyaan sesama sendiri. salah seorang di antaranya bertanya: "Berapa lama kamu tidur?" (sebahagian dari) mereka menjawab: "Kita telah tidur selama sehari atau sebahagian dari sehari". (sebahagian lagi dari) mereka berkata: "Tuhan kamu lebih mengetahui tentang lamanya kamu tidur; sekarang utuslah salah seorang dari kamu, membawa wang perak kamu ini ke bandar; kemudian biarlah dia mencari dan memilih mana-mana jenis makanan yang lebih baik lagi halal (yang dijual di situ); kemudian hendaklah ia membawa untuk kamu sedikit habuan daripadanya; dan hendaklah ia berlemah-lembut dengan bersungguh-sungguh (semasa di bandar); dan janganlah dia melakukan sesuatu yang menyebabkan sesiapapun menyedari akan hal kamu.<sup>82</sup>

Ayat di atas diturunkan untuk menceritakan bahawa Allah telah menidurkan *Ashabul Kahfi*, selama beratus-ratus tahun lamanya dalam keadaan sihat dan selamat, demikian juga mereka dibangkitkan dalam keadaan tidak terjejas sedikit pun, sehingga mereka sendiri tidak menyedari apa yang telah terjadi kepada mereka bahkan ada di antara mereka yang menyangka bahawa mereka tidur hanya selama sehari atau kurang dari itu.<sup>83</sup> Selepas mereka bangun dari tidur, mereka telah mengutus seorang di kalangan mereka sebagai wakil ke bandar dengan membawa wang perak untuk membeli makanan untuk dimakan di mana utusan tersebut bertindak sebagai wakil mereka. Dapat

<sup>82</sup> *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Kuala Lumpur: Dar Al-Fikr, 1998), 30: 587.

<sup>83</sup> *Ibid.*,

dirumuskan bahawa, boleh melantik wakil di dalam sesuatu urusan seperti membeli-belah.<sup>84</sup>

Selain itu, turut diceritakan di dalam ayat yang lain, Allah berfirman bahawa:

قَالَ رَبِّ إِنِّي قَتَلْتُ مِنْهُمْ نَفْسًا فَأَخَافُ أَنْ يَقْتُلُونِ ﴿٣﴾ وَأَخَى هَرُوتُ هُوَ أَفْصَحُ مِنِّي لِسَانًا فَأَرْسَلَهُ مَعِ رِدَاءً يُصَدِّقُنِي ﴿٤﴾ إِنِّي أَخَافُ أَنْ يُكَذِّبُونِ  
Al-Qaṣāṣ 28: 33-34

Terjemahan: Nabi Musa merayu dengan berkata: "Wahai Tuhanaku, bahawa aku telah membunuh seorang dari kalangan mereka; oleh itu aku takut mereka akan membunuhku". "Dan saudaraku Harun, ia lebih fasih lidahnya daripadaku, maka utuslah dia bersama-samaku sebagai penyokong yang mengakui kebenaranku; sesungguhnya aku bimbang bahawa mereka akan mendustakan daku".<sup>85</sup>

Ayat tersebut menjelaskan bahawa guaman syarie dibenarkan atas asas bahawa keadilan mesti ditegakkan. Di dalam ayat tersebut menceritakan kisah Nabi Harun AS membantu Nabi Musa AS dalam pertikaian yang membabitkan Nabi Musa AS sebagai tertuduh. Ini membuktikan bahawa mendapatkan bantuan dari segi guaman adalah dibenarkan di dalam Islam.<sup>86</sup> Tidak ada sebarang halangan yang boleh dikenakan terhadap tertuduh untuk mendapatkan bantuan guaman bagi membela dirinya sewaktu dibicarakan. Dalam pada itu adalah menjadi hak peguam untuk diberitahu oleh tertuduh mengenai segala kebenaran berkenaan kesnya.<sup>87</sup>

<sup>84</sup> Muḥammad Zuḥaylī, *al Mu'tamad fi al Fiqh al Shāfi'i*, (Damsyiq: Dār al-Qalam, 2007), 3: 326; Mahmud Saedon Awang Othman, "Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya," 209.

<sup>85</sup> *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Kuala Lumpur: Dar Al-Fikr, 1998), 30: 831-832.

<sup>86</sup> *Ibid.*,

<sup>87</sup> Siti Zubaidah Ismail, "Hak Tertuduh dalam Kesalahan Jenayah Syariah," dalam *Undang-Undang Islam di Malaysia Prinsip dan Amalan*, ed. Ahmad Hidayat Buang (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007), 236.

Pensyariatan tentang *al wakālah bi al khuṣūmah* juga telah disebut di dalam hadith Rasulullah SAW, antaranya Jabir Bin Abdullah berkata:

حَدَّثَنَا عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ سَعْدٍ بْنُ إِبْرَاهِيمَ أَخْبَرُنَا عَمِّي أَخْبَرُنَا أَبِيهِ عَنْ أَبِنِ إِسْحَاقَ عَنْ أَبِي نُعَيْمٍ وَهُبَّ بْنِ كَيْسَانَ عَنْ جَابِرٍ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّهُ سَعَاهُ يُحَدِّثُ قَالَ: أَرَدْتُ الْحُرُوجَ إِلَى حَيْبَرَ فَأَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَلَّمَتْ عَلَيْهِ وَقُلْتُ لَهُ: إِنِّي أَرَدْتُ الْحُرُوجَ إِلَى حَيْبَرَ، فَقَالَ: إِذَا أَتَيْتَ وَكِيلِي فَحُدُّ مِنْهُ خَمْسَةُ عَشَرَ وَسَقًا، فَإِنْ اِتَّغَى مِنْكَ آيَةً فَضَعْ يَدَكَ عَلَى تَرْفُوتِهِ.

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami ‘Ubaidullah bin Sa’ dan bin Ibrahim telah memberitahu kami iaitu bapa saudaraku telah menceritakan kepada kami iaitu bapaku dari Ibnu Ishaq dari Abu Nu’aim Wahab bin Kaisan dari Jabir bin Abdullah bahawa ia mendengarnya dan menceritakan bahawa “aku ingin pergi ke Khaibar, lalu aku datang menemui Rasulullah SAW, maka aku ucapkan salam kepadanya kemudian berkata, “sesungguhnya aku ingin pergi ke Khaibar.” Kemudian Baginda bersabda, “apabila engkau datang kepada wakilku, maka ambillah darinya lima belas gantang (gandum), dan jika ia meminta darimu bukti (yang engkau adalah wakilku) maka letakkanlah tanganmu ke atas bahunya (sebagai bukti).”<sup>88</sup>

Baginda SAW telah mengamalkan amalan melantik wakil di dalam banyak perkara, misalnya di dalam urusan perkahwinan, tugas kerajaan seperti memungut zakat, jual beli, mentadbir askar dan hal ehwal negeri-negeri dan daerah-daerah.<sup>89</sup>

<sup>88</sup> Abu Dāud Sulaymān Ibn al-Ash‘ath al-Sijastānī, *Sunan Abī Dāud “Kitāb al-Aqdhiyah”*, no. Hadith 3632, (Dār Ihyā’u as-Sunnah an-Nabawiyyah, t.t), 3: 314; Abādī Abī at-Tayyib Shams al-Haq al-‘Azīm, *‘Awwun al-Ma’būd Sharāḥ Sunan Abī Dāwud “Kitāb al-Qadā”*, no. hadith 3627, (Beirut: Dār al-Kutub, 1995), 9-10: 44.

<sup>89</sup> Wahbah al-Zuhaiyli, *Fiqh dan Perundangan Islam*, 153.

Di samping itu, dalam hadith lain yang diriwayatkan oleh Umm Salamah Rasulullah SAW ada berpesan dan memberi peringatan kepada pihak-pihak dalam perbicaraan, iaitu:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ كَثِيرٍ أَنَّبَانَا سُفِيَّاً عَنْ هِشَامٍ بْنِ عُرْوَةَ عَنْ زَيْنَبَ بْنِتِ  
أُمِّ سَلَمَةَ عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ  
وَإِنَّكُمْ تَخَصِّمُونَ إِلَيَّ وَأَعْلَمُ بَعْضَكُمْ أَنْ يَكُونَ الْحَنْدَقَةَ مِنْ بَعْضٍ فَافْتَصِي لَهُ  
عَلَى تَحْوِي مِمَّا (مَا) أَسْمَعْتُ مِنْهُ فَمَنْ قَضَيْتُ لَهُ مِنْ حَقٍّ أَخِيهِ شَيْئًا (بِشَيْءٍ) فَلَا يَأْخُذُ  
مِنْهُ شَيْئًا فَإِنَّمَا أَقْطَعُ لَهُ قَطْعَةً مِنَ النَّارِ.

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Kasir telah memberitahu kepada kami Sufyan dari Hisyam bin 'Urwah dari 'Urwah dari Zainab binti Ummu Salamah ia berkata, “Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia, dan kamu datang mengadukan pertikaian kamu kepadaku. Boleh jadi ada di antara kamu lebih pandai dalam petah dalam menghuraikan hujahnya daripada yang lain, aku hanya memutuskan perkara yang dipertikaikan menurut apa yang aku dengar (daripada keterangan yang kamu berikan). Maka sesiapa yang aku hukumkan baginya sesuatu daripada hak saudaranya, janganlah kamu mengambilnya sesungguhnya aku telah memberikan kepadanya sepotong api neraka.”<sup>90</sup>

Hadith di atas menjelaskan bahawa sekiranya seorang individu tidak petah dalam berhujah dibolehkan melantik Peguam Syarie untuk membawa kesnya. Namun, sekiranya wakil tersebut memberikan keterangan yang palsu melalui hujah yang

<sup>90</sup> Abu Dāud Sulaymān Ibn al-Ash‘ath al-Sijastānī, *Sunan Abī Dāud* “Kitāb al-Aqdhiyah”, no. Hadith 3583, (Dār Ihyā’u as-Sunnah an-Nabawiyyah, t.t), 3: 301; Abādī Abī at-Tayyib Shams al-Ḥaq al-‘Azīz, ‘Awwun al-Ma‘būd Sharah Sunan Abī Dāwud “Kitāb al-Qaḍā”, no. hadith 3565, (Dār al-Fikr, 1968), 9: 500.

dikemukakan akan diberi azab api neraka.<sup>91</sup> Selain itu, kaedah yang dapat diambil ialah hukuman mahkamah tidak menghalalkan yang haram dan tidak diharuskan bagi seorang mengambil harta orang lain dengan cara penghujahan yang bijaksana dan kekuatan logik atau rasional serta dengan mengadakan saksi-saksi bohong bersama mereka.<sup>92</sup>

Tiada perselisihan pandangan di kalangan ulama' mengenai keharusan pensyariatan wakalah. Semuanya berpendapat bahawa harus bagi seseorang itu melantik wakilnya untuk melaksanakan tugas yang diberi oleh pewakilnya selama mana ia diharuskan syarak.<sup>93</sup>

Boleh dirumuskan di sini bahawa tidak ada mazhab yang menolak konsep wakalah ini kerana bab ini telah dinyatakan dengan jelas pensyariatan tersebut di dalam al-Quran dan as-Sunnah.<sup>94</sup> Jika dilihat daripada semua dalil yang disyariatkan tersebut, konsep wakalah memainkan peranan penting di dalam sistem pentadbiran undang-undang Islam dan kehakiman. Prinsip tersebut telah digunakan secara meluas dalam rutin kehidupan kita sejak zaman dahulu lagi sama ada perwakilan tersebut disengajakan ataupun tidak.<sup>95</sup>

Walau bagaimanapun, menurut Wahbah al-Zuhayli hukum asal hanya membenarkan perwakilan yang boleh menghilangkan kemudharatan bagi pewakil seperti membelikan makanan kerana darurat.<sup>96</sup> Akan tetapi, perwakilan menjadi haram

<sup>91</sup> Siti Zalikhah Md. Nor, "Al-Wakalah Bi Al-Khusumah" 195.

<sup>92</sup> Abdul Monir Yaacob, "Etika Peguam Menurut Perspektif Islam," 119.

<sup>93</sup> Shirbini, Muhammad Ibn Ahmad, *Mughni al Muhtaj*, (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1997), 2:281.

<sup>94</sup> Ibn Abi al-Dam, *Kitāb Adab al-Qadā*, (Dār al-Fikr, 1982), 621-626; Ibn Farhūn, *Tabṣīrah al-Hukkām*, (Beirut: Dār āl-Kutb al-'Ilmiyyah, 1995), 1: 134; Al-Ṭarabulusiy, *Mu'ayyin al-Hukkām*, (Mesir: Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafa al-Bābiy al-Ḥalabī wa Awlāduhu, 1973), 2: 250.

<sup>95</sup> Wahbah al-Zuhayli, *Al Fiqh Al Islāmiy Wa Adallatuhu*, 5: 4061.

<sup>96</sup> *Ibid.*, 4061.

sekiranya membantu membelikan rokok, arak dan riba.<sup>97</sup> Ini bermakna, hukum perwakilan itu bergantung pada tujuan dan perkara yang hendak diwakilkan.

*Al wakil bi al khusumah* atau lebih dikenali di Malaysia sebagai Peguam Syarie diberi tugas untuk mewakili individu tertentu di dalam sesuatu prosiding Mahkamah Syariah memberikan mereka tanggungjawab untuk memberikan hak anak guam untuk bertindak di dalam apa jua perkara yang berkaitan dengan prosiding tersebut.<sup>98</sup> Pendapat ini disokong oleh mazhab Hanafi kerana pada pandangan mereka tugas Peguam Syarie ialah untuk mempertahankan kebenaran dengan menjelaskan sesuatu hak dan mensabitkannya<sup>99</sup> bukanlah hanya diberi peluang semata untuk mewakili pihak tersebut bertikai di dalam sesuatu kes. Dalam menegakkan kebenaran ada kalanya kita menolak dakwaan atau tuduhan kerana ia salah dan ada kalanya kita menerima dan mengakuinya kerana ia betul.<sup>100</sup> Dengan erti kata lain, setiap dakwaan atau tuduhan itu tidak semestinya betul mahu pun salah.

Peguam Syarie boleh menerima upah dan boleh juga tidak menerimanya, hal ini kerana Rasulullah SAW telah melantik wakil-wakil baginda untuk mengutip zakat dengan memberi upah. Sekiranya perlantikan wakil dengan upah, maka syarat untuk mengadakan kontrak atau perjanjian hendaklah dipenuhi supaya hukumnya sama dengan orang yang diberi upah. Syarat ini menguatkan lagi tugas wakil untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut dan ia tidak boleh meninggalkan tugas tersebut tanpa keuzuran yang diharuskan. Malahan, sekiranya jumlah upah tidak dinyatakan kepada wakil, maka

---

<sup>97</sup> Muḥammad Zuḥaylī, *al Mu'tamad fi al Fiqh al Shāfi'i*, 329.

<sup>98</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, "Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya," 212.

<sup>99</sup> Wahbah al-Zuḥaylī, *Al Fiqh Al Islāmiy Wa Adallatuhu*, 5

<sup>100</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, "Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya," 212.

ia ditentukan mengikut ‘uruf dan adat atau upah yang setimpal dengan tugas dilakukannya.<sup>101</sup>

Secara dasarnya, apabila seorang Peguam Syarie dilantik sebagai wakil untuk menjalankan prosiding mahkamah, maka tindakan wakil tersebut adalah sah. Oleh yang demikian, seorang Peguam Syarie berhak menguruskan semua perkara sama ada dalam urusan untuk membuktikan hak anak guam maupun mempertahankan anak guam daripada segala tuduhan lawan.<sup>102</sup>

Mazhab Syafi’i menjelaskan wakalah di dalam kes-kes guaman adalah sah selagi mana urusan tersebut boleh dilakukan secara gantian (*niyabah*) dan tidak ditentukan seseorang melakukannya dengan sendiri. Oleh itu, tidak boleh diwakilkan bagi ikrar yang zahir, kerana lafaz wakalah yang terlalu umum akan menimbulkan penipuan (*gharar*).<sup>103</sup> Hal ini juga kerana tugas peguam yang dilantik hanyalah sebagai wakil dalam perbicaraan untuk berhadapan dengan hujah lawan. Jelaslah bahawa, ikrar ini bercanggah dengan maksud perwakilan kerana dengan adanya ikrar tersebut membuatkan pengakuan terkeluar daripada maksud perwakilan.<sup>104</sup>

Akan tetapi, sekiranya dinyatakan dengan jelas perkara yang diwakilkan maka wakalah tersebut diharuskan. Perwakilan hanya boleh dilakukan ke atas sesuatu yang

<sup>101</sup> Wahbah al-Zuhayli, *Al Fiqh Al Islāmiy Wa Adallatuhu*, 5; Wahbah al-Zuhayli , *Fiqh dan Perundangan Islam*, 154; Mahmud Saedon Awang Othman, “Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya,” 212.

<sup>102</sup> Muṣṭafa al-Khin, Muṣṭafa al-Bugha, ‘Ali ash-Sharbaji, *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-Imām Shāfi‘i*, 7: 176.

<sup>103</sup> Ibn Abi al-Dam, *Kitāb Adab al-Qadā*, 621-622.

<sup>104</sup> Muṣṭafa al-Khin, Muṣṭafa al-Bugha, ‘Ali ash-Sharbaji, *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-Imām Shāfi‘i*, 7: 176.

menjadi milik anak guam.<sup>105</sup> Justeru itu, lafaz dan kandungan akad iqrar adalah penting di dalam menentukan kuasa wakil di dalam melaksanakan tugasnya.<sup>106</sup>

### **2.2.3 Perkara Yang Boleh Diwakilkan**

Umumnya hubungan di antara Peguam Syarie dengan anak guamnya adalah hubungan di antara wakil dengan yang mewakilkan berdasarkan prinsip wakalah di dalam Islam. Untuk sahnya sesuatu perwakilan adalah disyaratkan beberapa syarat kepada orang yang memberi wakil dan kepada orang yang menerima wakil serta perkara yang diwakilkan.<sup>107</sup>

Terdapat syarat-syarat yang perlu dimiliki oleh seorang wakil seperti wakil hendaklah seorang yang berakal dan mumaiyiz<sup>108</sup> kerana sifat tersebut akan menentukan seorang wakil itu menjalankan tanggungjawab dalam segala urusannya.<sup>109</sup> Wakalah hendaklah dilakukan dengan menentukan<sup>110</sup> atau mengkhususkan orang tertentu dan wakil tersebut mengetahui pihak yang melantiknya iaitu anak guam.<sup>111</sup> Dalam konteks semasa *al-wakālah bi al-khuṣūmah* di Mahkamah Syariah, wakil mestilah mempunyai pengetahuan yang kukuh dalam Hukum Syarak dan perjalanan undang-undang yang berkuatkuasa.

Pewakil pula ialah pihak yang meminta bantuan orang lain melakukan beberapa urusan bagi pihaknya. Pewakil disyaratkan mestilah seorang yang dibenarkan

<sup>105</sup> Ibn Abi al-Dam, *Kitāb Adab al-Qadā*, 623.

<sup>106</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, “Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya,” 216.

<sup>107</sup> Wahbah al-Zuḥayli, *Al Fiqh Al Islāmiy Wa Adallatuhu*, 5: 4061.

<sup>108</sup> Shirbini, Muhammad Ibn Ahmad, *Mughni al Muḥṭāj ila Ma’rifah Ma’āni Alfāz al Minhāj* (Beirut: Dār al-Kutb al-‘Ilmiyyah, 1994), 3: 232.

<sup>109</sup> Abdul Monir Yaacob, “Etika Peguam Menurut Perspektif Islam,” 120.

<sup>110</sup> Shirbini, Muhammad Ibn Ahmad, *Mughni al Muḥṭāj ila Ma’rifah Ma’āni Alfāz al Minhāj*, 3: 235.

<sup>111</sup> Abdul Monir Yaacob, “Etika Peguam Menurut Perspektif Islam,” 120.

menguruskan secara langsung perkara diwakilkan, sama ada sebagai pemilik atau sebagai penjaga. Maksudnya, pewakil dari segi syarak mestilah berhak menguruskan perkara yang diserahkan kepada orang lain dan syarak memperakui kesahihan segala tindakan yang dilakukannya dalam urusan tersebut membawa kepada implikasi serta hukum. Jika pewakil tidak dibenarkan menguruskan perkara tersebut, tindakannya menyerahkan perkara tersebut kepada wakil adalah tidak sah. Ini kerana pewakil adalah asas dalam perkara ini.<sup>112</sup>

Sesuatu wakalah akan tamat apabila selesai perkara yang diwakilkan.<sup>113</sup> Menurut Mazhab Hanafi sesuatu wakalah juga boleh tamat apabila pewakil murtad dengan syarat dia berlindung di bawah negara *harbi* (musuh) kerana dalam hal ini sama hukumnya dengan penduduk negara itu. Tetapi, jika dia masih berada di dalam negara Islam, maka tidak terbatal akad wakalah dengan sebab murtadnya pewakil. Manakala menurut Mazhab Shaff'i dan Hanbali tidak terbatal akad wakalah dengan murtadnya pewakil.<sup>114</sup>

Hal ini bermakna, wakalah Peguam Syarie sebagai wakil bagi anak guam yang murtad adalah sah. Oleh yang demikian, seorang Peguam Syarie berhak menjalankan prosiding mahkamah dan menguruskan semua urusan bagi anak guam murtad dengan syarat anak guam masih berada di dalam negara Islam. Manakala, dalam menentukan perwakilan Peguam Syarie dalam mengendalikan permohonan kes murtad, perbincangan mengenai perkara yang boleh diwakilkan hendaklah dijelaskan oleh pengkaji terlebih dahulu.

<sup>112</sup> Muṣṭafa al-Khin, Muṣṭafa al-Bugha, ‘Ali ash-Sharbaji, *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-Imām Shāfi‘i*, 7: 168.

<sup>113</sup> Siti Zalikhah Md. Nor, “*Al-Wakalah Bi Al-Khusumah*” 199.

<sup>114</sup> Al-Tarabulusiy ‘Ali Bin Khalil, *Mu‘ayyin al-Hukkām*, 252-253; Wahbah al-Zuḥayli, *Al Fiqh Al Islāmiy Wa Adallatuhu*, 5: 4117;

Perkara yang diwakilkan ialah urusan yang akan dilakukan oleh wakil pihak pewakil. Perkara ini perlu memenuhi syarat-syarat berikut iaitu perkara itu hendaklah diketahui oleh wakil, perkara itu hendaklah terdiri daripada perkara yang harus dilaksanakan di sisi syarak dan perkara itu hendaklah perkara yang boleh diwakilkan seperti jual beli, sewa, derma dan sebagainya.<sup>115</sup>

Menekuni perbincangan mengenai perkara yang diwakilkan ini, perkara yang boleh diwakilkan dan perkara yang tidak boleh diwakilkan melibatkan hak-hak manusia dan hak-hak Allah. Perkara yang berkaitan dengan hak-hak manusia seperti perkahwinan, perceraian, perkongsian, perundingan dan sebagainya adalah sah menurut para ulama'.<sup>116</sup> Ini bermakna perkara tersebut boleh diwakilkan dalam membuktikan hak-hak manusia. Manakala, perkara yang berkaitan dengan hak-hak Allah pula seperti ibadat-ibadat khusus adalah tidak boleh diwakilkan.<sup>117</sup> Selain itu, perwakilan dalam hak-hak Allah juga termasuk dalam hukuman bagi kesalahan hudud yang mana ianya terbahagi kepada dua aspek iaitu pembuktian dan pelaksanaan.<sup>118</sup>

Dalam *Kitāb Sharḥ Adāb al-Qādī* menjelaskan perwakilan yang dimaksudkan merujuk kepada kesalahan-kesalahan *had* dan *qīṣāṣ* di mana kesalahan tersebut tidak boleh diberi wakalah. Hal ini kerana, kesalahan *had* boleh gugur dengan sebab berlaku apa-apa keraguan atau syubhat di mana syubhat boleh menyebabkan gugurnya sabitan, maka sebab itu kesalahan *had* ini tidak harus ada pertukaran orang. Tambahan pula,

<sup>115</sup> Wahbah al-Zuhayli, *Al Fiqh Al Islāmiy Wa Adallatuhu*, 5: 4065.

<sup>116</sup> Muṣṭafa al-Khin, Muṣṭafa al-Bughā, ‘Ali ash-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-Imām Shāfi‘i*, 7: 173.

<sup>117</sup> *Rawḍah al-Tālibīn*, (al-Maktab al-Islamīy, 1966), 4: 293; al-Shafī‘ī, Muḥammad Ibn Aḥmad, *Nihāyah al-Muḥtāj ila Sharḥ al-Minhāj: fī al-Fiqh ‘ala Madhhāb al-Imām al-Shāfi‘i* (Maktabah wa Maṭba‘ah Muṣṭafa al-Bābiy al-Ḥalabī wa Awlāduhu, 1967), 5:18; Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugho, Ali asy-Syarbajī, *Al-Fiqh Al-Manhaji Mazhab Al-Syafie*, terj. Zulkifle Mohamad al-Bakri et al., 14-15.

<sup>118</sup> Al-Khaṣṣāf, *Kitāb Sharḥ Adāb al-Qādī*, 3:433.

dalam kesalahan *had* keterangan dengar cakap (*tasāmu'*) tidak boleh diterima.<sup>119</sup> Namun, seseorang yang didakwa atau ditahan atas tuduhan melakukan kesalahan maksiat atau jenayah boleh memilih wakilnya sama ada dari kalangan peguam atau orang lain yang akan bertindak bagi pihaknya, kecuali dalam perkara-perkara yang telah dinyatakan di atas.<sup>120</sup>

Perwakilan dalam kes takzir pula diharuskan kerana pembuktian dan pelaksanaan melibatkan hak seseorang kerana pembuktianya tidak akan jatuh dengan keraguan atau syubhah berbeza dengan kes hudud<sup>121</sup> yang memerlukan tahap pembuktian yang tinggi. Oleh itu, adakah perwakilan Peguam Syarie dalam kes murtad menepati perkara yang diwakilkan di dalam prinsip wakalah di dalam Islam. Sebelum menjawab persoalan tersebut, kita harus jelas kedudukan murtad di dalam kerangka Hukum Syarak. Syarak menghukumkan murtad sebagai haram dan dikategorikan sebagai kesalahan hudud.<sup>122</sup> Oleh itu, ia tidak boleh dipohon untuk dilaksanakan tetapi mesti ditegah dan dihalang.

Apabila suatu perkara yang diwakilkan itu terdiri daripada perkara yang tidak harus dilaksanakan di sisi syarak maka tindakan anak guam menyerahkan perkara tersebut kepada Peguam Syarie adalah tidak sah. Hal ini kerana, perwakilan hanya boleh dilakukan ke atas sesuatu yang menjadi milik anak guam. Oleh itu, perkara murtad merupakan perkara yang tidak boleh dipohon dan tidak boleh menjadi milik anak guam. Tambahan pula, perkara murtad juga merupakan perkara yang melibatkan hak Allah yang tidak boleh diwakilkan kerana ianya dikategorikan sebagai kesalahan hudud.

---

<sup>119</sup> *Ibid.*, 433.

<sup>120</sup> Abdullah Abu Bakar , „Sudut : Acara Jenayah Islam,” *Jurnal Hukum* 6, 2 (Ogos 1989), 216-238.

<sup>121</sup> Wahbah al-Zuhayli, *Al Fiqh Al Islāmiy Wa Adallatuhu*, 5:4069.

<sup>122</sup> Muṣṭafa al-Khin, Muṣṭafa al-Bugha, ‘Ali ash-Sharbaji, *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-Imān Shāfi‘i*, 8: 107.

Sekiranya, perwakilan itu dilakukan untuk memberikan hak kepada anak guam untuk murtad maka tindakan perwakilan itu bertentangan dengan prinsip wakalah.

Peguam Syarie yang menerima kes permohonan murtad bermakna meletakkan jenayah murtad dalam kes mal bukan kes jenayah. Secara tidak langsung ia menghalalkan murtad. Sedangkan Hukum Syarak mengharamkan perbuatan murtad. Oleh kerana ia berlawanan dengan Hukum Syarak, maka ia dikategorikan sebagai *maslahah mulghāh*. *Maslahah mulghāh* ditolak untuk dijadikan hujah bagi menegakkan sesuatu hukum atau undang-undang dalam Hukum Syarak.<sup>123</sup> Jika *maslahah mulghāh* diterima maka ia boleh dijadikan hujah bahawa pelacuran, judi dan arak juga boleh dipohon untuk dilakukan oleh orang Islam kerana ada kebaikan negara seperti perolehan hasil kutipan cukai dari aktiviti-aktiviti tersebut boleh memajukan negara.<sup>124</sup>

Justeru itu, permintaan anak guam yang meminta untuk keluar dari Islam secara sah harus ditolak oleh Peguam Islam dengan menasihati pemohon untuk kembali kepada Islam dan menjelaskan bahawa apa yang dipohon adalah bagi memperolehi sebahagian dari api neraka.<sup>125</sup> Hal ini kerana prinsip asas dalam hukuman bagi kesalahan hudud ialah mengelakkannya. Maksudnya Allah akan mengutamakan aspek-aspek untuk mengelak dan menggugurkan kesalahan. Oleh itu, kes akan digugurkan jika terdapat sebarang keraguan. Dengan ini, tindakan perwakilan tersebut bercanggah dengan prinsip ini kerana ia akan mewajibkan hukuman ini dilaksanakan.<sup>126</sup>

<sup>123</sup> ‘Abdul Karim Zaidan, *Al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh* (Beirut: Muassisah al-Risalah Nashirūn, 2006), 187-188.

<sup>124</sup> Mohamad Zamri bin Mohamad Shapik, “Jenayah Riddah Di Malaysia: Cadangan Penyelesaian Berasaskan Maqasid Syariyyah,” dalam *Undang-Undang Syariah Di Malaysia*, ed. Abdul Karim Ali dan Mohd Roslan Mohd Nor (Shah Alam: Persatuan Ulama’ Malaysia, 2012), 188-189.

<sup>125</sup> Sulaiman Abdullah, “Etika Peguam Di Mahkamah Awam Dan Syariah Keberkesanan Meningkatkan Keadilan”, 145.

<sup>126</sup> Muṣṭafa al-Khin, Muṣṭafa al-Bugha, ‘Ali ash-Sharbaji, *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-Imān Shāfi‘i*, 7: 173.

Jika diperhatikan dengan teliti, ternyata peranan Peguam Syarie membela orang-orang yang dituduh dan orang-orang yang telah dijatuhkan hukuman agar hukuman yang dijatuhkan dikaji semula.<sup>127</sup> Bukannya mewakili pemohon untuk membuktikan perkara yang tidak harus dipohon di sisi syarak.

## 2.3 Konsep Perwakilan Menurut Undang-undang

### 2.3.1 Kehadiran Peguam Syarie Di Mahkamah Syariah

Menurut peruntukan undang-undang, definisi Peguam Syarie telah ditafsirkan di dalam Seksyen 59 iaitu Majlis Agama Islam berkuasa untuk melantik mana-mana individu yang berpengetahuan luas mengenai Hukum Syarak sebagai Peguam Syarie untuk mewakili pihak-pihak yang bertikai dalam apa-apa prosiding di Mahkamah Syariah dan beramal di negeri masing-masing.<sup>128</sup> Bagi wakalah jenayah syariah pula telah dinyatakan di dalam Seksyen 104 yang memperuntukkan bahawa setiap orang yang dituduh di mahkamah berhak untuk dibela oleh Peguam Syarie.<sup>129</sup>

Peranan Peguam Syarie sebagai wakil pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu prosiding di Mahkamah Syariah adalah luas. Peranan tersebut diumpamakan dalam kaedah “*the cab rank rule*” iaitu sebuah teksi yang ditahan oleh seseorang penumpang mestilah membawa penumpang tersebut ke destinasi yang diminta mengikut kawasan lesen yang dibenarkan. Sementara itu, maksud di sebaliknya ialah seseorang peguam boleh menolak menjadi peguam kepada anak guam yang ingin keluar Islam secara

<sup>127</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, “Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya,” 199.

<sup>128</sup> Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

<sup>129</sup> Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

sah.<sup>130</sup> Ini menunjukkan kes murtad boleh dikecualikan dan dielakkan dalam keadaan yang khusus.

Terdapat tiga golongan yang boleh hadir dan menjadi wakil kepada orang yang bertikai di Mahkamah Syariah iaitu individu yang layak menjadi Peguam Syarie, pegawai undang-undang persekutuan dan Peguambela yang dilantik di bawah Akta Profesional Undang-undang 1976.<sup>131</sup> Justeru itu, golongan tersebut sahaja yang dibenarkan hadir di Mahkamah Syariah untuk mewakili kes pihak-pihak yang terlibat.<sup>132</sup> Kebenaran yang diberikan inilah yang akan membantu mahkamah dalam membuat keputusan yang tepat supaya keadilan dapat ditegakkan.<sup>133</sup>

Tugas Peguam Syarie bukan hanya sekadar mewakili anak guam semasa dalam prosiding mahkamah malah sehingga kes selesai dibicarakan. Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah menyimpulkan bahawa khidmat Peguam Syarie dalam mewakili kes-kes jenayah sebenarnya membantu melicinkan pentadbiran mahkamah terutama dalam membantu pihak-pihak mengemukakan dakwaan atau tuntutannya sama ada dalam kes mal maupun jenayah. Hanya untuk beberapa situasi sahaja, adakalanya melambatkan proses penyelesaian kes bila mana penangguhan kes datang daripada Peguam Syarie sedangkan kes telah ditetapkan pada masa kehadirannya terdahulu daripada itu. Di samping itu, ada juga Peguam Syarie yang tidak bersedia untuk meneruskan bicara atau berhujah pada hari yang telah ditetapkan kerana kesibukan dengan kes-kes di Mahkamah Sivil atau sebab-sebab lain yang mereka sahaja ketahui.<sup>134</sup>

<sup>130</sup> Mohamed Azam Mohamed Adil , “Peguam Syarie: Masa Depan Dan Cabarannya Di Malaysia,” 4.

<sup>131</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor), 2003, (No. 1/2003).

<sup>132</sup> Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993, (Akta No. 505, 1993).

<sup>133</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, “Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya,” 217.

<sup>134</sup> *Ibid.*, 181.

Justeru itu, fungsi Peguam Syarie dalam membela anak guam atau tertuduh dalam kes jenayah syariah khususnya adalah untuk membantu mahkamah untuk mencapai keputusan yang adil dan mencegah kezaliman melalui bukti dan dokumen yang dibentangkan di dalam mahkamah berlandaskan konsep *Amicus Curiae* (rakan mahkamah) atau *Officer Of the Court* yang juga terpakai *mutatis mutandis* di dalam kes sivil atau sebaliknya.<sup>135</sup>

Peranan ini telah dinyatakan di dalam Kaedah 11 iaitu para Peguam Syarie yang mewakili anak guam dalam kes jenayah hendaklah mengemukakan pembelaan yang dibenarkan oleh undang-undang secara saksama dan terhormat.<sup>136</sup> Pembelaan tersebut merangkumi apa-apa fakta atau material yang digunakan bukanlah bertujuan untuk melepaskan tertuduh daripada tuduhan. Seorang Peguam Syarie tidak boleh menyembunyikan apa-apa fakta atau material tersebut dengan menyebabkan tertuduh terlepas dari tuduhan.

Perkara ini bertepatan dengan Kaedah 3 yang menyatakan etika bahawa Peguam Syarie hendaklah jujur membela anak guam demi menuntut keadilan dan membantu mahkamah bukannya berniat untuk melepaskan anak guam dari tuduhan.<sup>137</sup> Oleh itu, Peguam Syarie itu sendiri mestilah sentiasa menyedari fungsi mereka sebagai seorang Peguam Syarie. Tugas utama mereka adalah untuk menegakkan keadilan dan menentang kezaliman, bukanlah hanya mementingkan kekayaan. Walaupun begitu, dalam konteks sekarang, faktor bayaran guaman hendaklah berdasarkan kebolehan dan kepakaran yang ada pada Peguam Syarie dalam mengendalikan sesuatu kes.

<sup>135</sup> Mohamed Sazali Abdul Aziz, "Peranan Peguambela Dalam Kes-kes Jenayah Syariah," 186.

<sup>136</sup> Arahan Amalan No.4 Tahun 2002, Etika Peguam Syarie 2001.

<sup>137</sup> Arahan Amalan No.4 Tahun 2002, Etika Peguam Syarie 2001.

Di samping itu, etika ini hendaklah diambil kira supaya imej Sistem Kehakiman Syariah tidak terjejas dengan tingkah laku mana-mana Peguam Syarie yang bercanggah dengan Hukum Syarak. Perkara ini bertepatan dengan Arahan Amalan No.4 Tahun 2002 yang menyatakan semua Peguam Syarie yang beramal di Mahkamah Syariah hendaklah terikat dengan Etika Peguam Syarie 2001.

Justeru, mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti dicela, digantung atau dikeluarkan dari jawatan tersebut sepetimana yang telah diperuntukkan di dalam Bahagian IV, Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1993 (Wilayah-Wilayah Persekutuan). Misalnya, seperti yang dinyatakan di bawah Kaedah 17(2) iaitu telah disabitkan atas suatu kesalahan jenayah; telah melakukan kesalahan pecah amanah atau *fraud* atau kelakuan yang tidak sepatutnya oleh seorang Peguam Syarie; telah menerima atau menawar rasuah untuk kepentingan dirinya; telah cuba mendapatkan pekerjaan bagi dirinya dengan cara yang tidak wajar; telah menerima pekerjaan dalam apa-apa urusan perundangan melalui seorang penarik pelanggan; menjalankan apa-apa urusan perniagaan yang dirasakan tidak sesuai menurut Jawatankuasa dalam kedudukannya sebagai Peguam Syarie; telah melanggar mana-mana peruntukan Kaedah-kaedah ini atau mana-mana akta lain yang berkaitan.<sup>138</sup> Oleh itu, Peguam Syarie hendaklah menjalankan amanah untuk mewakili anak guam mereka dengan betul kerana mereka terikat dengan kaedah tersebut.

### **2.3.2 Situasi Kes Yang Boleh Diwakilkan**

Secara umumnya, terdapat tiga bentuk hukuman bagi mereka yang murtad di Malaysia mengikut undang-undang. Pertama, apabila mereka didakwa sebagai kesalahan jenayah

---

<sup>138</sup> Kaedah-Kaedah Peguam Syarie 1993, (Wilayah-Wilayah Persekutuan), (P.U. (A) 408/1993).

syariah yang boleh didenda sehingga lima ribu ringgit atau penjara sehingga tiga tahun atau disebat sehingga enam sebantan atau gabungan ketiga-tiga bentuk hukuman ini. Keduanya, mereka yang murtad ditahan mandatori di Pusat Pemulihan Akidah sehingga tempoh 36 bulan. Ketiga, tiada sebarang bentuk hukuman yang dikenakan tetapi diwajibkan melalui proses kaunseling sebelum kebenaran keluar Islam diluluskan.<sup>139</sup>

Kesemua bentuk hukuman ini mempunyai latar belakang fakta kes yang berbeza. Peguam Syarie hendaklah mengambil pendekatan untuk melihat situasi kes anak guam yang datang kepada mereka dahulu<sup>140</sup> memandangkan terdapat perbezaan latar belakang kes permohonan keluar daripada agama Islam<sup>141</sup> di Malaysia. Peguam Syarie perlu memilih situasi anak guam yang tertentu dalam membawa kes permohonan keluar Islam. Hal ini kerana terdapat kes yang perlu diambil perhatian oleh para peguam sama ada perlu mewakili atau sebaliknya.

Terdapat lima kategori pihak yang memohon keluar Islam di Mahkamah Syariah.<sup>142</sup> Pertama ialah individu yang lahir berstatus atau beridentiti Islam tetapi tidak pernah mengamalkan agama Islam kerana dibesarkan oleh orang bukan Islam. Golongan ini mendakwa bukan Islam atas alasan sejak kecil tinggal bersama dan dibesarkan dalam keluarga bukan Islam, mengamalkan agama bukan Islam, hanya tinggal nama dan status Islam dalam kad pengenalan. Mereka juga tidak pernah

<sup>139</sup> Musa Awang, “Tangani Isu Murtad”, laman sesawang *myMetro*, dikemaskini 7 Novermber 2012, dicapai 23 Disember 2012, [http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Tanganiisumurtad/Article/index\\_html](http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Tanganiisumurtad/Article/index_html)

<sup>140</sup> Zulkifli Che Yong, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 19 Oktober 2012; Mohd Nor Mohd Din, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 3 November 2012; Faiz Adnan, Peguam Syarie. Dalam temubual dengan penulis, 14 November 2012; Zaidi Zain, Peguam Syarie. Dalam temubual dengan penulis, 26 November 2012; Ab Kadir Ismail, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 28 November 2012; Zaini Zainol, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 25 Disember 2012.

<sup>141</sup> Mahamad Naser Disa, “Pelaksanaan Bidangkuasa Mahkamah Terhadap Pemohon Perisyntiharhan Bukan Lagi Seorang Islam”, 12.

<sup>142</sup> Mohd Shakir Bin Abdul Hamid , “Pembuktian Kes-kes Status Agama” (Kertas Kerja Seminar Isu-Isu Mahkamah Syariah Ke-12 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2 November 2011).1.

mendapat didikan agama Islam atau bimbingan daripada ibu bapa, tidak mendapat kasih sayang atau diabaikan oleh ibu bapa atau keluarga bercerai.

Kedua ialah individu yang dari asal bukan Islam tetapi mempunyai nama yang seakan nama orang Islam. Bukti kenyataan ini dinyatakan dalam kes *Janisah binti Abd Rahim @Bigul*<sup>143</sup> bahawa pemohon bukan seorang Islam dan tidak pernah memeluk Islam. Permohonan ini dibuat atas sebab kekeliruan di pihak Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia Keningau untuk menerima permohonan anak pemohon untuk membuat kad pengenalan kerana masalah nama pemohon dan bapanya yang mirip nama yang biasa dipakai oleh orang Islam sedangkan agama yang dianuti sebaliknya. Mahkamah memutuskan bahawa pemohon tidak pernah memeluk agama Islam kerana tiada rekod daftar kemasukan Islam yang dibuat sama ada oleh pemohon dan bapanya sebagaimana tafsiran seksyen 2(1) mengenai maksud “Orang Islam”.

Ketiga ialah Mualaf yang telah memeluk Islam dan memohon kembali kepada agama asal atau mengaku kembali kepada agama asal. Hal ini kerana tidak ada peruntukan yang menjelaskan kesan apabila seseorang Islam yang keluar daripada agama Islam menganut agama lain.<sup>144</sup> Contohnya mereka menganut agama Islam selepas berumur 18 tahun, tetapi kemudian ingin kembali semula ke agama asal atas sebab tertentu.

Hal ini kerana disebabkan mereka memeluk Islam kerana berkahwin dan apabila berlaku perceraian golongan Mualaf yang memeluk Islam dengan tujuan untuk mendapatkan kemudahan atau simpati telah gagal mendapat bantuan yang berterusan

<sup>143</sup> *Permohonan Perisyiharan Status Agama Janisah binti Abd Rahim @Bigul* (2006) 22 JH 67.

<sup>144</sup> Yusmarizza Md. Isa & Yuhanif Yusof, “Implikasi Kes Lina Joy : Satu Keperluan kepada Penyeragaman Prosedur Keluar Islam (Murtad) oleh Mahkamah Syariah,” *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia* 1 9, 3 (September 2007), 9.

seperti kurang mendapat perhatian orang Islam apabila mereka ditimpa masalah. Selain itu, oleh kerana mereka tiada tempat untuk berlindung menyebabkan mereka putus asa untuk terus memeluk Islam. Terdapat juga golongan Mualaf yang tidak mendapat bimbingan agama yang sempurna, maka mereka mengambil jalan mudah untuk keluar dari Islam.<sup>145</sup>

Keempat ialah Mualaf yang meninggal dunia dan terdapat pihak-pihak yang mempertikaikan status agama Islamnya. Sebagai contoh, dalam kes *Nelson William Johnney @ Khairulzain Johnney Abdullah*,<sup>146</sup> mahkamah mengisyiharkan si mati adalah seorang penganut Islam semasa hayatnya dan berterusan sebagai seorang Islam sehingga saat kematianya. Hal ini kerana mahkamah berpuas hati terhadap fakta-fakta dan dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh pemohon iaitu Pendaftar Mualaf di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). Oleh itu, kebenaran untuk menggali kubur si mati di Tanah Kuburan Orang Kristian Kinarut Papar diberikan kepada JHEAINS.

Kelima ialah individu yang berasal daripada agama Islam dan telah mengamalkan ajaran Islam tetapi kemudiannya mengaku telah murtad. Golongan ini murtad atas faktor tertentu seperti tuntutan cinta atau berkahwin dengan bangsa asing, terpengaruh dengan ajaran sesat, *black metal*, dadah dan gejala negatif, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan tanpa kawalan daripada ibu bapa, kejahilan dalam ilmu tauhid, tidak

---

<sup>145</sup> Musa Awang, “Tangani Isu Murtad”, laman sesawang *myMetro*, dikemaskini 7 Novermber 2012, dicapai 23 Disember 2012, [http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Tanganiisumurtad/Article/index\\_html](http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Tanganiisumurtad/Article/index_html)

<sup>146</sup> Permohonan Perisyiharan Status Agama Islam Simati Nelson William Johnney @ Khairulzain Johnney Abdullah (2006) 22 JH 71.

mendapat didikan agama dan bimbingan daripada ibu bapa sendiri yang juga jahil dalam hukum agama.<sup>147</sup>

Di antara lima kategori tersebut, tidak ada kategori yang kelima untuk memohon deklarasi tersebut di Mahkamah Syariah, berbanding dengan kategori pertama, kedua dan ketiga. Peguam Syarie mengambil pendekatan perlu jelas terhadap fakta kes anugerah yang memohon untuk keluar Islam dan memilih dahulu tidak boleh sewenang-wenangnya mewakili mereka. Justeru itu, para Peguam Syarie yang ditemubual sepakat mengelak dan menolak untuk mengambil kes bagi kategori yang kelima iaitu permohonan murtad di kalangan orang Islam. Bagi kategori yang lain itu, Peguam Syarie akan menegaskan kepada pemohon bahawa permohonan keluar Islam itu hendaklah berdasarkan sebab dan alasan yang kukuh dan kuat khususnya dalam kalangan Mualaf.<sup>148</sup>

Lazimnya, permohonan untuk pengisytiharan agama akan disertai dengan permohonan untuk menukar nama dan status agama di dalam kad pengenalan di Jabatan Pendaftaran Negara. Peraturan 14 Peraturan Pendaftaran Negara 1990 menghendaki setiap permohonan menukar status agama mestilah mendapat perintah dari Mahkamah Syariah. Dipercayai bahawa sekiranya tiada peraturan sebegini, sudah ramai orang Islam yang bertukar nama dan status dalam kad pengenalan mereka dengan mudah.<sup>149</sup>

---

<sup>147</sup> Musa Awang, “Tangani Isu Murtad”, laman sesawang *myMetro*, dikemaskini 7 Novermber 2012, dicapai 23 Disember 2012, [http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Tanganiisumurtad/Article/index\\_html](http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Tanganiisumurtad/Article/index_html)

<sup>148</sup> Mohd Nor Mohd Din, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 3 November 2012.

<sup>149</sup> Musa Awang, “Tangani Isu Murtad”, laman sesawang *myMetro*, dikemaskini 7 Novermber 2012, dicapai 23 Disember 2012, [http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Tanganiisumurtad/Article/index\\_html](http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Tanganiisumurtad/Article/index_html)

Oleh itu, perwakilan mereka dalam kes ini bertepatan dengan Hukum Syarak kerana perkara ini ditafsirkan untuk menyelesaikan pertikaian status agama seseorang sama ada status Islam seseorang tadi sah atau tidak. Begitu juga bagi menentukan status si mati sama ada Islam atau bukan Islam. Justeru perwakilan mereka dalam kes ini hendaklah difahami untuk menentukan pertikaian pengesahan status agama seseorang dan bukan memohon untuk keluar Islam.<sup>150</sup>

Walau bagaimanapun, sekiranya mereka tidak yakin dan wujud keraguan untuk membawa situasi kes tersebut, maka mereka hendaklah menolak sepetimana yang telah disebut dalam kaedah fiqh *al-Yaqīn la Yazūlu bi al-Shak*. Kaedah ini menyatakan bahawa keyakinan tidak boleh dihilangkan dengan keraguan. Hal ini bermaksud Peguam Syarie tidak boleh menerima sesuatu kes yang menjadikan mereka dalam keadaan serba salah,<sup>151</sup> malah sekiranya mereka mengetahui dan mempercayai bahawa kelakuan profesionalnya dipertikaikan maka mereka hendaklah menolak kes tersebut.<sup>152</sup>

Sekilas pandang, peranan dan tugas Peguam Syarie ini dilihat seperti membela orang murtad, menyokong orang murtad, bersekongkol dan bersubahat dengan orang murtad. Pandangan ini merupakan pandangan orang yang tahu undang-undang Islam tetapi mungkin tidak terdedah atau terlatih bagaimana mentadbir undang-undang Islam. Jika ianya terlatih dari segi mentadbir undang-undang Islam tentu ia akan berkata bahawa, seseorang itu tidak bersalah melainkan setelah dibuktikan yang ianya bersalah.<sup>153</sup>

---

<sup>150</sup> Mohamad Zamri bin Mohamad Shapik, "Jenayah Riddah Di Malaysia: Cadangan Penyelesaian Berasaskan Maqasid Syariyyah," 190.

<sup>151</sup> Kaedah 6, Kaedah-Kaedah (Amalan Dan Etika) Peguam Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan 2001).

<sup>152</sup> Kaedah 7, Kaedah-Kaedah (Amalan Dan Etika) Peguam Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan 2001).

<sup>153</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, "Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya," 206.

## **2.4 Kesimpulan**

Perbincangan di atas membuktikan bahawa konsep kepeguaman syarie dari perspektif Hukum Syarak adalah lengkap dan cantik di mana ianya merangkumi perkara pokok dalam membahaskan isu Peguam Syarie. Antara perkara pokok yang menjadi persoalan utama dalam bab ini adalah terhadap perkara yang diwakilkan. Sebenarnya, setiap perkara yang diwakilkan itu menjadi haram apabila tujuan dan niat seseorang itu salah dan bertentangan dengan Hukum Syarak. Bahkan, perkara yang diwakilkan itu terdiri daripada perkara yang harus dilaksanakan syarak.

Justeru itu, perwakilan Peguam Syarie dalam membantu golongan Mualaf untuk keluar Islam atas alasan yang tidak munasabah sewajarnya ditolak. Hal ini kerana, Syarak menghukumkan murtad sebagai perkara yang haram untuk dipohon dan dilaksanakan. Walau bagaimanapun, hakikatnya di negara ini permohonan keluar Islam mempunyai pelbagai dimensi yang membolehkan perwakilan tersebut sah di sisi syarak di mana kes tersebut ditafsirkan sebagai pengisytiharan status agama Islam dan penentuan status keislaman seseorang sama ada sah atau tidak, bukannya membantu mereka keluar Islam semata-mata. Perbincangan mengenai tafsiran undang-undang mengenai permohonan pengisytiharan status agama seseorang tersebut akan dikupas pada bab seterusnya.

Hakikat yang sebenar peranan seorang Peguam Syarie itu sangat meluas dan besar. Ianya bergantung kepada niat dan tujuan perwakilan tersebut. Namun, hal ini bermaksud para Peguam Syarie tidak bebas untuk mewakili semua kes anak guam yang datang kepada mereka, sebaliknya mereka perlu berwaspada dan berhati-hati dalam

mewakili sesuatu kes lebih-lebih lagi dalam kes murtad dalam kalangan Mualaf yang disebut sebagai kes pengisyiharan status agama.

**BAB TIGA:**  
**JUSTIFIKASI PERWAKILAN PEGUAM SYARIE DALAM KES MURTAD**  
**MELIBATKAN MUALAF**

**3.1 Pengenalan**

Gejala kerosakan akidah semakin menular di negara kita lebih-lebih lagi membabitkan pertukaran agama atau murtad. Isu ini lebih menarik perhatian pengkaji apabila terdapat beberapa Peguam Syarie yang mewakili pemohon dalam kes tersebut. Sememangnya tidak dinafikan bahawa isu keluar agama atau murtad telah lama berlaku seperti di dalam kes ayah Pin, Nor Aishah Bokhari, Nyonya Tahir dan Lina Joy. Namun begitu, kita menyaksikan bahawa tidak terdapat peruntukan yang jelas di dalam mana-mana enakmen jenayah syariah di Malaysia mengenai kesalahan murtad.<sup>154</sup>

Pada dasarnya, boleh dirumuskan bahawa tidak terdapat undang-undang yang jelas mengenai murtad termasuk hukumannya. Namun, terdapat peruntukan pengisytiharan status agama seseorang yang diguna pakai di beberapa buah negeri. Oleh itu, tafsiran peruntukan undang-undang tersebut akan dikupas dan dibincang di dalam bab ini supaya masyarakat jelas maksud sebenar peruntukan undang-undang tersebut kerana Mahkamah Syariah tidak pernah membenarkan seseorang itu murtad, akan tetapi membuat pengisytiharan status agama seseorang. Selain itu, penjelasan terhadap justifikasi Peguam Syarie mengendalikan kes ini turut dibincangkan melalui temubual bersama beberapa Peguam Syarie yang berpengalaman.

---

<sup>154</sup> Zulkifli Hasan, *Isu Undang-Undang Jenayah Islam Di Malaysia Dan Sejauh Manakah Perlaksanaannya*, (Fakulti Syariah dan Undang-Undang: Universiti Sains Islam Malaysia, t.t).

### **3.2 Justifikasi Peguam Syarie Dalam Mengendalikan Kes Murtad**

Kes permohonan murtad adalah satu perkara yang menyentuh persoalan akidah umat Islam maka ia berkait rapat dengan kebebasan beragama seseorang. Isu ini sangat sensitif untuk diperdebatkan, namun tidak dapat dinafikan, ianya sering dibicarakan di kalangan masyarakat sekarang. Para Peguam Syarie juga tidak dapat mengelak dan menolak apabila anak guam mahukan Peguam Syarie mewakili mereka dalam permohonan keluar Islam dalam kalangan Mualaf.

Namun prinsip masing-masing yang membezakan sama ada mereka mahu mewakili atau menolak anak guam dalam kes begitu. Berdasarkan temubual penulis bersama beberapa Peguam Syarie membuktikan bahawa mereka yang terlibat masih berpegang kepada Hukum Syarak dan meletakkan Islam sebagai prinsip yang teratas dan tertinggi. Antara pendekatan yang digunakan oleh para Peguam Syarie dalam mengendalikan kes murtad dalam kalangan Mualaf ialah seperti berikut:

#### **3.2.1 Tafsiran Peruntukan Undang-Undang**

Permohonan pengisytiharan status agama seseorang semakin menular di negara kita lebih-lebih lagi yang membabitkan pemohon dalam kalangan Mualaf. Isu ini boleh dibuktikan berdasarkan statistik kes pengisytiharan status agama seseorang mengikut semua negeri bagi tahun 2005 hingga 2010 yang dinyatakan di dalam Jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1. Statistik Kes Pengisytiharan Status Agama Seseorang Mengikut Negeri

NEGERI	KOD KES	TAHUN						
		2005	2006	2007	2008	2009	2010	JUMLAH
<b>JOHOR</b>	043	1	2	1	3	1	-	8
<b>KEDAH</b>	043	-	-	-	1	3	1	5
<b>MELAKA</b>	043	-	2	2	1	1	1	7
<b>NEGERI SEMBOLAN</b>	043	22	24	13	21	27	6	113
<b>PAHANG</b>	043	-	-	1	1	5	1	8
<b>PERAK</b>	043	2	3	2	14	11	15	47
<b>PERLIS</b>	043	-	-	1	2	-	-	3
<b>PULAU PINANG</b>	043	1	2	1	9	14	10	37
<b>SABAH</b>	043	22	4	48	116	134	111	435
<b>SARAWAK</b>	043	-	-	-	-	-	-	-
<b>SELANGOR</b>	043	10	14	10	9	18	34	95
<b>TERENGGANU</b>	043	1	1	-	-	-	4	6
<b>WILAYAH PERSEKUTUAN</b>	043	5	10	15	8	15	34	87
<b>JUMLAH</b>		64	62	94	185	229	217	851

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 10 September 2012.

Jadual tersebut menunjukkan seramai 851 orang telah mengemukakan permohonan pengisytiharan status agama iaitu kes-kes yang dikodkan dengan 043 (kod kes mal). Manakala, bagi negeri Kelantan tidak ada permohonan pengisytiharan status agama, hanya terdapat kes mendakwa bukan Islam iaitu dalam kod 105 kes jenayah syariah. Namun, tidak ada satu kes pun yang direkodkan di dalam kod tersebut. Daripada 851 permohonan tersebut, hanya negeri Sarawak sahaja yang tidak mempunyai rekod permohonan pengisytiharan status agama dari tahun 2005 hingga 2010 berbanding dengan negeri-negeri yang lain.

Data di dalam jadual tersebut sudah cukup membuktikan permohonan pengisytiharan status agama yang berlaku di Malaysia semakin menular. Ini juga menunjukkan bahawa apabila adanya permohonan pengisytiharan status agama oleh plaintif, dengan segera Peguam Syarie akan memberikan khidmat untuk mewakili mereka dalam kes tersebut. Seperti yang kita sedia maklum, kes murtad ini telah lama dibangkitkan sebagai contoh dalam kes *Lina Joy*<sup>155</sup> dan *Nyonya Tahir*.<sup>156</sup> Walaupun begitu, tiada satupun peruntukan khusus mengenai isu murtad digubal di Malaysia.

Perkara yang paling penting perlu ditinjau dalam menentukan kedudukan Peguam Syarie untuk membawa kes murtad dalam kalangan Mualaf adalah tafsiran peruntukan undang-undang mengenai kes pengisytiharan status agama. Hampir semua negeri mempunyai peruntukan mengenai pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam yang membolehkan Peguam Syarie mewakili kes tersebut.<sup>157</sup>

Kenyataan ini merujuk kepada Jadual Sembilan, Senarai II-Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan telah memberi bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah dalam menentukan kesahihan seseorang itu masuk Islam, menentukan seseorang itu masih lagi beragama Islam atau sudah meninggalkan agama Islam dan mengambil tindakan atas kesalahan keluar agama Islam. Malah, tiada istilah permohonan untuk murtad atau keluar daripada agama Islam di dalam mana-mana enakmen negeri. Peruntukan yang ada khusus kepada permohonan pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam atau sebaliknya<sup>158</sup> seperti digambarkan di dalam Jadual 3.1.

---

<sup>155</sup> *Lina Joy vs Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan* (2007) 3 CLJ 577.

<sup>156</sup> *Dalam Perkara Permohonan Perisytiharan Status Agama Si Mati Nyonya binti Tahir. Permohonan Ex-Parte Majlis Agama Islam Negeri Sembilan Dan 2 Yang Lain* (2006) 21 JH 221.

<sup>157</sup> Sa'adiah Din, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 21 September 2012.

<sup>158</sup> Musa Awang, Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM). Dalam temubual dengan penulis, 19 Oktober 2012.

Jadual 3.1 Peruntukan Undang-Undang Mengenai Kes Pengisytiharan Status Agama

AKTA ATAU ENAKM EN	PERUNTUKAN	PERKARA
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003	Seksyen 61(3)(b)(x)  Seksyen 119	Pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam  Keluar daripada Islam
Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994	Seksyen 102	Pengesahan seseorang Islam
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis) 2006	Seksyen 61(3)(b)(x)	Pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004	Seksyen 61(3)(b)(x)	Pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004	Seksyen 50(3)(b)(x)	Pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003	Seksyen 61(3)(b)(x)	Pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002	Seksyen 39(3)(b)(x)	Pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003	Seksyen 61(3)(b)(x)	Pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam
Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993	Seksyen 46(2)(b)(x)	Perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana undang bertulis
Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 Pahang	Seksyen 47(2)(b)(ix)	Perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana undang bertulis

Sumber: Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia

Pengkaji mendapati bahawa negeri Kedah, Terengganu, Sabah dan Sarawak sahaja yang tidak mempunyai peruntukan mengenai pengisytiharan status agama seseorang. Manakala, negeri-negeri yang mempunyai peruntukan tersebut telah digambarkan di dalam Jadual 3.1 tersebut.

Jadual di atas menunjukkan bahawa peruntukan undang-undang mengenai pengisytiharan seseorang itu bukan lagi orang Islam adalah seragam di kebanyakan negeri iaitu Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perlis, Perak, Selangor, Melaka dan Johor. Namun, terdapat satu peruntukan khusus mengenai peruntukan keluar daripada Islam dan pengesahan seseorang itu Islam di Negeri Sembilan dan Kelantan. Manakala, bagi negeri Wilayah Persekutuan dan Pahang tidak dinyatakan secara khusus mengenai pengisytiharan agama seseorang yang mana permohonan ini termasuk di bawah bidang kuasa yang diberikan oleh undang-undang bertulis.

Merujuk kepada kes *Siti Fatimah Tan*,<sup>159</sup> tafsiran terhadap peruntukan Seksyen 61(3)(b)(x) iaitu pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam<sup>160</sup> telah ditafsirkan sebagai kes penentuan status agama Mualaf selepas memeluk Islam bukannya membenarkan Mualaf keluar Islam. Jelasnya bahawa tindakan pemohon atau anak guam yang ingin keluar dari agama Islam adalah merujuk kepada peruntukan tersebut.

Lanjutan daripada kes itu menjelaskan bahawa peruntukan tersebut iaitu pada perkataan ‘bukan lagi’ telah digunakan atau ditafsirkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan iaitu pemohon seperti golongan Mualaf sebagai kebenaran keluar dari

---

<sup>159</sup> Majlis Agama Islam Pulau Pinang *Iwn.* Siti Fatimah Tan binti Abdullah (2009) 27 JH 185.

<sup>160</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.

agama Islam sedangkan mahkamah mentafsirkan seksyen tersebut kepada mereka yang telah mengucap syahadah iaitu golongan Mualaf, akan tetapi status mereka selepas itu belum ditentukan sama ada mereka mengamalkan rukun-rukun atau syarat-syarat syahadah tersebut.

Bukan sahaja itu, malah dari kes tersebut difahami bahawa, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk mengisytiharkan status agama mereka bukan lagi Islam sekiranya mereka tidak mahu langsung memenuhi syarat-syarat tersebut. Akan tetapi, jika mereka memenuhi syarat-syarat tersebut dengan yakin dan beramal dengan segala tuntutan Allah SWT maka secara langsung mereka terus menjadi orang Islam. Oleh itu, setelah mereka memeluk Islam dan diterima oleh masyarakat sebagai orang Islam peruntukan ini tidak terpakai kepada mereka untuk diisyiharkan sebagai bukan lagi Islam.

Bahkan juga, jika mereka hendak menukar agama dari Islam kepada agama lain, maka perkataan yang harus dipakai di dalam seksyen tersebut adalah penukaran agama atau pengisytiharan bahawa dia telah murtad. Hal ini kerana, suasanya berbeza dalam kes murtad yang mana hendaklah dipastikan keislamannya sebelum kemurtadannya.

Oleh itu, anggapan masyarakat terhadap Mahkamah Syariah mengesahkan atau membenarkan seseorang itu murtad adalah ternyata silap. Mahkamah Syariah tidak pernah membenarkan seseorang itu murtad, tetapi membuat pengisytiharan status agama seseorang itu bukan lagi orang Islam.<sup>161</sup> Sekiranya Mahkamah Syariah diberi bidang kuasa untuk membenarkan seseorang Islam itu keluar daripada agama Islam, maka

---

<sup>161</sup> Musa Awang, Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM). Dalam temubual dengan penulis, 19 Oktober 2012.

ianya bercanggah dengan Hukum Syarak sedangkan matlamat undang-undang syariah itu untuk menjaga agama Islam ialah yang paling utama.

Maka, tafsiran peruntukan undang-undanglah yang membolehkan para Peguam Syarie mewakili golongan Mualaf dalam kes pengisytiharan status agama kerana permohonan tersebut bukan membenarkan seseorang itu murtad akan tetapi untuk mendapatkan pengesahan status keislaman Mualaf tersebut selepas memeluk Islam sama ada memenuhi syarat-syarat syahadah seperti faham akan makna kedua-dua kalimah syahadah, mendustakan segala perkara yang menyalahi maksud syahadah, yakin dan beramal dengan segala tuntutan Allah SWT.

Malah, perwakilan Peguam Syarie dalam kes tersebut dikategorikan dalam kes mal, bukannya jenayah. Maksudnya status pemohon yang hendak keluar Islam dan pesalah yang murtad merupakan dua kes yang berbeza. Istilah yang digunakan di dalam kes mal adalah kes penentuan status agama, manakala istilah yang digunakan di dalam kes jenayah adalah kes murtad. Kenyataan ini disokong oleh Tuan Abu Suffian Bin Abu Yaziz selaku Pegawai Penyelidik, Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia<sup>162</sup> yang menyatakan bahawa wujud perbezaan tafsiran antara istilah ‘bukan lagi orang Islam’ dan ‘murtad’.

Tafsiran perkataan ‘bukan lagi orang Islam’ di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri adalah merujuk kepada keadaan seseorang yang diragui status keislamannya dan kemudian dibuktikan oleh mahkamah bahawa pemohon tidak pernah menganut agama Islam. Manakala, istilah ‘murtad’ pula merujuk kepada situasi

---

<sup>162</sup> Abu Suffian Bin Abu Yaziz (Pegawai Penyelidik, Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia). Dalam temubual dengan penulis, 6 September 2012.

di mana seorang yang diyakini beragama Islam dan kemudiannya melakukan jenayah murtad dan disabitkan kemurtadannya oleh mahkamah.<sup>163</sup> Oleh itu, Peguam Syarie yang membawa kes pengisytiharan status agama seseorang juga tidak akan dikategorikan membawa kes murtad kerana ianya adalah dua kes yang berbeza.

Kenyataan ini merujuk kepada kaedah fiqh *al-Umūn bi al-Maqāṣidiha* yang menerbitkan kaedah *al-‘Ibrah fi al-‘Uqūd bi al-Maqāṣid wa al-Ma’aniy la bi al-Alfāz wa al-Mabāniy*<sup>164</sup> yang memberi maksud apa yang diambil kira dalam sesuatu perkataan adalah maksud dan maknanya bukan pada lafaz dan bentuk perkataannya. Justeru itu, perwakilan Peguam Syarie berdasarkan tafsiran mahkamah terhadap peruntukan tersebut yang menjelaskan bahawa penentuan status agama seseorang, bukannya permohonan keluar Islam semata-mata.

Walau bagaimanapun, hasil pemerhatian penulis terhadap temubual bersama para Peguam Syarie mendapati wujud masalah yang dihadapi dalam mengendalikan kes penentuan status agama dari aspek bidang kuasa Mahkamah Syariah<sup>165</sup> bagi negeri yang tidak ada peruntukan jelas mengenai penentuan status agama seseorang seperti di Wilayah Persekutuan dan Pahang. Hakikatnya hanya Mahkamah Syariah yang berhak untuk isytihar mereka murtad.

Bidang kuasa bagi negeri yang tidak ada peruntukan yang jelas adalah melalui implikasi dari Senarai Negeri, Jadual Kesembilan dan juga keputusan-keputusan kes

<sup>163</sup> Mohamad Zamri bin Mohamad Shapik, "Jenayah Riddah Di Malaysia: Cadangan Penyelesaian Berasaskan Maqasid Syariyyah," 191.

<sup>164</sup> Al-Sayūṭīy, *al-Ashbāḥ wa al-Naẓār fi Qawā'id wa Furū' Fiqh al-Shāfi'iyyah*, t.t, 183.

<sup>165</sup> Zulkifli Che Yong, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 19 Oktober 2012; Mohd Nor Mohd Din, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 3 November 2012; Zaidi Zain, Peguam Syarie. Dalam temubual dengan penulis, 26 November 2012; Ab Kadir Ismail, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 28 November 2012; Zaini Zainol, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 25 Disember 2012.

Mahkamah Persekutuan dalam pertikaian mengenai bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah mengenai perkara ini.<sup>166</sup> Kenyataan ini disokong jika rujukan dibuat kepada kes-kes terdahulu yang dijadikan rujukan mahkamah dalam memutuskan dan menentukan status agama mereka sama ada masih Islam atau sebaliknya.

Masalah bidang kuasa Mahkamah Syariah ini telah diulas oleh Yang Arif Hakim seperti di dalam kes *Lina Joy*,<sup>167</sup> *Hun Mun Meng*,<sup>168</sup> *Soon Singh*,<sup>169</sup> dan *Md. Hakim Lee*.<sup>170</sup> Ringkasnya, Mahkamah Sivil memutuskan daripada kes-kes tersebut bahawa bidang kuasa eksklusif diberikan kepada Mahkamah Syariah dalam mengisyiharkan sama ada seseorang itu telah keluar daripada agama Islam. Selain itu, kes-kes tersebut juga menunjukkan bahawa golongan bukan Islam begitu bersungguh-sungguh untuk mendapatkan status sahnya menurut undang-undang terhadap tindakan mereka keluar daripada agama Islam.<sup>171</sup>

Sebenarnya setiap kali persoalan timbul mengenai bidang kuasa Mahkamah Syariah, maka jawapannya rujukan hendaklah dibuat kepada undang-undang bertulis itu untuk memastikan sama ada sesuatu isu bidang kuasa yang dibangkitkan itu diberi kepada Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil. Hakim Datuk Abdul Kadir membahaskan bahawa Senarai Negeri Jadual Ke 9, Perlembagaan Persekutuan tidak boleh ditafsirkan secara sempit, memandangkan Mahkamah Syariah diberi bidang kuasa terhadap semua orang yang menganut agama Islam berhubung dengan perkara-perkara

<sup>166</sup> Mahamad Naser Disa, “Pelaksanaan Bidangkuasa Mahkamah Terhadap Pemohon Perisyiharan Bukan Lagi Seorang Islam” (Kertas Kerja Muzakarah Pakar 2011 Menangani Isu Murtad Anjuran : Jabatan Mufti Negeri Selangor, Dewan Seminar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, 12 Oktober 2011). 4.

<sup>167</sup> *Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Ors* (2005) 6 MLJ 193.

<sup>168</sup> *Majlis Agama Islam Negeri Sembilan lwn Hun Mun Meng* (1994) 9 JH 109.

<sup>169</sup> *Soon Singh a/l Bikar Singh lwn. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah & Anor* [1999] 1 MLJ 489.

<sup>170</sup> *Md. Hakim Lee lawan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan* [ 1998 ] 1 MLJ 681.

<sup>171</sup> Naziree Md. Yusof, “Toleransi Beragama dan Kesesuaian Hukuman Murtad di Malaysia,” *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia* 18 (Mac 2006), 38.

yang disebutkan dalam senarai itu.<sup>172</sup> Hal ini merujuk kepada negeri yang tidak ada peruntukan mengenai bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam kes deklarasi agama seseorang.

Yang Arif Hakim telah menyimpulkan bahawa merujuk kepada Jadual 9 Senarai II iaitu Senarai Negeri serta Perkara 74, bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah lebih luas dari apa yang diberi kepadanya oleh perundangan negeri-negeri berkenaan. Malah, bidang kuasa yang diberikan tidak terhad kepada perkara yang disebutkan secara khusus dalam enakmen negeri sahaja.<sup>173</sup> Hal ini bermakna, bidang kuasa Mahkamah Syariah tidak tertakluk kepada peruntukan yang dinyatakan dalam enakmen negeri sahaja.

Beliau juga telah memperkuatkan hujahnya dengan memetik keputusan yang diberikan oleh Hakim Tan Sri Harun Hashim dalam kes *Mohamed Habibullah bin Mahmood lwn. Faridah bt. Dato Talib*<sup>174</sup> bahawa dengan mengambil pendekatan iaitu sama ada Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dan bukan sama ada badan perundangan negeri mempunyai bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah. Jelaslah tafsiran Perkara 121 (1A) iaitu memberi bidang kuasa eksklusif kepada Mahkamah Syariah dalam pentadbiran undang-undang Islam itu. Dengan erti kata lain, Perkara 121 (1A) itu ialah peruntukan yang mengelakkan percanggahan antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.

---

<sup>172</sup> Ahmad Ibrahim, “Penyelesaian Masalah Murtad Dalam Ruang Lingkup Undang-Undang Malaysia Yang Ada,” 31.

<sup>173</sup> *Ibid.*, 30.

<sup>174</sup> *Mohamed Habibullah bin Mahmood lwn. Faridah bt. Dato Talib* (1994) 9 JH 23.

Walau bagaimanapun, untuk mengelakkan pertikaian adalah lebih baik diadakan undang-undang yang jelas memberi bidang kuasa itu kepada Mahkamah Syariah.<sup>175</sup> Malah, peningkatan bidang kuasa hukuman dan undang-undang murtad perlu dilakukan bagi melengkapkan perundangan sedia ada supaya jenayah ini boleh dikekang dari terus berleluasa.<sup>176</sup> Justeru itu, sekaligus dapat menyelesaikan konflik kepada golongan bukan Islam yang mahu mengambil bidang kuasa tersebut untuk dibicarakan di Mahkamah Sivil.<sup>177</sup>

Malah, Peguam Syarie juga akan mudah memahami peruntukan tersebut untuk beramal dan mewakili kes-kes tersebut khususnya supaya khidmat guaman yang diberikan tidak disalahertikan. Oleh yang demikian, penyertaan Peguam Syarie dalam prosiding ini, antaranya bertujuan merungkai prosedur peruntukan undang-undang yang kurang jelas supaya lebih jelas.

### **3.2.2 Prinsip Berguam**

Peguam Syarie tidak boleh mengambil kes yang mempunyai prejudis (*conflict interest*) iaitu mempunyai hubungan yang istimewa dengan anak guam iaitu mewakili dengan tujuan mempunyai kepentingan dan faedah untuk diri sendiri mahupun anak guam.<sup>178</sup> Hal ini kerana, prinsip yang diamalkan Peguam Syarie terbahagi kepada dua kategori. Pertama, Peguam Syarie yang berpegang kepada prinsip berguam untuk anak guam (*man of principle*). Kedua, Peguam Syarie yang hanya mementingkan sesuatu yang

<sup>175</sup> Ahmad Ibrahim, “Penyelesaian Masalah Murtad Dalam Ruang Lingkup Undang-Undang Malaysia Yang Ada,” 32-33.

<sup>176</sup> Mohamad Zamri bin Mohamad Shapik, “Jenayah Riddah Di Malaysia: Cadangan Penyelesaian Berasaskan Maqasid Syariyyah,” 195.

<sup>177</sup> Ahmad Ibrahim, “Penyelesaian Masalah Murtad Dalam Ruang Lingkup Undang-Undang Malaysia Yang Ada.”

<sup>178</sup> Sa’adiah Din, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 21 September 2012.

akan mendatangkan manfaat untuk dirinya seperti bayaran atau faedah lain (*man of interest*).<sup>179</sup>

Kategori pertama ini merupakan asas prinsip Peguam Syarie bermacam untuk anak guam iaitu untuk membantu dan menolong orang, manakala bayaran merupakan aspek penting dalam kerjaya Peguam Syarie<sup>180</sup> yang dikira sebagai upah perkhidmatan. Hal ini kerana, tugas yang dilaksanakan tidak boleh menyebabkan seorang Peguam Syarie teraniaya. Maksudnya, pertolongan yang diberikan hendaklah setimpal dan berbaloi dengan kemampuan dan kemahiran<sup>181</sup> Peguam Syarie mengendalikan kes penentuan status agama khususnya.<sup>182</sup>

Umumnya, sebahagian ulama' berpendapat bahawa hukum asal seorang peguam menerima bayaran adalah harus sebagaimana dikiaskan kepada seorang doktor yang memberikan rawatan kepada pesakit.<sup>183</sup> Selain itu, prinsip ini bertepatan dengan amalan Rasulullah iaitu wakil yang dilantik pada zaman Rasulullah SAW juga telah menerima ganjaran atau upah sebagai tanda penghargaan terhadap tugas yang dilakukan. Buktinya Rasulullah SAW telah melantik wakil-wakil baginda untuk mengutip zakat dengan memberi upah.

Sekiranya perlantikan wakil dengan upah, maka syarat untuk mengadakan kontrak atau perjanjian hendaklah dipenuhi supaya hukumnya sama dengan orang yang

---

<sup>179</sup> Faiz Adnan, Peguam Syarie. Dalam temubual dengan penulis, 14 November 2012.

<sup>180</sup> Ab Kadir Ismail, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 28 November 2012; Zulkifli Che Yong, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 19 Oktober 2012; Zaini Zainol, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 25 Disember 2012; Mohd Nor Mohd Din, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 3 November 2012.

<sup>181</sup> Sa'adiah Din, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 21 September 2012.

<sup>182</sup> Zaini Zainol, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 25 Disember 2012.

<sup>183</sup> Burhānuddīn Abī al Wafā' Ibrāhīm Ibnu al Imām Shamsuddīn Abī 'Abdullah Muḥammad Bin Farhūn al Ya'mūrī al Malīkī, *Tabṣīrah al-Hukkām*, 1.

diberi upah. Syarat ini menguatkan lagi tugas wakil untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut dan ia tidak boleh meninggalkan tugas tersebut tanpa keuzuran yang diharuskan. Malahan, sekiranya jumlah upah tidak dinyatakan kepada wakil, maka ia ditentukan mengikut ‘uruf dan adat atau upah yang setimpal dengan tugas dilakukannya yang dikenali sebagai *ajru al mithli*.<sup>184</sup>

Sebagai kesimpulannya, prinsip ini diharuskan di dalam Islam dan tidak bercanggah dengan Hukum Syarak selagimana para Peguam Syarie jelas terhadap peranan dan tugas masing-masing terhadap anak guam. Niat mereka yang menentukan sama ada mereka berada dilandasan yang betul atau sebaliknya.<sup>185</sup> Penulis berpendapat prinsip berguam dan bayaran yang diberikan hendaklah seiring khususnya dalam mengendalikan kes murtad dalam kalangan Mualaf supaya mereka tidak dilabel sebagai Peguam Syarie yang sanggup menggadaikan prinsip agama demi mengejar wang ringgit semata-mata.

Maksudnya, bayaran yang diberikan hendaklah berdasarkan kebolehan dan kepakaran mereka dalam mengendalikan kes tersebut. Walau bagaimanapun, Peguam Syarie hendaklah melihat latar belakang kerjaya anak guam sebelum menerima dan menetapkan bayaran terhadap bantuan guaman yang diberikan. Bayaran tersebut hendaklah berpatutan dengan kemampuan anak guam.

Hal ini kerana mereka hendaklah bertindak di atas garisan yang dibenarkan oleh syarak iaitu berpegang dengan prinsip tolong menolong dalam perkara amar makruf nahi mungkar. Umat Islam dianjurkan untuk memberikan bantuan kepada orang lain

<sup>184</sup> Wahbah al-Zuhaiyli , *Fiqh dan Perundangan Islam*, 154 ; Mahmud Saedon Awang Othman, “Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya,” 212.

<sup>185</sup> Faiz Adnan, Peguam Syarie. Dalam temubual dengan penulis, 14 November 2012.

mengikut kemampuannya. Kenyataan ini berdasarkan Firman Allah SWT dalam ayat berikut:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُونِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ لِكُلِّ شَيْءٍ بِحِلٍّ

شَدِيدُ الْعِقَابِ

Al-Maidah 5: 2

Terjemahan: Hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebijakan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).<sup>186</sup>

Justeru itu, para peguam diingatkan tidak sampai mengabaikan prinsip pertama iaitu membantu anak guam berdasarkan ilmu pengetahuan, kepakaran dan kemampuan dalam mengendalikan kes penentuan status agama. Pada masa yang sama bayaran yang ditetapkan kepada mereka adalah upah yang dikira mengikut Kaedah 12, Kaedah-Kaedah (Amalan Dan Etika) Peguam Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan 2001)<sup>187</sup> iaitu:

- a) Masa, tenaga dan kemahiran yang diperlukan;
- b) Kebaharuan dan rumitnya soalan yang terlibat;
- c) Sama ada penerimaan tugas tertentu itu akan menghalang harapannya untuk hadir bagi pihak-pihak lain;
- d) Fi biasa profesion bagi perkhidmatan yang serupa;
- e) Amaun yang dipertikaikan;
- f) Faedah yang akan didapat oleh kelayan dari perkhidmatannya;

<sup>186</sup> Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Kuala Lumpur: Dar Al-Fikr, 1998), 30: 196-197.

<sup>187</sup> Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

- g) Corak tugasan itu – samada luar jangka atau bagi kelayan yang tetap; dan
- h) Kedudukan khas atau kekananan Peguam Syarie tertentu.

Sekiranya mereka hanya mementingkan bayaran semata tanpa mengikut kaedah yang telah ditetapkan dengan mengabaikan prinsip asas guaman syarie maka perwakilan mereka bertentangan dengan prinsip *al wakālah bi al khuṣūmah*.

### **3.2.3 Hujah Peristiwa Perjanjian Hudaibiyah**

Salah satu pendekatan Peguam Syarie dalam mengendalikan kes ini adalah melalui roh Perjanjian Hudaibiyah yang ditandatangani oleh Nabi SAW dengan orang musyrikin Makkah pada tahun keenam Hijrah (628 Masihi). Antara isi kandungan perjanjian tersebut ialah sesiapa di antara orang musyrikin Quraisy yang menganut agama Islam tanpa izin walinya iaitu ibu bapa atau penjaganya hendaklah dikembalikan kepada kaum keluarganya atau kembali kepada agama asalnya. Sebaliknya, bagi orang Islam yang memihak kepada musyrikin atau menganut agama lain tidak perlu dihantar balik.<sup>188</sup>

Baginda bersetuju mengembalikan orang musyrikin yang menganut Islam tanpa izin walinya kerana baginda yakin mereka adalah golongan yang dibuka hatinya menerima hidayah Allah SWT sanggup meninggalkan keluarga demi Islam dan tidak akan berubah hati mereka. Hal ini kerana, apabila mereka dikembalikan kepada keluarga, mereka boleh pula berdakwah dalam kalangan keluarga masing-masing. Hikmah daripada kebijaksanaan Rasulullah SAW ini, dakwah Islam semakin tersebar,

---

<sup>188</sup> Afzalur Rahman, *Ensiklopedia Sirah Sunah, Dakwah dan Islam*, terj. Zaharah Salleh,, cet.2, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 1: 1250.

program dakwah Islamiyyah digerakkan ke seluruh pelosok Semenanjung Tanah Arab secara aman dan umat Islam semakin bertambah.<sup>189</sup>

Pendekatan ini merupakan satu alasan yang kukuh dan kuat terhadap peguam syarie yang mewakili kes tersebut. Hal ini kerana, para Peguam Syarie menggunakan pendekatan yang sama digunakan oleh Nabi SAW dalam mengatasi masalah murtad. Perlu difahami, golongan Mualaf yang dibuka hatinya menerima hidayah Allah SWT, sanggup meninggalkan keluarga demi Islam dan tidak akan berubah hati mereka. Sekiranya mereka beralih arah untuk kembali kepada agama asal bermaksud akidah mereka tidak cukup kuat. Justeru itu, eloklah kembalikan mereka kepada agama asal masing-masing. Namun, sebelum itu Peguam Syarie berperanan untuk menjelaskan kedudukan Islam yang sebenar, memperbetulkan keadaan atau fahaman mereka.<sup>190</sup>

Misalnya, Draf Undang-Undang Pemeliharaan Dan Pemulihan Aqidah Peringkat Kebangsaan yang digubal pada tahun 1990an telah menyatakan bahawa sesiapa yang murtad atau ingin keluar Islam akan ditahan selama tempoh antara tiga hingga enam bulan untuk tujuan kaunseling<sup>191</sup> supaya mereka diberi peluang untuk berfikir sama ada tindakan mereka betul atau sebaliknya. Aspek dakwah ataupun kaunseling ini hendaklah dilakukan secara berterusan sehingga pemohon kembali kepada agama Islam. Hal ini kerana dipercayai bahawa dakwah yang sempurna dan betul secara berterusan boleh

---

<sup>189</sup> Musa Awang, Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM). Dalam temubual dengan penulis, 19 Oktober 2012.

<sup>190</sup> Zulkifli Che Yong, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 19 Oktober 2012; Mohd Nor Mohd Din, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 3 November 2012; Faiz Adnan, Peguam Syarie. Dalam temubual dengan penulis, 14 November 2012; Zaidi Zain, Peguam Syarie. Dalam temubual dengan penulis, 26 November 2012; Ab Kadir Ismail, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 28 November 2012; Zaini Zainol, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 25 Disember 2012.

<sup>191</sup> Zainul Rijal Abu Bakar, "Murtad Daripada Perspektif Perundangan," dalam *Murtad Jangan Pandang Sebelah Mata*, ed. Ann Wan Seng ( Kuala Lumpur: Mustread Sdn Bhd, 2010), 99.

meyakinkan Mualaf untuk membatalkan niat untuk keluar Islam sepermula yang telah dinyatakan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.<sup>192</sup>

Justeru itu penulis berpendapat bahawa proses dakwah amat penting kepada Mualaf yang hendak keluar Islam. Sebelum mengembalikan mereka kepada agama asal, para peguam hendaklah memastikan proses dakwah ke atas mereka telah dilakukan dengan sebaik-baiknya dan berterusan. Setelah itu, barulah boleh membawa kes ini ke mahkamah untuk dibicarakan dan diputuskan permohonan mereka.

### **3.2.4 Rujukan Pandangan Mufti<sup>193</sup>**

Peguam Syarie mengambil langkah sebelum terus mewakili dalam kes murtad seperti menghantar surat kepada mufti untuk mendapatkan pandangan dan pendapat mengenai deklarasi keluar Islam kerana Peguam Syarie tidak ada hak untuk mengisytiharkan anak guam bukan Islam. Dengan itu, Peguam Syarie memerlukan nasihat, bimbingan serta panduan daipada mufti supaya kes ini dapat diselesaikan.

Sebenarnya walaupun tidak ada prosedur untuk mengambil langkah sebelum terus mewakili dalam kes murtad, Peguam Syarie tetap boleh mendapatkan pendapat dan pandangan mufti sebelum membawa kes tersebut. Hal ini kerana, di dalam Seksyen 230(2) ada menyebut sekiranya terdapat lakuna, maka hendaklah merujuk kepada Hukum Syarak iaitu al-Quran dan Sunnah.<sup>194</sup> Semua ini adalah bergantung kepada individu untuk memikirkan penyelesaian kepada masalah ini.

---

<sup>192</sup> Abdullah Bin Abu Mat Suaud, Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Dalam temubual dengan penulis, 18 September 2012.

<sup>193</sup> Mohd Nor Mohd Din, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 3 November 2012.

<sup>194</sup> Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

Oleh itu, Peguam Syarie akan mencari persoalan dan isu yang timbul, kemudian menyelesaikan masalah yang timbul melalui peruntukan yang disediakan. Manakala sekiranya tidak ada peruntukan undang-undang, maka Peguam Syarie akan merujuk kepada mufti dengan menulis surat untuk mendapatkan pandangan dan pendapat supaya isu ini dapat diselesaikan. Sekurang-kurangnya wujud asas untuk mewakili golongan tersebut di mahkamah.<sup>195</sup>

Apabila mufti memberi jawapan membenarkan Peguam Syarie untuk membawa kes di mahkamah bermaksud mufti tidak boleh memberi penyelesaian kepada kes ini kerana mahkamah sahaja yang boleh memutuskan sama ada seseorang itu Islam atau sebaliknya. Antara isi kandungan di dalam surat tersebut menyatakan bahawa usaha memujuk pemohon untuk kembali kepada Islam telah dilakukan dan pemohon tetap dengan pendiriannya untuk mengisyiharkan bahawa beliau bukan beragama Islam lagi.<sup>196</sup>

### **3.3 Kesimpulan**

Setiap pemohon yang disabitkan oleh mahkamah telah keluar agama Islam atau murtad perlu didakwa di bawah undang-undang jenayah syariah atas kesalahan murtad. Namun, disebabkan tiadanya peruntukan yang jelas dan khusus mengenai kesalahan ini pelbagai masalah boleh timbul dari masa ke masa. Sebagai contoh, dalam kes *Lina Joy* membuktikan bahawa dalam kes tersebut diputuskan kemenangan berpihak kepada umat Islam, perlu diingat akibat terhadap kedudukan ini sekiranya keputusan dicabar kepada mahkamah yang lebih tinggi. Dengan itu, peruntukan yang jelas mengenai

<sup>195</sup> Mohd Nor Mohd Din, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 3 November 2012.

<sup>196</sup> Lihat Lampiran A, MNMD/UK1432(75)MRS(JB)11 : Mufti Negeri Johor kepada Mohd Nor Mohd Din & Associates, 15 September 2011.

kesalahan keluar agama Islam perlu digubal supaya isu ini dapat diselesaikan dengan mudah tanpa campur tangan Mahkamah Sivil.

Dengan adanya peruntukan jelas dan khusus yang bakal digubal mengenai kes pengisytiharan status agama seseorang akan memudahkan proses perwakilan Peguam Syarie terhadap pemohon supaya satu garis panduan dalam menyelesaikan kes ini boleh dirujuk. Malah peruntukan tersebut hendaklah seragam antara semua negeri di Malaysia.

Selain itu, Peguam Syarie hendaklah berpegang dengan prinsip guaman syarie iaitu amanah dan jujur dalam mengemukakan pembelaan terhadap Mualaf yang hendak keluar Islam. Mereka hendaklah memahami dengan jelas terhadap peranan mereka dalam mewakili golongan tersebut termasuklah mengambil kira kriteria dalam pemilihan sesuatu kes yang datang khususnya dalam kes tersebut supaya tindakan perwakilan mereka tidak dipersoalkan.

Di samping itu, permohonan murtad tidak digunakan di dalam mana-mana enakmen negeri-negeri malahan terdapat dengan jelas menyatakan permohonan merujuk kepada pengisytiharan status agama Islam di Mahkamah Syariah. Pada pendapat penulis, apabila pemohon disabitkan bukan beragama Islam atau telah keluar daripada agama Islam di bawah kes mal, perintah mahkamah tersebut harus direkodkan kepada pihak Jabatan Agama Islam negeri-negeri untuk tindakan selanjutnya. Namun, disebabkan tiadanya peruntukan mengenai kesalahan tersebut di dalam Enakmen Jenayah Syariah negeri-negeri, maka perkara itu dibiarkan begitu sahaja.

Tambahan pula, prosedur permohonan keluar agama Islam ini sebenarnya tidak lengkap dan tidak seragam di antara negeri. Kes seumpama ini harus dimulakan dengan permohonan disokong oleh afidavit seperti yang diamalkan di Negeri Sembilan. Prosedur ini amat penting dalam menentukan status agama seseorang sama ada Islam atau sebaliknya supaya para peguam dapat berperanan dengan baik dalam kes tersebut.

Sesungguhnya setiap individu Muslim bertanggungjawab untuk menjaga akidah umat Islam termasuklah para Peguam Syarie yang beramal. Mereka mempunyai peranan dan tugas yang penting dalam menyampaikan dakwah kepada golongan tersebut. Hal ini kerana, para Peguam Syarie merupakan antara individu yang paling dekat dengan golongan terbabit. Mereka sering didatangi oleh golongan berkenaan untuk mewakili mereka dalam permohonan keluar agama Islam. Justeru itu, pendekatan yang digunakan oleh setiap pengamal syarie amat penting kerana ia merupakan salah satu usaha dalam membendung gejala murtad ini. Mereka mempunyai amanah dalam melaksanakan tanggungjawab untuk menjaga kesucian akidah Islam daripada terus tercelar.

**BAB EMPAT:**

**IMPLIKASI PERANAN PEGUAM SYARIE DALAM PERWAKILAN KES**

**MURTAD MUALAF DI MAHKAMAH SYARIAH**

**4.1 Pengenalan**

Catatan agama Islam dalam kad pengenalan bagi orang Islam di Malaysia adalah sebagai rujukan rasmi untuk urusan kenegaraan. Mahkamah Syariah akan membuat pengesahan seseorang adalah murtad berdasarkan ciri-ciri penentuan agama Islam yang dilihat dari sudut pengamalan seseorang. Maka adalah wajar penentu kepada akidah sebenar seseorang tidak dapat dinilai melalui catatan agama Islam yang tertera pada kad pengenalan seperti yang telah dilaporkan oleh Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM).<sup>197</sup>

Sebenarnya, dalam menangani gejala ini, usaha dakwah perlu dipergiatkan. Dalam hal ini, semua pihak memainkan peranan dalam mempertingkatkan usaha dakwah ini. Sekarang bukanlah masanya menuding jari untuk mencari salah siapa, akan tetapi sudah tiba masanya untuk melaksanakan tanggungjawab kita sebagai seorang Islam dalam menangani masalah ini tidak kira siapa pun.

Begitu juga dengan peranan Peguam Syarie tidak terkecuali dalam usaha membendung gejala murtad ini. Mereka bertanggungjawab untuk mengembalikan pemohon ke pangkuhan Islam dan menghilangkan kekeliruan terhadap agama ini. Oleh kerana kebanyakan pemohon yang ingin meninggalkan Islam terdiri daripada kalangan

---

<sup>197</sup> Musa Awang, “Tangani Isu Murtad,” laman sesawang *MyMetro*, dicapai 13 Mei 2013, [http://www.hmetro.com.my/myMetro/Articles/Tanganiisumurtad/Article/index\\_html](http://www.hmetro.com.my/myMetro/Articles/Tanganiisumurtad/Article/index_html).

saudara baru, maka Peguam Syarie perlu mahir dan mesra terhadap faktor dan punca mereka memeluk Islam supaya masalah mereka dapat diselesaikan dengan mudah. Perlu diingat, pertolongan yang diberikan adalah usaha untuk mengembalikan mereka kepada agama Islam. Peguam Syarie merupakan individu yang paling dekat dengan pemohon, oleh yang demikian, sudah tentulah segala luahan pemohon dimaklumkan kepada para Peguam Syarie.

#### **4.2 Peranan Peguam Syarie Dalam Perwakilan Kes Murtad**

Para peguam berpegang kepada prinsip keadilan ini yang menjadi tunjang kejayaan kepada profesion guaman tersebut. Begitu juga, peranan Peguam Syarie dalam mengendalikan kes murtad dalam kalangan Mualaf yang juga merupakan salah satu cabang dalam menuntut keadilan dengan berdakwah. Peranan mereka juga adalah salah satu usaha dalam menangani gejala murtad yang semakin berleluasa sekarang. Perbincangan lanjut akan dihuraikan secara terperinci mengenai kredibiliti dan kemampuan mereka dalam menangani kes murtad dalam kalangan Mualaf seperti berikut:

##### **4.2.1 Pengemukaan Hujah Dan Keterangan Di Mahkamah<sup>198</sup>**

Berguam bermakna mengemukakan hujah atau keterangan anak guam di mahkamah bukannya ditafsirkan sebagai berguam untuk memenangkan kes anak guam. Perlu dijelaskan di sini bahawa peranan Peguam Syarie itu bukan untuk memastikan kes yang dibawa menang atau kalah, akan tetapi mewakili golongan ini dalam perbicaraan dan

---

<sup>198</sup> Faiz Adnan, Peguam Syarie. Dalam temubual dengan penulis, 14 November 2012.

berkepentingan untuk mewakili orang yang tidak boleh menulis untuk mengemukakan kes dan segala keterangan yang diberi oleh anak guam di hadapan mahkamah.<sup>199</sup>

Daripada perspektif peguam sendiri, peguam berperanan membantu untuk bercakap atas alasan tidak semua orang petah bercakap terutamanya apabila di hadapan hakim. Hasil pemerhatian penulis apabila berada di dalam mahkamah sendiri berbagaimana ragam dan gelagat orang apabila bercakap di hadapan hakim. Ada kalangan mereka yang menggigil atau menggeletar ketika bercakap sehingga lupa apa yang perlu dan patut untuk diberitahu kepada mahkamah. Maka tugas para peguam untuk menyusun ayat dan bercakap sebagai wakil kepada anak guam. Oleh itu, niat Peguam Syarie dalam kes ini penting yang menentukan sama ada mereka menjadi saksi kerana Allah atau sebaliknya.<sup>200</sup>

Malah, mereka perlu berhati-hati terhadap hujah-hujah yang disampaikan. Hal ini kerana, ada antara mereka yang pintar membelitkan kata-kata di dalam hujah yang akan menyebabkan hakim membuat keputusan berdasarkan bukti dan keterangan yang dikemukakan.<sup>201</sup> Maka, mereka hendaklah berhujah berlandaskan Hukum Syarak supaya dapat membantu hakim mencapai keputusan yang adil menurut Islam. Malah, mereka perlu berpegang kepada sifat kejujuran dalam mengendalikan kes ini supaya tidak sampai ke tahap menghalalkan perkara yang haram atau mengharamkan perkara yang halal.

---

<sup>199</sup> Mohamed Azam Mohamed Adil , “Peguam Syarie: Masa Depan Dan Cabarannya Di Malaysia,” 3.

<sup>200</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, “Peguam Syarie: Cabaran dan Penyelesaiannya,” 194.

<sup>201</sup> Sheikh Ghazali Bin Haji Abd. Rahman, “Proses Penghakiman Dan Menyatuhkan Keputusan Di Mahkamah Syariah : Satu Penilaian”, *Jurnal Hukum* 19, 2 (Mei 2005), 213.

#### **4.2.2 Kaunselor Atau Penasihat Kepada Anak Guam**

Antara tugas yang perlu dilakukan oleh seorang Peguam Syarie sebelum perbicaraan kes deklarasi agama dalam kalangan Mualaf ialah bertindak sebagai kaunselor atau penasihat kepada pemohon dari segi Hukum Syarak, undang-undang yang berkuat kuasa dan tindakan-tindakan yang boleh dilakukan oleh pemohon.<sup>202</sup>

Peguam Syarie juga merupakan perunding bagi pihak pemohon yang berusaha untuk mencari penyelesaian terhadap kes tersebut sebagai pakar yang boleh memberikan tunjuk ajar dari segi hak-hak dan kepentingan pemohon.<sup>203</sup> Sebagai contoh, terdapat dua keadaan anak guam yang datang kepada Peguam Syarie. Pertama, mereka yang datang kepada Peguam Syarie menganggap mereka sudah murtad apabila melakukan perkara yang dilarang di dalam Islam seperti menyembah tokong, minum arak, berzina dan lain-lain lagi. Dalam situasi ini, peranan Peguam Syarie akan membetulkan keadaan atau fahaman Mualaf tersebut mengenai perkara yang boleh membawa kepada murtad.

Kedua, ada juga yang datang terdiri daripada Mualaf yang mempunyai masalah dari awal lagi. Sejak kecil, mereka tidak diberi peluang untuk menentukan agamanya kerana bapanya memeluk Islam. Kemudian bapanya berkahwin dengan perempuan melayu Islam. Setelah itu membawa anaknya bersama memeluk Islam tanpa mengucap dua kalimah syahadah. Malah, anak tersebut dijaga oleh nenek yang bukan Islam. Ketika inilah Peguam Syarie mempunyai peranan untuk menyelesaikan masalah golongan Mualaf ini di hadapan mahkamah. Peguam Syarie berpendapat adalah menjadi

<sup>202</sup> Abu Mazaya al-Hafiz dan Abu Izzat al-Sahafi, ed., *Fiqh Jenayah Islam* ( Kuala Lumpur, Al-Hidayah Publishers, 2004), 710.

<sup>203</sup> *Ibid.*,

satu kezaliman sekiranya kita tidak membantunya berbanding dengan Peguam Syarie yang tidak mahu membantu langsung.

Biasanya Peguam Syarie akan melihat kepada fakta kes pemohon. Perkara utama yang dilakukan oleh Peguam Syarie adalah menetapkan kategori pemohon yang membuat permohonan deklarasi agama. Peguam Syarie akan melihat sama ada pemohon adalah seorang yang beragama Islam atau bukan Islam dengan melihat proses pemelukan Islam pemohon sama ada sah atau sebaliknya. Sekiranya proses pemelukan Islam pemohon adalah sah dan mendapati beliau boleh dipulihkan maka peguam akan menasihati<sup>204</sup> dan membetulkan pemahaman mereka supaya kembali kepada Islam.<sup>205</sup>

Selalunya peguam akan menasihati mereka dengan membuktikan keindahan ajaran Islam. Contohnya, mereka dinasihatkan mendengar atau mendalami ilmu perbandingan agama (*Comparative Religion Debate*) yang menceritakan kandungan di dalam al-Quran semuanya benar menurut sains. Hal ini kerana, buku-buku penulisan biasa sesuai dibaca oleh orang Islam yang hanya untuk menambahkan Iman. Manakala, bagi bukan muslim yang baru memeluk Islam kosong didadanya dengan ilmu agama sesuai dengan bahan bacaan mengenai ilmu perbandingan agama .<sup>206</sup>

Oleh itu, mereka hendaklah digalakkan dengan bacaan seperti ini supaya boleh membuka minda dan mengisi iman di dalam jiwa mereka terhadap kepercayaan Allah SWT. Pada masa yang sama Peguam Syarie akan menasihati mereka supaya bertaubat

---

<sup>204</sup> Mohd Nor Mohd Din, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 3 November 2012.

<sup>205</sup> Ab Kadir Ismail & Co, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 28 November 2012.

<sup>206</sup> Zaini Zainol, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 25 Disember 2012.

dengan meminta pemohon menghadiri sesi kaunseling di Unit Kaunseling Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan selama tempoh tiga bulan.

#### **4.2.3 Membantu Mahkamah Membuat Keputusan Yang Adil**

Seorang Peguam Syarie mempunyai peranan penting dalam membantu mahkamah dalam mengendalikan kes penentuan status agama. Mereka berperanan untuk menyiasat terlebih dahulu kes-kes yang di hadapannya dan hasil siasatan tersebut dijadikan atas pembelaan dalam perbicaraan.<sup>207</sup> Peranan mereka dalam membantu mahkamah boleh dibahagikan kepada tiga iaitu:

##### **4.2.3.1 Bantuan Dari Aspek Prosedur Mahkamah**

Semasa perbicaraan kes ini, Peguam Syarie akan bertugas bagi membantu hakim dalam proses penyelesaian, melaksanakan atau menjalankan penyediaan-penyediaan awal serta memfailkan permohonan tersebut di mahkamah.<sup>208</sup> Kes-kes mal di Mahkamah Syariah boleh dimulakan sama ada saman atau permohonan. Terdapat perbezaan di antara tuntutan dan permohonan yang didaftarkan di Mahkamah Syariah.<sup>209</sup> Oleh kerana kes penentuan status agama Islam dikategorikan di bawah kes mal, maka kes ini boleh dimulakan dengan saman seperti di Wilayah Persekutuan yang telah dinyatakan di dalam Seksyen 7 bahawa setiap kes mal hendaklah dimulakan dengan saman melainkan perkara tersebut disenaraikan di dalam Jadual Kedua yang dimulakan dengan permohonan.<sup>210</sup>

<sup>207</sup> Abu Mazaya al-Hafiz dan Abu Izzat al-Sahafi, ed., *Fiqh Jenayah Islam*.

<sup>208</sup> *Ibid.*, 711.

<sup>209</sup> Mohd Radzuan Ibrahim, *Munakahat : Undang-Undang & Prosedur* (Dri Publishing House, 2006), 224.

<sup>210</sup> Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998.

Namun ianya tertakluk dengan amalan Mahkamah Syariah setiap negeri yang menghendaki kes tersebut dimulakan dengan notis permohonan.<sup>211</sup> Terdapat perbezaan di antara prosedur permohonan dan saman yang diaplikasikan di Mahkamah Syariah. Begitu juga, prosedur permohonan penentuan status agama Islam tidak seragam mengikut negeri kerana ada negeri yang memulakan dengan proses saman seperti di Wilayah Persekutuan,<sup>212</sup> manakala ada pula memulakan kes dengan permohonan seperti di Negeri Sembilan<sup>213</sup> dan ada juga yang mengamalkan kedua-dua bentuk prosedur tersebut seperti di Melaka.<sup>214</sup>

Bagi negeri yang memulakan prosedur melalui saman seperti di Wilayah Persekutuan dan Pahang, bentuk dan format saman dalam kes penentuan status agama Islam ialah dengan menggunakan Borang MS 2 di dalam Jadual Ketiga<sup>215</sup> dan disertakan dengan satu pernyataan tuntutan yang menghendaki pihak defendant menjawab di mahkamah. Sebagai contoh, Seksyen 64 menyebut bahawa satu pernyataan tuntutan tersebut hendaklah ditandatangani oleh plaintiff atau Peguam Syarienya dan pernyataan tuntutan tersebut hendaklah ringkas dan padat.<sup>216</sup> Di dalam kes ini, pihak defendant yang terlibat ialah Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri atau Jabatan Pendaftaran Negara. Mahkamah boleh terus mendengar dan memutuskan kes tanpa kehadiran defendant sekiranya defendant gagal hadir pada hari dan masa yang ditetapkan.<sup>217</sup>

---

<sup>211</sup> Arahan Amalan No. 2 Tahun 2000, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

<sup>212</sup> Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993, (Akta No. 505, 1993).

<sup>213</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (No. 10/2003).

<sup>214</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Melaka) 2002.

<sup>215</sup> Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998.

<sup>216</sup> Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998.

<sup>217</sup> Zulkifli Hasan dan Norfadhilah Mohd Ali, "Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Undang-Undang Di Malaysia," 54.

Berbeza pula dengan prosiding yang dimulakan dengan notis permohonan seperti di Negeri Sembilan yang menggunakan Borang MS3 di dalam Jadual Ketiga<sup>218</sup> yang mengandungi fakta dan alasan yang konkret untuk menukar agama. Notis permohonan tersebut disokong dengan affidavit yang diikrarkan sama ada di hadapan Hakim Syarie atau Pendaftar atau Pegawai Islam untuk mengendalikan sumpah seperti yang telah disebut di dalam Seksyen 112, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah.

Ia dibuat menggunakan Borang MS26 di dalam Jadual Ketiga yang melampirkan butiran lengkap peribadi pemohon beserta alasan-alasan yang munasabah dan lampiran dokumen yang lain hendaklah ditandakan sebagai ekhibit seperti salinan kad pengenalan pemohon, ibu bapa, kad memeluk agama Islam, salinan surat beranak, atau sijil pembaptisan. Seksyen 114 selanjutnya menjelaskan bahawa salinan dokumen yang dilampirkan pada affidavit tersebut hendaklah disahkan melalui perakuan dan diangkat sumpah dengan menggunakan Borang MS27 di dalam Jadual Ketiga.<sup>219</sup>

Hal ini bermakna, kedua-dua bentuk prosedur ini amat penting untuk memaklumkan sebarang tuntutan atau permohonan yang dibuat di Mahkamah Syariah. Oleh itu, tujuan mengadakan peruntukan undang-undang tersebut ialah untuk menolong seorang hakim mencapai keadilan sama ada dalam kes mal maupun kes jenayah. Dengan sebab itulah Peguam Syarie mempunyai peranan dalam mengendalikan kes ini untuk menguruskan prosedur tersebut supaya lengkap mengikut undang-undang.<sup>220</sup>

Sebagai contoh, masalah berbangkit apabila saman dan permohonan yang lengkap tidak dapat disempurnakan kerana alamat tidak lengkap dan salah, yang

---

<sup>218</sup> Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.

<sup>219</sup> Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.

<sup>220</sup> Sa'adiah Din, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 21 September 2012.

mengakibatkan pihak defendant gagal menghadirkan diri pada tarikh yang ditetapkan. Biasanya Mahkamah Syariah akan memerintahkan supaya saman itu disampaikan melalui tampilan di papan kenyataan mahkamah ataupun melalui penyampaian ganti dengan iklan yang memaklumkan supaya pihak defendant menghadirkan diri ke mahkamah,<sup>221</sup> seperti yang disebut di dalam Seksyen 48 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah. Isu seperti inilah yang menyebabkan penangguhan kes di Mahkamah Syariah. Hanya Peguam Syarie sahaja yang boleh menyelesaikan masalah ini kerana mereka mahir terhadap peruntukan undang-undang dan pakar terhadap prosiding kes di Mahkamah Syariah.<sup>222</sup>

Selain itu, anak guam yang datang dengan tujuan untuk mendapatkan perintah mahkamah terhadap permohonan tersebut. Oleh kerana mereka tidak arif tentang prosedur mahkamah, maka mereka memerlukan seorang peguam untuk membantu uruskan perkara berkenaan. Dalam hal ini, hanya Peguam Syarie antara individu yang layak boleh hadir di hadapan hakim.<sup>223</sup> Apabila anak guam datang kepada para peguam, maka mereka bertindak sebagai seorang Peguam Syarie yang akan menghulurkan bantuan kepada anak guam tersebut.<sup>224</sup>

Justeru itu, tugas Peguam Syarie sebenarnya amat penting dalam membantu untuk memudahkan prosedur tersebut berjalan lancar agar dapat membantu mahkamah membuat keputusan dengan cepat. Satu wakalah boleh difailkan seperti yang tertera

<sup>221</sup> Raihanah Abdullah, “Penangguhan Kes Di Mahkamah Syariah: Cabaran Dan Penyelesaian”, *Jurnal Syariah* 17,1 (Jan-April 2009), 18-19.

<sup>222</sup> Abdullah Abu Bakar, “Guaman Syar’i: Antara Teori Dan Praktikal,” 77.

<sup>223</sup> Seksyen 59(4), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993, (Akta No. 505, 1993).

<sup>224</sup> Ab Kadir Ismail & Co, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 28 November 2012.

dalam Borang MS5 dalam Jadual Ketiga<sup>225</sup> yang menunjukkan bahawa pemohon boleh melantik Peguam Syarie untuk mengambil khidmat mereka. Walau bagaimanapun, perlu diberi perhatian bahawa Peguam Syarie perlu meneliti fakta kes anak guam yang datang kepadanya, kemudian usaha untuk berdakwah akan dilakukan dengan memujuk pemohon atau plaintif kembali kepada akidah Islam.

#### **4.2.3.2 Pengemukaan Bukti Di Mahkamah**

Sekiranya pemelukan Islam pemohon iaitu Mualaf tidak sah, peranan Peguam Syarie untuk menjelaskan kepada mahkamah sama ada pemohon bukan Islam ataupun proses pemelukan Islam pemohon tidak sah dari awal lagi. Justeru itu, pemohon hendaklah diiktiraf sebagai bukan Islam. Peguam Syarie juga bertugas untuk mengemukakan bukti dan keterangan bahawa pemohon bukan Islam.

Bukti yang dikemukakan di Mahkamah Syariah merangkumi salinan kad pengenalan dan Kad Akuan Masuk Islam pemohon. Biasanya Peguam Syarie mendapatkan bahawa semasa pemelukan Islam dilakukan, pemohon melafazkan dua kalimah syahadah dalam keadaan beliau tidak faham dan tidak mempercayai ayat-ayat tersebut. Beliau juga tidak pernah menganuti, mempercayai dan mengamalkan ajaran Islam. Hal ini disebabkan tujuan mereka memeluk Islam adalah untuk berkahwin.<sup>226</sup>

Maka dua kalimah syahadah yang diucapkan adalah sebagai syarat sahaja untuk membolehkan pemohon berkahwin dan mencapai tujuan tertentu. Pemohon tetap

---

<sup>225</sup> Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998.

<sup>226</sup> Faiz Adnan, Peguam Syarie. Dalam temubual dengan penulis, 14 November 2012.

berpegang dan berkeyakinan terhadap agama yang dianuti sebelum ini dan menafikan kewujudan Allah dan kitab Al-Quran.

Selain daripada bukti tersebut, Peguam Syarie berperanan untuk mengemukakan keterangan yang terdiri daripada saksi-saksi bukan Islam untuk memberi keterangan. Walaupun kredibiliti saksi tersebut boleh dipertikaikan oleh mahkamah, namun keterangan mereka boleh diterima sebagai *bayyinah*. Justeru, Peguam Syarie juga akan membawa saksi daripada pegawai agama dari Institusi Islam untuk memberikan keterangan terhadap laporan sesi kaunseling pemohon yang gagal memberikan kefahaman terhadap Islam. Malah, beberapa keping gambar turut dilampirkan yang menunjukkan bahawa pemohon mengamalkan budaya bukan Islam seperti menjalankan pemujaan di Kuil, menyambut perayaan Thaipusam dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, Peguam Syarie yang mewakili pihak Majlis Agama Islam sebagai defendan berperanan untuk mempertahankan keislaman pemohon berdasarkan dokumen-dokumen pengislaman individu tersebut atas alasan dokumen-dokumen pengislaman mereka yang berada di dalam simpanan pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, senarai kehadiran mengikuti Kursus Pemantapan Akidah yang menekankan Pengajian al-Quran dan asas-asas pengajian Islam yang lain, proses pengislaman mereka berdasarkan kepada maklumat pegawai yang mengislamkan mereka, keyakinan dan kesungguhan mereka ketika melafazkan syahadah dalam keadaan waras tanpa paksaan atau ugutan mahupun dorongan mana-mana pihak, maksud dan kesan syahadah juga telah diberitahu dan difahami oleh Mualaf, amalan dan perbuatan yang telah dilakukan selepas memeluk Islam seperti solat, berpuasa, berkahwin secara Islam dan

tahu membezakan yang halal dan haram serta Fatwa Kaedah Istitabah dan Modul Istitabah.<sup>227</sup>

Bukti-bukti tersebutlah yang menjadi sokongan terhadap keterangan pemohon di mahkamah yang akan membantu hakim membuat keputusan dengan tepat dan betul supaya hak tersebut diberikan kepada yang berhak. Justeru itu, Peguam Syarie hendaklah berhati-hati dalam mengemukakan bukti di Mahkamah seperti yang telah dinyatakan di dalam Kaedah 11, Kaedah-Kaedah (Amalan Dan Etika) Peguam Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2001 iaitu Peguam Syarie hendaklah menjalankan pembelaan dengan cara yang saksama dan terhormat.<sup>228</sup>

#### **4.2.3.3 Memastikan Perintah Yang Wajar Dan Adil**

Peguam Syarie bertanggungjawab untuk membantu mahkamah mengeluarkan keputusan atau penghakiman yang betul dan tepat. Justeru itu, mereka berperanan untuk memastikan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Syariah dipatuhi pemohon dengan mengeluarkan atau mendrafkan apa-apa peruntukan yang dikeluarkan oleh mahkamah semasa perbicaraan atau selepas perbicaraan. Tugas yang dijalankan hendaklah berpandukan Hukum Syarak dan selaras dengan prinsip keadilan serta suci hati.<sup>229</sup>

Penulis mendapati berdasarkan hasil temubual bersama para Peguam Syarie membuktikan bahawa mereka banyak mengendalikan kes permohonan pengisytiharan status agama Islam di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Justeru itu, perbincangan mengenai peranan Peguam Syarie dalam memastikan keputusan

<sup>227</sup> Lihat Lampiran B, MAINPP/07/01/11/2013(3) : Surat Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang kepada penulis, 19 Januari 2013.

<sup>228</sup> Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

<sup>229</sup> Abu Mazaya al-Hafiz dan Abu Izzat al-Sahafi, ed., *Fiqh Jenayah Islam*. 711-712.

mahkamah adalah betul akan dikupas dengan merujuk statistik kes pengisyiharan status agama Islam di bawah.

Jadual 4.1. Statistik Kes Pengisyiharan Status Agama Islam Mengikut Tahun Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan

TAHUN	STATUS			JUMLAH
	DILULUSKAN	DITOLAK	DALAM PROSIDING	
2006	5	5	-	10
2007	2	8	5	15
2008	3	2	3	8
2009	2	3	10	15
2010	2	1	21	24
2011	1	7	15	23
2012	-	-	18	18
JUMLAH	15	26	72	113

Sumber: Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, 30 Ogos 2012.

Berdasarkan kepada statistik kes pengisyiharan status agama Islam di Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan bagi tahun 2006 hingga 2012 terdapat 113 jumlah permohonan yang telah didaftarkan. Jadual di atas menunjukkan bahawa jumlah keputusan mahkamah untuk menolak adalah lebih tinggi iaitu berjumlah 26 kes berbanding meluluskan permohonan tersebut yang berjumlah 15 kes. Selebihnya

permohonan tersebut masih lagi dalam prosiding perbicaraan dan belum diputuskan lagi berjumlah 72 permohonan.<sup>230</sup>

Sebenarnya mahkamah mempunyai pendekatan yang harus dilihat yang merangkumi beberapa isu yang timbul dalam membuat keputusan sama ada untuk menolak atau meluluskan kes permohonan pertukaran agama seseorang. Permohonan pemohon adalah bergantung kepada isu yang dipertikaikan sama ada boleh diselesaikan ataupun tidak. Justeru itu, budi bicara mahkamah dalam meluluskan permohonan pemohon adalah bergantung kepada jawapan kepada isu tersebut sama ada wajar atau tidak memberi kebenaran kepada pemohon untuk menukar status agamanya dari Islam.

Walau bagaimanapun, setiap kes yang berlaku mempunyai latar belakang fakta yang berbeza, namun mahkamah mengambil pendekatan isu yang sama dipersoalkan untuk diselesaikan. Latar belakang kes tersebut berbeza, dengan sebab itulah penentuan dibuat sama ada permohonan tersebut diluluskan atau sebaliknya.

---

<sup>230</sup> Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.

Rajah 4.1. Graf Perbandingan Jumlah Kes Pengisytiharan Status Agama Islam

Berdasarkan Status Permohonan Yang Diluluskan Dan Ditolak



Sumber: Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, 30 Ogos 2012.

Rajah 4.1 di atas menunjukkan status kes permohonan yang ditolak bagi tahun tahun 2007 adalah tertinggi yang berjumlah 8 kes, diikuti kedua tertinggi dengan tahun 2011 yang berjumlah 7 kes. Justeru itu, penulis telah menganalisis dua kes keputusan mahkamah yang ditolak pada tahun 2007 dan 1 kes pada tahun 2009.

Berdasarkan kes-kes yang dianalisis, penulis mendapati mahkamah menolak permohonan kes *Faridah Ching binti Amin Ching Ah Choy*<sup>231</sup> dan juga kes permohonan *Ridzwan Loo Hoi Yin*<sup>232</sup> tanpa apa-apa perintah yang dikenakan. Berbeza pula dengan

<sup>231</sup> Kes Saman No: 14100-043-0158-2007.

<sup>232</sup> Kes Saman No: 14600-043-0429-2009.

keputusan kes permohonan *Abdul Nazeer bin Abd. Razak*,<sup>233</sup> mahkamah memerintahkan pemohon untuk menjalani sesi kaunseling selama tempoh 3 bulan.

Di sinilah fungsi Peguam Syarie diperlukan untuk memastikan mahkamah mengeluarkan perintah yang sewajarnya kepada pemohon. Hal ini kerana Peguam Syarie berpendapat perintah mahkamah yang mengekalkan mereka sebagai orang Islam perlu diletakkan beberapa syarat. Justeru itu, Peguam Syarie akan memastikan keputusan mahkamah untuk menolak permohonan mereka hendaklah diperintahkan bersama kepada Jabatan Agama untuk terus memantau dan membawa pemohon kembali kepada Islam, serta mendapat bantuan kewangan daripada Pusat Zakat.

Selain itu, peranan Peguam Syarie ialah mencadangkan kepada mahkamah untuk memerintahkan Jabatan Agama melantik keluarga angkat bagi Mualaf tersebut atau Jabatan Agama sendiri menjadi keluarga angkat selama setahun atau dalam tempoh tertentu. Walaupun tidak ada peruntukan undang-undang yang menyatakan perkara tersebut, namun hakim boleh memberikan arahan atau perintah dengan menggunakan Seksyen 245 yang mentafsirkan bahawa apa jua perkara yang timbul hendaklah kembali kepada Hukum Syarak<sup>234</sup> termasuk perkara pengurusan yang akan menyelamatkan aqidah mereka.

Walau bagaimanapun, di dalam Rajah 4.1 tersebut menunjukkan jumlah permohonan yang diluluskan paling tinggi direkodkan pada tahun 2006 iaitu 5 kes. Namun penulis, menganalisis kes yang direkodkan sama jumlah permohonan yang diluluskan iaitu pada tahun 2009 dan 2010 sebanyak 2 kes sahaja mengikut tahun

---

<sup>233</sup> Kes Saman No: 14600-043-0360-2007.

<sup>234</sup> Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998.

masing-masing. Penulis telah mengambil 2 kes pada tahun 2009 dan 1 kes pada tahun 2010.

Jumlah keputusan mahkamah untuk menerima permohonan menukar status agamanya dari agama Islam adalah tinggi atas alasan pengislaman pemohon adalah tidak sah dan tidak sempurna seperti dalam kes tuntutan keluar Islam oleh *Khoo Jang Terng*<sup>235</sup> dan kes *Mohammed Hilal Richard bin Abdullah*,<sup>236</sup> mahkamah menerima alasan-alasan pemohon dengan mengisyiharkan bahawa proses pengislaman yang dilangsungkan ke atas mereka adalah tidak sah dan bukan seorang Islam sejak mula lagi.

Manakala dalam kes *Surath A/L Maniram*,<sup>237</sup> plaintif memohon agar status yang tercatat dalam MyKad/ Kad Pengenalannya ditukar kepada status agama Hindu secepat mungkin. Mahkamah menghukumkan bahawa plaintif bukan beragama Islam dan dibenarkan untuk menukar status agama di Kad Pengenalan yang di bawah bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Sebenarnya, mahkamah mengambil kira aspek amalan dan budaya hidup pemohon tersebut untuk memutuskan permohonan mereka. Oleh itu, sebagai Peguam Syarie tidak boleh memaksa golongan sebegitu untuk terus kekal dalam Islam. Kebanyakan mereka terdiri daripada Mualaf Hindu berbanding Kristian dan Budhist. Sebenarnya golongan ini perlu dijaga dengan baik dan ditarbiyyah secara betul supaya menjadi seorang Muslim yang berpegang teguh kepada agama Islam.

---

<sup>235</sup> Kes Saman No: 14600-043-0044-2010.

<sup>236</sup> Kes Saman No: 14100-043-0348-2009.

<sup>237</sup> Kes Saman No: 14100-043-0126-2009.

Melalui pemerhatian Peguam Syarie berdasarkan kes-kes yang membawa masalah besar kepada mereka berpunca daripada kesempitan kehidupan. Selain itu, faktor lain adalah tidak mendapat bimbingan daripada pasangan yang beragama Islam selepas berkahwin. Ini adalah antara hakikat yang berlaku dan semestinya dibendung.<sup>238</sup>

Justeru itu, inilah peranan Peguam Syarie dalam mengendalikan kes tersebut yang akan membantu mahkamah mencari penyelesaian dan membuat keputusan dengan betul sama ada terus kekal sebagai orang Islam atau diiktiraf sebagai bukan orang Islam lagi.

### **4.3 Implikasi Peranan Peguam Syarie Dalam Mengendalikan Kes Murtad Dalam Kalangan Mualaf**

Berdasarkan analisis, kajian mendapati peranan Peguam Syarie dalam mengendalikan kes pengisytiharan status agama dalam kalangan Mualaf wujud beberapa implikasi dari pelbagai sudut. Hal ini kerana, jika diteliti peranan Peguam Syarie banyak membantu mahkamah daripada pelbagai segi. Antaranya ialah dari segi undang-undang, prosedur, fakta dan suasana serta latar belakang kes pemohon dalam kes tersebut agar dapat diperhatikan dan diambil kira oleh mahkamah sebelum mengeluarkan keputusan.

#### **4.3.1 Menyampaikan Dakwah**

Perwakilan Peguam Syarie dalam kes pengisytiharan status agama atau murtad dalam kalangan Mualaf merupakan salah satu cabang dalam menuntut keadilan dengan

---

<sup>238</sup> Zulkifli Mohammad Al-Bakri, “Pandangan Ulama’ Terhadap Pemohon Pengisytiharan Bukan Lagi Seorang Islam dan Pelaksanaan Proses Istitaw23bah” (Kertas Kerja Muzakarah Pakar 2011 Menangani Isu Murtad, Anjuran Jabatan Mufti Negeri Selangor, Dewan Seminar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, 12 Oktober 2011). 15.

menyampaikan dakwah. Peguam Syarie melihat dirinya sebagai seorang *dā'i* terlebih dahulu sebelum bertindak sebagai Peguam Syarie yang membela dan mewakili pihak pemohon dalam kes tersebut.<sup>239</sup> Hal ini kerana, dakwah yang berterusan boleh membatalkan niat pemohon untuk terus membuat permohonan mengisyiharkan diri mereka bukan Islam lagi. Peranan mereka juga adalah salah satu usaha dalam menangani gejala murtad yang semakin berleluasa sekarang.

Sebelum membawa kes pemohon ke mahkamah Peguam Syarie hendaklah bertindak untuk menasihati pemohon dengan cara yang digariskan Hukum Syarak iaitu proses istitabah. Perlu diingatkan peranan mereka apabila mewakili pemohon adalah untuk membentangkan fakta-fakta sahaja dan dilarang mengemukakan bukti-bukti yang tidak wujud.<sup>240</sup>

#### **4.3.2 *Maqāṣid Syariah***

Menjadi suatu kepentingan perwakilan Peguam Syarie dalam menyelesaikan kes pengisyiharan status agama dalam kalangan Mualaf.<sup>241</sup> Hal ini kerana, terdapat beberapa kesan dan akibat tidak mewakili mereka dalam kes ini memberi impak yang besar di sisi agama. Adalah satu dosa mengatakan bahawa orang bukan Islam itu adalah Islam begitu juga sebaliknya mengatakan bahawa orang Islam itu adalah bukan Islam.

---

<sup>239</sup> Zainul Rijal Abu Bakar, “Peranan Dan Etika Peguambela Syarie Terhadap Pemohon Perisyiharan Bukan Lagi Seorang Islam” (Kertas Kerja Muzakarah Pakar 2011 Menangani Isu Murtad, Anjuran Jabatan Mufti Negeri Selangor, Dewan Seminar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, 12 Oktober 2011). 9.

<sup>240</sup> *Ibid.*,

<sup>241</sup> Paezah Ismail, Pakar Perunding Jabatan Fiqh Usul. Dalam temubual dengan penulis, 9 Januari 2015.

Justeru itu, para peguam perlu mengambil kira aspek mengelakkan darurat dan masalah yang timbul di kemudian hari.<sup>242</sup>

Terdapat beberapa akibat dan kesan apabila seseorang itu murtad.<sup>243</sup> Faktor utama dari sudut hubungan perkahwinan di antara suami dan isteri yang boleh terputus kerana salah satu pihak di antara mereka murtad. Sekiranya salah satu dari mereka yang murtad tadi bertaubat dan kembali ke dalam Islam, maka untuk mengadakan perkahwinan seperti semula hendaklah memperbaharui lagi akad nikah dan mas kahwin. Perkara ini telah dinyatakan di dalam seksyen 46(1) yang memperuntukkan bahawa sekiranya ada orang Islam yang sudah murtad, maka Mahkamah Syariah hendaklah membuat perintah untuk membubarkan perkahwinan atau fasakh di bawah seksyen 52(1)(l) iaitu apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan atau bagi fasakh di bawah Hukum Syarak.<sup>244</sup>

Perintah ini perlu dibuat sebelum perintah mengesahkan dia telah murtad. Merujuk kepada peruntukan di Negeri Sembilan iaitu dalam seksyen 119(11) bahawa sebelum mahkamah mengisyitiharkan seseorang itu keluar daripada agama Islam, mahkamah hendaklah membuat perintah mengenai pembubaran perkahwinan, pembahagian harta sepencarian, hak perwalian, hak pusaka dan hadhanah.<sup>245</sup>

Selain itu, orang yang murtad tidak mempunyai hak kewalian terhadap orang lain, malah tidak boleh jadi wali dalam akad nikah anak perempuannya. Tambahan lagi, hak

<sup>242</sup> Zulkifli Che Yong, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 19 Oktober 2012; Faiz Adnan, Peguam Syarie. Dalam temubual dengan penulis, 14 November 2012; Zaini Zainol, Peguambela dan Peguamcara. Dalam temubual dengan penulis, 25 Disember 2012.

<sup>243</sup> Ahmad Ibrahim, "Penyelesaian Masalah Murtad Dalam Ruang Lingkup Undang-Undang Malaysia Yang Ada," 33-35.

<sup>244</sup> Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303/1984).

<sup>245</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 2003 (No. 10/2003).

mewarisi harta peninggalan sesama Islam juga terlucut. Kenyataan ini disokong dalam kes *Re Timah Bt Abdullah*<sup>246</sup> bahawa ahli waris bukan Islam seorang Jepun yang telah memeluk agama Islam tidak mendapat apa-apa bahagian dari harta pusakanya. Ketiga-tiga faktor ini bergantung kepada keesahan mahkamah dalam menentukan seseorang itu murtad atau sebaliknya.

Sekiranya, mahkamah tidak membuat deklarasi tersebut, orang yang murtad akan mendapat ketiga hak tersebut dari sudut perkahwinan, perwalian dan perwarisan. Sedangkan hak tersebut lucut bagi orang yang murtad. Maka tindakan Peguam Syarie mewakili mereka yang memohon untuk keluar dari Islam ini adalah justifikasi untuk memelihara hak-hak tersebut akibat dari murtad.

Sekiranya status agama mereka tidak diisyiharkan, ditakuti memberi peluang kepada mereka mendapat ketiga hak tersebut yang boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam. Malah ini bertepatan dengan *maqāsid al-syarī'ah* iaitu *jalbu al maṣāliḥ wa dar'u al mafṣadah wa izālatu al muḍarrah* yang bermaksud mewujudkan kebaikan dan menolak keburukan serta menghilangkan kemudharatan.<sup>247</sup> Perwakilan ini adalah satu keperluan yang menyumbang ke arah menghilangkan kesulitan dan kepayahan. Ianya juga bertujuan untuk menjamin manfaat atau untuk menghapuskan kemudharatan.

Selain itu, jika dilihat melalui kerangka prinsip *maqasid* atau objektif penurunan syari'ah Islam yang bertujuan untuk menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta

<sup>246</sup> *Re Timah Binti Abdullah* [ 1941 ] 10 MLJ 51.

<sup>247</sup> 'Abdul Karīm Zaydān, *al-Wajīz fī 'Uṣūl al-Fiqh*, (Beirut: Mu'assisah al-Risālah Nashirūn, 2006), 195; Rosli Mokhtar dan Mohd Fikri Che Hussain, *Maqasid al-Syari'ah Hikmah Di Sebalik Pensyariatan* (Selangor Darul Ehsan : Karya Bestari Sdn Bhd, 2007), 31.

iaitu melalui kaedah fiqh *dar'u al mafāsid 'awla min jalbi al masālih*<sup>248</sup> yang bermaksud menolak kerosakan lebih diutamakan mengambil kemaslahatan. Sekiranya permohonan tersebut terus ditolak atau dinafikan dari awal lagi akan memberi kesan kepada agama Islam iaitu pemohon akan lebih jauh daripada Islam. Malah kemungkinan besar mereka akan terus mendapatkan khidmat Peguam Sivil.<sup>249</sup>

Penulis menyimpulkan bahawa peranan mereka merupakan satu keperluan dan kewajipan yang akan mencari punca kepada masalah murtad dalam kalangan Mualaf, kemudian mencari jalan penyelesaian iaitu ruang yang ada dari sudut undang-undang. Perwakilan tersebut merupakan satu keperluan yang akan menyumbang ke arah menghilangkan kesulitan dan kepayahan dan mencipta kemudahan dalam kehidupan terhadap mereka yang dipertanggungjawabkan di hadapan Undang-Undang.<sup>250</sup>

Oleh itu menolak kerosakan lebih utama berbanding mengambil kemaslahatan iaitu membiarkan pemohon dalam kalangan Mualaf yang ingin keluar Islam di dalam kegelapan begitu sahaja tanpa membantu mereka mencari jawapan dan memberi penjelasan terhadap status atau kedudukan mereka. Dengan itu, para Peguam Syarie dipertanggungjawabkan memandu dan memberi cadangan kepada keputusan dan perintah mahkamah supaya pemohon terus diberi hak dan keadilan yang sewajarnya.

<sup>248</sup> Al-Sayūṭiy, *al-Ashbāḥ wa al-Naẓā'ir fi Qawā'id wa Furū' Fiqh al-Shāfi'iyyah* (Sulaymān Mar'iyy : t.t), 97.

<sup>249</sup> Zainul Rijal Abu Bakar, "Peranan Dan Etika Peguambela Syarie Terhadap Pemohon Perisytiharan Bukan Lagi Seorang Islam", 9.

<sup>250</sup> Fauziah Mohd Noor, "Serbuan Dalam Kes Khalwat Di Malaysia – Konflik Antara Etika Dalam Islam Dan Maqasid As-Syari'ah," *Jurnal Hukum* 1, 29 (2011), 9.

### **4.3.3 Undang-Undang**

Seperti yang telah dijelaskan Peguam Syarie memainkan peranan penting dalam membantu mahkamah menegakkan keadilan dan mengendalikan kes yang dibicarakan di mahkamah. Sama ada perwakilan mereka membela dan membantu golongan Mualaf dalam kes pengisytiharan status agama berdosa atau tidak, zalim atau tidak banyak bergantung pada niat sebenar mereka dan bukan pada tugas dan peranan mereka sebagai peguam.<sup>251</sup>

Tahap pengukur peranan dan tugas mereka dalam mengendalikan kes ini sama ada bertepatan atau tidak hendaklah mengikut etika guaman syarie seperti yang digariskan di dalam Arahan Amalan.<sup>252</sup> Terdapat beberapa kriteria yang perlu diambil perhatian, antaranya Peguam Syarie tidak diwajibkan bertindak bagi tiap-tiap orang,<sup>253</sup> Peguam Syarie tidak boleh menerima sesuatu arahan (brief/ kemahuan kelayan/ kehendak kelayan) jika dalam keadaan serba salah,<sup>254</sup> Peguam Syarie tidak boleh menerima arahan jika kelakuan profesionalnya mungkin dipersoalkan,<sup>255</sup> Peguam Syarie tidak boleh menerima arahan (brief/ kehendak kelayan/ kemahuan kelayan) jika dia sukar menyenggara kebebasan profesionalnya,<sup>256</sup> Peguam Syarie tidak boleh menerima arahan jika dia tidak dapat hadir,<sup>257</sup> Peguam Syarie tidak boleh dilepaskan dari tugasannya,<sup>258</sup> Peguam Syarie hendaklah menjalankan pembelaan dengan cara yang saksama dan terhormat,<sup>259</sup> Peguam Syarie hendaklah mempertahankan kepentingan

---

<sup>251</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, “Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya,” 219.

<sup>252</sup> Zainul Rijal Abu Bakar, “Peranan Dan Etika Peguambela Syarie Terhadap Pemohon Perisytiharan Bukan Lagi Seorang Islam”, 6-7.

<sup>253</sup> Perkara 5, Arahan Amalan No. 4 Tahun 2002.

<sup>254</sup> Perkara 6, Arahan Amalan No. 4 Tahun 2002.

<sup>255</sup> Perkara 7, Arahan Amalan No. 4 Tahun 2002.

<sup>256</sup> Perkara 8, Arahan Amalan No. 4 Tahun 2002.

<sup>257</sup> Perkara 9, Arahan Amalan No. 4 Tahun 2002.

<sup>258</sup> Perkara 10, Arahan Amalan No. 4 Tahun 2002.

<sup>259</sup> Perkara 11, Arahan Amalan No. 4 Tahun 2002.

keadilan, kelayannya dan kehormatan profesionnya,<sup>260</sup> Peguam Syarie hendaklah berkelakuan jujur, tertib dan saksama,<sup>261</sup> Peguam Syarie tidak boleh merujuk atau menegaskan kepada fakta yang tidak dibuktikan,<sup>262</sup> Peguam Syarie hendaklah memberi kepada Mahkamah semua maklumat,<sup>263</sup> Peguam Syarie hendaklah mempertahankan kehormatan dan profesionnya,<sup>264</sup> perasaan kelayan tidak boleh mempengaruhi kelakuan peguam,<sup>265</sup> serta Peguam Syarie hendaklah mencegah kelayannya daripada melakukan kelakuan tak baik terhadap mahkamah.<sup>266</sup>

Justeru itu, Peguam Syarie hendaklah mempertingkatkan kemampuan mereka dan mendalami ilmu pengetahuan yang berhubung dengan tugas dan peranan mengendalikan kes pengisytiharan status agama. Akhlak sebagai Islam hendaklah dihayati dan etika sebagai seorang Peguam Syarie hendaklah dijaga.<sup>267</sup>

#### **4.4 Kesimpulan**

Penulis berpendapat bahawa peranan Peguam Syarie dalam mengendalikan kes pengisytiharan status agama dalam kalangan Mualaf adalah luas. Selagi mana mereka jelas terhadap arah tuju dan faham terhadap peranan yang dilakukan barulah boleh membawa kes ini dengan betul. Skop Islam itu luas dan milik Allah dan ciptaan-Nya. Manusia sebagai hamba-Nya perlu patuh kepada Islam dan peraturan-Nya. Oleh itu, setiap pergerakan umat Islam bebas selagi faham dengan peranan dan tanggungjawab sebagai orang Islam.

<sup>260</sup> Perkara 15, Arahan Amalan No. 4 Tahun 2002.

<sup>261</sup> Perkara 16, Arahan Amalan No. 4 Tahun 2002.

<sup>262</sup> Perkara 17, Arahan Amalan No. 4 Tahun 2002.

<sup>263</sup> Perkara 21, Arahan Amalan No. 4 Tahun 2002.

<sup>264</sup> Perkara 28, Arahan Amalan No. 4 Tahun 2002.

<sup>265</sup> Perkara 29, Arahan Amalan No. 4 Tahun 2002.

<sup>266</sup> Perkara 32, Arahan Amalan No. 4 Tahun 2002.

<sup>267</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, “Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya,” 220.

Begitu juga dengan Peguam Syarie, jika ada yang datang dan menyatakan mahu mengenal dan memeluk Islam, maka peranan mereka wajib untuk mengajar dan membawa dia kepada Islam. Begitu juga, bagi pemohon yang hendak keluar Islam, maka para Peguam Syarie hendaklah meneruskan proses dakwah dengan membawa mereka ke peringkat istitabah dan kaunseling sehingga mereka kembali kepada agama Islam. Sekiranya hal ini berlaku, tidak akan ada orang yang mahu murtad kerana faham peranan masing-masing sebagai orang Islam.

Walau bagaimanapun, penulis menyimpulkan bahawa peranan Peguam Syarie penting dalam membantu mahkamah membuat keputusan yang adil supaya sekiranya keputusan permohonan ditolak hendaklah diperintahkan bersama terus mendapat pantauan dari pihak berwajib. Sekiranya Peguam Syarie tidak tampil ke hadapan untuk menyelesaikan kes pengisytiharan status agama golongan Mualaf, sudah tentulah kita tidak tahu punca sebenar masalah ini terjadi dan masalah mereka akan terus dibiarkan tanpa penyelesaian.<sup>268</sup>

---

<sup>268</sup> Mohd Asri Zainal Abidin, “Isu Siti Fatimah Tan,” laman sesawang *Youtube Akarimomar*, dicapai 20 Disember 2014, <https://www.youtube.com/watch?v=-yMvwePGQ5A>.

## **BAB LIMA:**

### **PENUTUP**

#### **5.1 Pengenalan**

Merujuk kepada bab-bab yang telah dikupas sebelum ini, secara umumnya dapatlah kita memahami sejauh manakah peranan Peguam Syarie dalam mengendalikan kes murtad dalam kalangan Mualaf dengan prinsip-prinsip yang bersesuaian. Sehubungan dengan itu, penulis ingin membuat sedikit cadangan dan saranan bagi memastikan peranan Peguam Syarie dalam mengendalikan kes tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan praktikal secara langsung. Selain itu, bab ini sebenarnya amat penting supaya masyarakat dapat mengubah pandangan dan anggapan mereka terhadap Peguam Syarie yang mewakili kes tersebut. Di samping itu, penulis akan membuat kesimpulan terhadap analisis mengenai kajian yang dilakukan.

#### **5.2 Rumusan**

Hukum wakalah telah menetapkan bahawa setiap pihak yang mewakilkan sesuatu urusan hendaklah melafazkan wakalah dan ia hendaklah diterima oleh orang yang menjadi wakil, malah ia hanya boleh menguruskan atas perkara yang diwakilkan itu sahaja. Justeru itu, tanpa wakalah Peguam Syarie yang sah, kes yang diwakili olehnya akan menjadi tak sah dan terbatal.

Ringkasnya, wakalah dibenarkan dalam perkara perbalahan mahupun perbicaraan bertujuan untuk keperluan manusia sendiri kerana tidak semua orang faham dan mahir mengenai perbicaraan dan boleh menyempurnakannya sendiri. Sekiranya

mereka sendiri mengendalikan kesnya di mahkamah mungkin ada pihak-pihak yang akan teraniaya disebabkan kelemahan diri sendiri dalam prosiding perbicaraan tersebut.<sup>269</sup>

Hasil kajian telah membincangkan kedudukan para Peguam Syarie ketika mengendalikan kes murtad dalam kalangan Mualaf amat jelas menurut kerangka Hukum Syarak. Syarak telah menghukumkan kesalahan *hadd* tidak boleh diwakili<sup>270</sup> dan perkara murtad tidak boleh dipohon dan dilaksanakan malah wajib ditegah. Oleh itu, permintaan untuk mewakili golongan Mualaf yang ingin keluar Islam hanya kerana tidak suka agama Islam sewajarnya ditolak.<sup>271</sup> Walau bagaimanapun, permohonan keluar Islam di Malaysia mempunyai pelbagai dimensi yang membolehkan para Peguam Syarie berperanan mewakili kes tersebut.

Hasil kajian membuktikan bahawa melalui proses temubual yang dilakukan, para Peguam Syarie berpegang kepada Hukum Syarak dan meletakkan prinsip yang teratas dan tertinggi. Hal ini kerana, mereka sepakat menolak dan mengelak untuk mengambil kes permohonan murtad. Manakala, menurut tafsiran peruntukan undang-undang perwakilan mereka dalam kes ini ditafsirkan untuk menyelesaikan pertikaian status agama seseorang sama ada status Islam seseorang sah atau tidak. Maka, perwakilan mereka dalam kes ini hendaklah difahami untuk menentukan pertikaian pengesahan status agama seseorang dan bukan memohon untuk keluar Islam.

<sup>269</sup> Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman, “Amalan-amalan Pentadbiran Di Mahkamah Syariah,” *Jurnal Hukum* 20 (Nov 2005), 180.

<sup>270</sup> Hisamuddin Umar Abdul Aziz, *Kitab Syarah Adab Al-Qadhi* (Baghdad : Matba’ah al-Irsyad, 1978), 3: 433.

<sup>271</sup> Zainul Rijal Abu Bakar, “Peranan Dan Etika Peguambela Syarie Terhadap Pemohon Perisytiharan Bukan Lagi Seorang Islam”, 8.

Walau bagaimanapun, perlu ditekankan di sini bahawa, perwakilan Peguam Syarie dalam kes ini merupakan tahap yang terakhir untuk para peguam membantu untuk membuat deklarasi tersebut setelah usaha dakwah ke atas mereka sudah dilakukan. Moral di sebalik tindakan Peguam Syarie mewakili golongan Mualaf murtad ini adalah untuk memberikan pengajaran kepada seluruh masyarakat mengenai peranan dan tanggungjawab masing-masing sebagai umat Islam dalam menangani gejala ini. Sekiranya perkara ini dibiarkan, penyakit ini akan terus menular dan merebak di kalangan masyarakat.

Walau bagaimanapun, Dato Che Mat Che Ali selaku Pengarah JAWI menyatakan tidak timbul isu untuk membantu pesalah atau tertuduh dalam kes jenayah syariah. Hal ini kerana segala bentuk hukuman atau denda yang dikenakan kepada mereka adalah wajar supaya dapat memberi pengajaran kepada anak guam agar insaf. Maka tidak ada sebab untuk mempertikaikan hukuman yang diberikan dan membantu pesalah sebenarnya melainkan keputusan yang diberikan tidak betul dan wujud kesilapan teknikal dalam prosedur undang-undang.<sup>272</sup>

Begini juga dalam kes pengisytiharan status agama Mualaf, sepatutnya tidak timbul isu untuk membantu dan membela mereka keluar Islam. Hal ini kerana segala bentuk kaunseling, tarbiyyah dan proses istitabah yang dikenakan kepada mereka adalah wajar supaya dapat memberi pengajaran kepada pemohon agar insaf. Maka tidak ada sebab untuk Peguam Syarie mempertikaikan hukuman yang dikenakan dan membantu mereka sebenarnya melainkan keputusan itu tidak wajar iaitu membiarkan status agama pemohon tanpa penyelesaian dan pantauan yang berterusan dari mereka yang berwajib.

---

<sup>272</sup> Che Mat Che Ali, "Pentingnya Peguam Syarie Membela Anakguam," laman sesawang *Youtube Akarimomar*, dicapai 11 Jun 2013, <http://www.youtube.com/watch?v=4thP6LKb4ws>.

Sebaliknya, Dato' Setia Mohd Tamyes Abdul Wahid iaitu Mufti Selangor menjelaskan bahawa pesalah perlu dibela kerana proses mahkamah telah memberi pembelaan kepada pesalah untuk diadili secara adil supaya tidak berlaku berat sebelah atau berlaku perkara yang sepatutnya tidak dihukum.<sup>273</sup> Hal ini bermakna, golongan Mualaf perlu dibela dan diwakili untuk ditentukan status agama mereka selepas memeluk Islam supaya keadilan dapat dicapai kerana selagi mahkamah tidak memutuskan mereka murtad, kita tidak boleh menghukum Mualaf tersebut murtad. Kenyataan ini berpandukan prinsip undang-undang yang menyatakan bahawa seseorang itu pada asalnya tidak bersalah melainkan dibuktikan bersalah.

Malah menurut kaedah *fiqhiyyah* iaitu asal seseorang itu bebas daripada tanggungjawab *al-Aslu Barā'atu al-Dhimmah*. Peguam Syarie bertanggungjawab untuk menilai segala fakta yang diadukan atau dikemukakan kepada mereka kemudian mengemukakan kes kepada mahkamah yang akan menentukan status agama pemohon. Hal ini kerana asal sesuatu itu tiada melainkan peguam membuktikan sebaliknya iaitu keterangan yang palsu.

Ringkasnya, penulis menyimpulkan bahawa justifikasi dan peranan mereka dalam mengendalikan kes tersebut kembali kepada niat mereka dalam membawa kes tersebut. Ini disebabkan setiap urusan dan amalan itu bergantung kepada niat seseorang yang disebut di dalam kaedah *fiqh* sebagai *al-'Umūru bi al-Maqāṣidihā*. Begitu juga hukum mewakili sesuatu kes ini bergantung kepada tujuan perwakilan dibuat. Niat mereka yang menentukan sama ada haram atau sebaliknya.

---

<sup>273</sup> Tamyes Abdul Wahid, "Pentingnya Peguam Syarie Membela Anakguam," laman sesawang *Youtube Akarimomar*, dicapai 11 Jun 2013, <http://www.youtube.com/watch?v=4thP6LKb4ws>.

Sekiranya mereka jelas terhadap peranan dan tugas yang dilaksanakan ketika mengendalikan kes ini maka mereka berada di landasan yang betul. Akan tetapi sekiranya mereka ragu-ragu dan tidak yakin terhadap peranan dalam mengendalikan kes ini adalah lebih baik mereka menolak dan meminta pemohon mendapatkan nasihat di Pejabat Mufti yang selayaknya dalam menyelesaikan kes tersebut.

Seperti yang telah diulas oleh Mufti Selangor, Dato' Setia Mohd Tamyes Abdul Wahid menyatakan bahawa setiap Peguam Syarie yang terlibat dalam mengendalikan kes permohonan pengisytiharan seseorang itu bukan lagi orang Islam mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan tugas ini dengan penuh amanah sesuai dengan kehendak syarak seperti yang diperincikan di dalam Arahan Amalan No.4 Tahun 2002.<sup>274</sup>

### **5.3 Cadangan Dan Saranan**

Dalam membincangkan penyelesaian isu yang berbangkit dalam kajian ini, pelbagai perkara perlu disentuh dan penulis telah memberi perhatian kepada beberapa perkara terutamanya berhubung dengan isu penyelesaian perwakilan Peguam Syarie dalam kes murtad dalam kalangan Mualaf supaya lebih sistematik dan berkesan. Antaranya :

#### **5.3.1 Penggubalan dan Penyeragaman Undang-Undang**

Penulis mendapati bahawa ketidakseragaman statut sama ada enakmen atau kaedah menjadi punca para Peguam Syarie tidak dapat menjalankan tugas dengan berlandaskan konsep sebenar amalan guaman menurut undang-undang Islam. Satu akta induk

---

<sup>274</sup> Lihat Lampiran C, (70) Mufti Sel. 400-26. Surat Mufti Negeri Selangor kepada penulis, 15 April 2014.

mengenai Peguam Syarie hendaklah digubal supaya para Peguam Syarie dapat beramal seperti yang digariskan dalam Islam.

Sebagaimana yang telah disarankan oleh Presiden Persatuan Peguam Peguam Muslim Malaysia (PPMM) perlu adanya satu mekanisme atau panduan untuk para peguam bertindak apabila berhadapan dengan kes sebegini seperti apa kriteria yang perlu diambilkira yang membolehkan perwakilan. Selain itu, mewujudkan kaedah setakat mana wakalah dibolehkan untuk mewakili golongan ini.<sup>275</sup> Oleh itu, Peguam Syarie perlu diberi pemahaman yang jelas sekiranya hendak mewakili kes tersebut.

Setakat kajian ini ditulis, tidak ada kawalan yang ketat dan tersusun mengenai perkara yang boleh menyebabkan Peguam Syarie menyeleweng dari konsep amalan guaman syarie dan tiada tindakan yang berkesan boleh dilaksanakan. Pun begitu, satu peruntukan terhadap perkara ini boleh dimasukkan ke dalam akta yang telah digubal oleh Jawatankuasa Teknikal dan kini masih lagi dalam proses untuk diluluskan iaitu Akta Guaman Syarie bagi maksud mengawal penerimaan masuk dan etika kepeguanan syarie tetapi masa yang diambil untuk proses tersebut terlalu panjang dan masih lagi dalam awang-awangan. Justeru untuk mengelakkan berlakunya fitnah terhadap perundangan Islam, satu kaedah baru perlu diwujudkan dengan segera bagi menangani masalah tersebut.<sup>276</sup>

Penulis juga menyarankan penyeragaman terhadap peruntukan undang-undang mengenai perkara penentuan status agama perlu dibuat bagi memudahkan para Peguam Syarie membantu mahkamah membuat keputusan yang adil dan tepat. Begitu juga

<sup>275</sup> “Wacana Gejala Murtad,” Zainul Rijal Abu Bakar, 2009, video.

<sup>276</sup> Zaleha Kamaruddin, “Memacu Transformasi Perundangan Islam Di Malaysia,” *Jurnal Hukum* 32, 1 (Mac 2011), 9.

dengan kesalahan murtad perlu ditambah satu seksyen di bawah Enakmen Jenayah setiap negeri supaya gejala ini boleh dibendung dengan adanya pendakwaan kes tersebut.

Oleh itu, satu mekanisme perlu dibuat secara jelas, menyeluruh dan mantap untuk mengatasi masalah tidak ada peruntukan undang-undang yang seragam di setiap negeri mengenai kes deklarasi agama seseorang. Antaranya mengadakan satu proses *pre application*. Sebagai contoh, dalam kes permohonan pengesahan nikah. Sebelum membuat permohonan itu, pemohon hendaklah berkelayakkan dalam konteks perlu ada surat nikah, cop pengesahan kedutaan dan sebagainya.

Begitu juga dengan kes permohonan penentuan status agama, perlu melalui beberapa proses sebelum membuat permohonan di Mahkamah Syariah. Setelah itu, mahkamah akan memerintahkan pemohon untuk mendapatkan kaunseling dan sebagainya. Akan tetapi, proses tersebut boleh menyebabkan kes tertunda bertahun-tahun. Dan ini akan memberikan persepsi buruk terhadap proses tersebut.

Penulis memetik saranan yang telah disimpulkan oleh Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik dalam artikelnya yang mencadangkan bahawa tafsiran seksyen 61 (3) (b) (x) hendaklah dibaca sebagai permohonan untuk menentukan dan membuat deklarasi status keislaman seseorang yang diragukan keislamannya. Dengan itu, permohonan tersebut bukanlah bermaksud permohonan murtad bagi seorang Islam yang sabit keislamannya. Antara elemen keraguan yang boleh dipertikaikan keislaman seseorang adalah seperti:<sup>277</sup>

---

<sup>277</sup> Mohamad Zamri bin Mohamad Shapik, "Jenayah Riddah Di Malaysia: Cadangan Penyelesaian Berasaskan Maqasid Syariyyah," 190-191.

- 1) Seseorang yang dilahirkan Islam tetapi dibesarkan dengan agama bukan Islam.
- 2) Nama pada kad pengenalan seorang Islam tetapi sebenarnya bukan Islam.
- 3) Orang Islam yang diketahui kemurtadannya selepas beliau mati.
- 4) Proses pemelukan Islam yang diragui seperti wujud unsur penipuan semasa pengislaman, disihir semasa memeluk Islam, dipaksa memeluk Islam.
- 5) Memeluk Islam secara pentadbiran tetapi tidak mengesakan Allah. Contoh, memeluk Islam hanya memenuhi keperluan pendaftaran tetapi masih menyembah berhala.
- 6) Kekeliruan identiti apabila didaftarkan sebagai bukan Islam di dalam surat beranak tetapi didaftarkan di dalam kad pengenalan sebagai orang Islam oleh orang Islam.
- 7) Kelahiran anak luar nikah antara pasangan Islam dan bukan Islam.

Elemen-elemen tersebutlah yang menjadi syarat yang perlu dipenuhi untuk pemohon membuat permohonan penentuan status agama. Secara tidak langsung, elemen ini juga yang menentukan keputusan mahkamah dalam perbicaraan dan ianya boleh dikategorikan kepada tiga keputusan. Pertama, mahkamah boleh mengisyihar pemohon itu bukan beragama Islam, sekiranya wujud unsur-unsur keraguan yang munasabah bahawa seseorang itu bukan Islam. Kedua, mahkamah hendaklah menolak permohonan pemohon sekiranya mendapati bahawa status pemohon jelas keislamannya. Ketiga, mahkamah boleh mendakwa pemohon melakukan kesalahan percubaan murtad atas perbuatan pemohon meminta supaya status pengislamannya disemak.<sup>278</sup>

Oleh itu, penulis menyarankan bahawa Seksyen 61 ini hendaklah ditafsirkan sedemikian dan diperuntukkan di bawah enakmen setiap negeri supaya kekeliruan terhadap tafsiran seksyen ini dapat diselesaikan. Malah, Peguam Syarie yang membawa

---

<sup>278</sup> *Ibid.*, 191.

kes permohonan deklarasi status agama seseorang juga tidak akan dikategorikan membawa kes murtad kerana ianya adalah dua kes yang berbeza.

Amalannya, di Wilayah Persekutuan pihak-pihak yang datang ke mahkamah failkan saman dan serahkan kepada MAIWP atau JAWI untuk mengisyiharkan bahawa mereka murtad atau tidak. Dan kes ini diperuntukkan di bawah kes mal, maka remedи yang ada di mahkamah ialah sama ada orang tersebut sudah disabitkan dengan murtad atau tidak. Adakah elemen-elemen murtad wujud pada orang tersebut sama ada melalui perbuatan, percakapan mahupun kepercayaan. Setelah disabitkan, tugas pendakwa yang akan melaksanakan tugas untuk menghukum mereka. Oleh itu ruang ini sebenarnya memudahkan pihak pendakwa kerana Mahkamah Syariah sudah mengisyiharkan mereka murtad.

Perkara ini sama juga dengan kes-kes yang berlaku dalam undang-undang keluarga umpamanya kes poligami tanpa kebenaran, nikah di luar negara tanpa kebenaran. Prosedurnya adalah membuat permohonan di Mahkamah Syariah untuk mengesahkan perkahwinan mereka. Apabila Mahkamah Syariah mengisyiharkan perkahwinan mereka sah dan perintahkan untuk mendaftar perkahwinan mereka, maka barulah pendakwaan bermula. Dan inilah yang memudahkan pendakwaan yang terbukti mereka kahwin di luar negara tanpa kebenaran. Bahkan mahkamah sudah mengesahkan perkahwinan tersebut yang membuktikan wujudnya perkahwinan itu.

Demikian itu, dua kes ini adalah satu perkara yang sama. Sekiranya mahkamah tidak sabitkan, bagaimana untuk mengesahkan dan membuktikan mereka murtad mahupun perkahwinan tanpa kebenaran. Pensabitan hanya boleh diperoleh dengan pembuktian di mahkamah. Antara elemen yang mesti dibuktikan di peringkat

pensabitan kesalahan murtad di mahkamah ialah menafikan kewujudan Allah, mensyirikkan Allah, menafikan dan mendustakan kerasulan Rasulullah, menghalalkan yang haram secara ijmak, mengharamkan perkara halal secara ijmak, menafikan perkara yang telah diijmakkkan seperti menafikan jumlah rakaat sembahyang fardhu dan menghina apa yang dimaklumi dalam Islam secara dharuri.<sup>279</sup>

Walau bagaimanapun, Seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 masih boleh diadaptasi dan dijadikan contoh untuk digubal supaya peruntukan undang-undang di setiap negeri seragam. Namun begitu, penulis berpendapat dan bersetuju dengan saranan yang dikemukakan oleh Dato' Zainul Rijal bin Abu Bakar selaku Presiden Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPMM). Beliau mencadangkan bahawa pindaan kepada seksyen 119 perlu dibuat seperti berikut:<sup>280</sup>

- (1) Mana-mana orang boleh memohon untuk mendapatkan satu keputusan (pengisyiharan) bahawa dia bukan seorang Islam daripada Mahkamah Tinggi Syariah dengan mengemukakan permohonan kepada mufti atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh mufti (mengenai hasrat untuk keluar Islam).
- (2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat:
  - i. Akuan bersumpah yang menyatakan fakta yang menyokong permohonannya;
  - ii. Apa-apa dokumen lain atau bukti yang berkaitan.
- (3) Setelah menerima permohonan di bawah subseksyen (2), pemohon dikehendaki mengemukakan apa-apa maklumat tambahan lain yang difikirkan perlu sebagaimana yang diarahkan oleh mufti atau pegawai yang diberi kuasa.

---

<sup>279</sup> *Ibid.*, 191-192.

<sup>280</sup> Zainul Rijal Abu Bakar, "Murtad Daripada Perspektif Perundangan," 100-102.

- (4) Jika maklumat yang dikehendaki mufti atau pegawai yang diberi kuasa oleh mufti tidak dikemukakan dan dalam tempoh sebagaimana yang diarahkan permohonan itu hendaklah ditolak.
- (5) Setelah diterima permohonan yang lengkap, mufti atau pegawai yang diberi kuasa hendaklah menjalankan siasatan dan sesi runding cara dalam tempoh 90 hari.
- (6) Sekiranya dalam tempoh 90 hari pemohon bersetuju untuk menarik semula permohonannya, mufti atau pegawai yang diberi kuasa hendaklah merekodkan persetujuan itu.
- (7) Menjalani pemulihan di mana-mana pusat bimbingan; atau apa-apa perintah yang difikirkan sesuai menurut hukum syarak.
- (8) Proses pemulihan akidah hendaklah dilakukan seperti berikut:
- i. Kemukakan permohonan dan disertakan dengan akuan berkanun dan dokumen ataupun bukti ke Jabatan Mufti.
  - ii. Jabatan Mufti akan menyemak permohonan dan memulakan kaunseling.
  - iii. Keputusan akan dibuat sama ada kes dirujuk kepada mahkamah atau tidak.
  - iv. Jika tidak, Jabatan Mufti akan menaubatkan si pemohon.
  - v. Jika ya, kes akan dibawa ke Mahkamah Tinggi dalam tempoh 90 hari jika perlu atau selepas permohonan memenuhi syarat.
  - vi. Mahkamah membuat siasatan dan memeriksa saksi serta meneliti keterangan.
  - vii. Rekodkan taubat.

Penulis mencadangkan bahawa kedua-dua seksyen boleh digabungkan di bawah peruntukan yang sama iaitu Seksyen 61<sup>281</sup> dan Seksyen 119<sup>282</sup> supaya lebih jelas dan nyata prosedur permohonan penentuan status agama Islam dibuat. Dengan itu peranan

<sup>281</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 (No. 1/ 2003).

<sup>282</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (No. 10/ 2003).

Peguam Syarie juga amat jelas untuk membantu golongan tersebut berada di landasan yang betul dengan mengikut garis panduan yang telah dinyatakan di dalam seksyen tersebut. Hal ini kerana, Peguam Syarie merupakan individu yang layak untuk memberi bimbingan dan nasihat kepada pemohon disebabkan mereka mempunyai kepakaran dan kemahiran terhadap prosedur permohonan tersebut.

Setelah itu, penulis juga bersetuju sekiranya pindaan undang-undang terhadap Bahagian Dua Enakmen Jenayah setiap negeri iaitu kesalahan yang berhubungan dengan aqidah dipinda dengan menambah satu seksyen iaitu kesalahan murtad.<sup>283</sup> Antara item yang perlu diperuntukkan di dalam seksyen tersebut ialah:

- (1) Apabila seseorang Islam dengan cubaan atau sengaja, sama ada dengan iktikad, perbuatan atau perkataan atau dengan cara apa jua pun, mengaku hendak keluar dari agama Islam atau mengisyiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam, Mahkamah hendaklah, jika berpuas hati bahawa seseorang itu telah cuba atau telah sengaja menukar iktikad dan kepercayaan agama Islam sama ada dengan pengakuan atau perbuatannya sendiri, memerintahkan orang itu supaya ditahan di Pusat Pemulihan untuk tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan dengan tujuan pendidikan dan orang itu diminta bertaubat mengikut Hukum Syarak.
- (2) Jika seseorang yang telah diperintahkan supaya ditahan di bawah subseksyen (1):
  - (a) bertaubat dengan serta merta, Mahkamah hendaklah setelah mengesahkan taubatnya itu, membebaskan orang tersebut; atau
  - (b) jika orang itu pada bila-bila masa semasa dalam tahanan telah bertaubat, Pegawai Penjaga hendaklah melaporkan perkara itu kepada Mahkamah dan Mahkamah hendaklah memanggil orang itu dan setelah

---

<sup>283</sup> Mohamad Zamri bin Mohamad Shapik, "Jenayah Riddah Di Malaysia: Cadangan Penyelesaian Berasaskan Maqasid Syariyyah," 192-193.

mengesahkan taubatnya itu, hendaklah membuat satu perintah untuk membebaskannya.

- (3) Pegawai Penjaga hendaklah menyerahkan satu laporan kemajuan berhubung dengan orang yang ditahan itu kepada Mahkamah pada setiap bulan.
- (4) Jika orang itu masih mengekalkan pendiriannya untuk murtad maka mahkamah boleh mensabitkannya dengan kesalahan murtad dan hendaklah menjatuhkan hukuman denda tidak lebih dari pda lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam kali atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu; atau
- (5) Mahkamah boleh mensabitkan dengan kesalahan percubaan murtad dan hendaklah menjatuhkan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Sebagai kesimpulan, undang-undang dan prosedur berkaitan kesalahan dan permohonan penentuan status agama yang tidak konsisten di negara ini menggambarkan betapa kompleksnya isu ini untuk mencapai keseragaman.<sup>284</sup> Begitu juga penglibatan Peguam Syarie dalam mengendalikan kes ini menjadi rumit apabila tiadanya panduan statut yang seragam di antara negeri.

### **5.3.2 Proses Pemelukan Islam Yang Jelas Dan Sistematik.**

Oleh kerana kebanyakan punca permohonan keluar Islam itu disebabkan oleh pengislaman pemohon adalah tidak sah dan tidak sempurna, penulis juga mencadangkan kepada Majlis Agama Islam Negeri untuk mengadakan proses pemelukan Islam yang jelas dan sistematik supaya orang bukan Islam mudah memahami syarat pemelukan

---

<sup>284</sup> Zulkifli Hasan dan Norfadhilah Mohd Ali, “Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Undang-Undang Di Malaysia,” 57.

Islam dan mengetahui akibat ataupun kesan sekiranya mereka hendak keluar Islam. Penekanan terhadap tujuan mereka memeluk agama Islam adalah penting supaya mereka tidak menyeleweng terhadap agama Islam. Satu mekanisme yang khusus dalam membuat pengesahan pemelukan Islam perlu dibuat supaya ianya tidak dipertikaikan.<sup>285</sup>

Sebagai contoh, mengadakan kursus sebelum memeluk dan selepas memeluk agama Islam supaya golongan ini diberi kefahaman Islam yang sebenar memandangkan kebanyakan kes permohonan keluar Islam adalah terdiri daripada golongan Mualaf.<sup>286</sup> Antaranya, penerangan terhadap prinsip sesungguhnya Islam tidak pernah memaksa sesiapa untuk menganut agama ini dan Islam bukanlah agama yang mendorong ke arah keganasan.<sup>287</sup> Oleh itu, individu bukan muslim yang hendak memeluk Islam hendaklah dengan hati yang suci tanpa ada agenda dan motif yang tersembunyi dan hendaklah diberitahu dengan jelas bahawa selepas dia memeluk Islam tidak boleh keluar Islam serta melakukan perkara-perkara yang menjatuhkan aqidah.

Selepas memeluk Islam, Mualaf akan diberikan jadual kelas bimbingan mengenai amalan ajaran Islam seperti solat, puasa dan sebagainya.<sup>288</sup> Kefahaman dan penghayatan terhadap Islam perlu dilakukan secara menyeluruh serta pemantauan yang berterusan. Perlu diberi pendedahan kepada mereka bahawa Islam menganggap murtad sebagai jenayah paling besar di dalam agama, malah murtad adalah suatu isu vital umat

<sup>285</sup> Muhammad Azam Muhammad Adil, “Senario Dan Sebab-Sebab Permohonan Perisyiharan Bukan Lagi Seorang Islam” 14.

<sup>286</sup> *Ibid.*,12

<sup>287</sup> Zulkifli Hasan dan Norfadhilah Mohd Ali, “Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Undang-Undang Di Malaysia,”50.

<sup>288</sup> *Ibid.*,

Islam sehinggakan isu ini ditangani oleh Islam dengan penyelesaian yang berkaitaan hidup atau mati.<sup>289</sup>

Selain itu, Majlis Agama Islam Negeri hendaklah mengadakan peraturan istitabah atau menggubal terus Enakmen Perlindungan Akidah supaya gejala ini dapat diatasi. Malah, Majlis Agama Islam Negeri disarankan membangunkan alat kayu pengukur murtad bagi mengenalpasti tahap kemurtadan seseorang. Alat berkenaan boleh dikategorikan kepada murtad awal, sederhana dan melampau. Sekiranya pemohon atau OKT mempunyai masalah psikologi seperti kecewa terhadap Islam maka ia hendaklah mengikuti proses kaunseling.

Kehadiran kaunselor yang berjiwa Islam boleh membantu pemohon memperbetulkan kekeliruan akidahnya dan kembali mengakui bahawa akidah yang sebenar adalah akidah islamiyah. Oleh itu latihan profesional perlu diberikan kepada para pembimbing. Hal ini kerana, tiada latihan kursus kaunseling dan latihan induktif Islam diberi kepada para pembimbing.<sup>290</sup>

Justeru itu, sekiranya semua usaha ini telah dilakukan tetapi pemohon atau OKT tetap memilih untuk murtad maka tiada jalan lain melainkan hakim terpaksa menjatuhkan hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang Negara<sup>291</sup> seperti penjara, buang daerah, sebat malah sehingga hukum bunuh sekalipun. Hal ini kerana, rasionalnya untuk kes mengedar dadah, membunuh, memiliki senjata api dan lain-lain

<sup>289</sup> Hizbut Tahir, “Antara Kebebasan Agama Dan Undang-Undang Murtad,” dalam *Religion Under Siege? Lina Joy, The Islamic State And Freedom Of Faith*, ed. Nathaniel Tan ( Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008), 186.

<sup>290</sup> Muhammad Azam Muhammad Adil, “Senario Dan Sebab-Sebab Permohonan Perisyntahan Bukan Lagi Seorang Islam” 14.

<sup>291</sup> Mohamad Zamri bin Mohamad Shapik, ”Jenayah Riddah Di Malaysia: Cadangan Penyelesaian Berasaskan Maqasid Syariyyah,” 193-195.

boleh dihukum dengan hukuman gantung sampai mati. Walaupun begitu, ia masih gagal untuk dikurangkan. Tidak melampau sekiranya penulis menyatakan peruntukan hukuman berat bagi kesalahan murtad perlu dilaksanakan untuk mencapai maksud mencegah dalam hukuman takzir itu sendiri. Penulis percaya walaupun peruntukan tersebut digubal masih terdapat hak rayuan atau budi bicara bagi meringankan hukuman.<sup>292</sup>

### **5.3.3 Pemacuan Kehendak Politik (*Political Will*)**

Penulis juga menyimpulkan bahawa undang-undang guaman syarie dan undang-undang murtad yang bakal digubal akan berjaya ditegakkan sekiranya wujud *political will* yang jitu dari pihak kerajaan. Oleh itu, para pemimpin politik juga hendaklah memainkan peranan yang aktif kerana rang undang-undang hanya boleh diluluskan dengan sokongan yang padu dari pemimpin politik sama ada di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri kerana mereka yang akan meluluskan undang-undang tersebut. Inilah yang dimaksudkan realiti undang-undang yang ada adalah sebagai cadangan yang dikemukakan. Maka, cadangan dan saranan tersebut boleh dilaksanakan sebenarnya kerana sifat undang-undang itu boleh digubal dan dipinda mengikut kesesuaian masa.<sup>293</sup>

### **5.3.4 Membaikpulih Sistem**

Walaupun begitu, asas kepada sesuatu langkah atau usaha untuk membendung segala masalah hendaklah dari peringkat awal iaitu *system refurbishment*. Peranan individu sebagai orang Islam untuk menangani gejala ini sangat penting tidak kira siapa pun kita

---

<sup>292</sup> Naziree Md. Yusof, "Toleransi Beragama dan Kesesuaian Hukuman Murtad di Malaysia," 16-39.

<sup>293</sup> Mohamad Zamri bin Mohamad Shapik, "Jenayah Riddah Di Malaysia: Cadangan Penyelesaian Berasaskan Maqasid Syariyyah, 195.

sama ada bergelar Peguam Syarie, Pendakwa Syarie, Pegawai Agama, Hakim Syarie dan sebagainya.

Oleh itu, proses dakwah perlu diperkasakan melalui kerjasama di antara Peguam syarie dengan Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan Mufti untuk menyelesaikan masalah ini supaya kredibiliti peguam syarie dalam mengendalikan kes ini tidak dipertikaikan. Hal ini kerana, kesedaran inilah yang digunakan untuk memperbaiki pemikiran dan kefahaman masing-masing yang menganggap enteng dan negatif terhadap penyelesaian golongan Mualaf yang hendak keluar daripada Islam. Sekiranya usaha untuk menyambut golongan Mualaf dilakukan dengan layanan mesra dan betul, barulah wajar mereka dihukum atas kesalahan murtad. Adalah tidak wajar menghukum mereka atas kesalahan yang kita lakukan tanpa disedari.

#### **5.4 Penutup**

Apabila wujud peruntukan yang dinyatakan di atas, masyarakat akan terkesan terhadap kesan dan akibat sekiranya mempersendakan agama Islam tidak kira orang Islam atau yang bukan Islam. Bahkan orang bukan Islam juga tidak akan sewenang-wenangnya masuk dan keluar Islam sesuka hati mereka. Hal ini kerana, dalam kes masuk Islam atas alasan hendak berkahwin akan memberi kesan dari sudut masalah sosial.

Oleh sebab itu, masyarakat akan jelas sekiranya hendak keluar Islam perlu memenuhi syarat-syarat tertentu yang akan membuktikan mereka betul-betul bukan Islam lagi. Kesedaran inilah yang akan menimbulkan rasa takut untuk mempermain-mainkan agama Islam. Secara tidak langsung peruntukan tersebut memberi gambaran

kepada masyarakat mengenai Peguam Syarie yang mewakili golongan tersebut di dalam kes ini. Maksudnya di sini, persepsi masyarakat akan berubah setelah memahami perwakilan bukanlah bertujuan semata-mata membantu mereka keluar daripada agama Islam, sebaliknya membantu mencari penyelesaian terhadap kekeliruan status agama mereka khususnya dalam kalangan Mualaf. Begitu juga dengan kebanyakan hakim tidak arif tentang isu ini tidak akan lagi diselubungi anggapan bahawa sekiranya meluluskan permohonan ini dikhawatirkan akan dikatakan bersubhat dengan orang zalim.

Penulis juga ingin membawa pembaca berfikir sejenak bahawa sekiranya para Peguam Syarie tidak didatangi anak guam yang ingin keluar daripada Islam, maka selagi itulah golongan Mualaf ini akan dibelenggu dengan masalah yang tiada penyelesaian. Hal ini kerana, masalah ini berpunca dari aspek dakwah dan perwakilan Peguam Syarie merupakan langkah terakhir sekiranya masalah tersebut tidak diselesaikan. Bantuan atau khidmat guaman syarie inilah yang akan mencari punca kepada masalah tersebut kemudian mencari jalan penyelesaian iaitu ruang yang ada dari sudut undang-undang.

Oleh itu, tanggungjawab untuk menyelesaikan kes ini bukan saja digalas oleh Hakim Syarie dan Peguam Syarie, malah melibatkan banyak pihak yang perlu ditangani secara bersepada seperti pihak berkuasa, keluarga Institusi Islam, NGO dan masyarakat sekeliling. Selain itu, pihak berkuasa terutama Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan Mufti hendaklah mengatasi isu ini secara berhemah dengan sentiasa memantau dan berhubungan bagi golongan yang mengalami gangguan aqidah. Di samping itu, galakan dalam pendidikan aqidah, dakwah serta *al-Amr bi al-*

*ma'rūf wa al-Nahy 'an al-Munkar* perlu dilakukan secara berterusan dan menyeluruh untuk memulihkan golongan ini.<sup>294</sup>

University Of Malaya

---

<sup>294</sup> Mahamad Naser Disa, “Pelaksanaan Bidangkuasa Mahkamah Terhadap Pemohon Perisyntiharhan Bukan Lagi Seorang Islam”, 16.

## BIBLIOGRAFI

### Buku

#### Bahasa Arab

Abādī Abī at-Ṭayyib Shams al-Ḥaq al-‘Azīm. ‘Awwun al-Ma‘būd Sharḥ Sunan Abī Dāwud “Kitāb al-Qaḍā”, no. hadith 3565. Jilid ke-9. Dār al-Fikr, 1968.

Abi Bakr, Muhammad bin Abdullah, Ibn Arabi. *Aḥkām al-Quran*. Jilid ke-4. Mesir: Maṭba‘ah ‘Isa al-Bābi al-Ḥalabi, 1967.

\_\_\_\_\_. *Hashiyah I'anah at-Tālibīn*. Jilid ke-3. Maktabah wa Maṭba‘ah Sulaymān Mar‘iy, t.t.

Abu Dāud Sulaymān Ibn al-Ash‘ath al-Sijastānī. *Sunan Abī Dāud “Kitāb al-Aqdhiyah”*, no. Hadith 3582. Jilid ke-3. Dār Ihyā’u as-Sunnah an-Nabawiyyah, t.t.

‘Abdul Karim Zaidan. *Al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Muassisah al-Risalah Nashirūn, 2006.

Ahmad Abdul Muniem al-Bahai. “Tārīkh al-Qaḍā’fi al-Islam. Mesir: Maṭba‘ah Lajnah al-Bayān al-Arabi, 1965.

Al-Albānī, Mūḥāmmād Nasīruddīn. *al Jami‘ al Ṣaghīr wa Ziyādatuhu*. Jilid ke-2. Al-Maktab al Islāmī, 1988.

Al-Khaṣṣāf. *Kitāb Sharḥ Adāb al-Qādī*. Baghdad: Maṭba‘ah al-Irshād, 1979.

Al-Nawawī. *Saḥīḥ Muslim: bi Sharḥ Nawawī*, “*Kitāb al-Aqdiyah*,” Jilid ke-11. Lubnan: Dār Aḥyā’ at Turāth al-‘Arabiyy, 1984.

\_\_\_\_\_. *Rawḍah at-Tālibīn*. Jilid ke-4. al-Maktab al-Islamī, 1966.

Al-Şan‘aniy. Muḥammad ibn Isma‘il. *Subul al-Salām*. Jilid ke-3. Bandung: Dahlan, t.t.

Al-Sarakhasi. *Kitāb al-Mabsūt li Shamsuddīn*. Jilid ke-9. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1978.

Al-Sayūṭī. *al-Ashbāḥ wa al-Naẓāir fī Qawā'id wa Furū' Fiqh al-Shāfi'iyyah*, t.t.

Al-Shāfi'i, Muḥammad Ibn Aḥmad. *Nihāyah al-Muḥtaṭāj ila Sharḥ al-Minhāj: fī al-Fiqh 'ala Madhhab al-Imām al-Shāfi'i*. Jilid ke-5. Maktabah wa Maṭba‘ah Muṣṭafa al-Bābiy al-Ḥalabī wa Awlāduhu, 1967.

Al-Tarabulusiy, ‘Ali Bin Khalil. *Mu‘ayyin al-Hukkām*. Jilid ke-2. Mesir: Maktabah wa Maṭba‘ah Muṣṭafa al-Bābiy al-Ḥalabī wa Awlāduhu, 1973.

Hisamuddīn ‘Umar ‘Abdul ‘Azīz. *Kitāb Sharḥ Adāb al-Qādī*. Jilid ke-3. Bagdad: Maṭba‘ah al-Irshād, 1978.

Ibn Abī al-Dām. *Kitāb Adāb al-Qaḍā'*. Dār al-Fikr, 1982.

Ibn Farḥūn. *Tabṣirah al-Hukkām*. Jilid Pertama. Beirut: Dār al-Kutb al-‘Ilmiyyah, 2006.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. *Fath al-Baṛī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, “Bab al Wakālah Fi al-Hudūd”, no. Hadith 2316. Jilid 4. Dār al-Bayān al-‘Arabi, 2007.

Ibnu Qayyim Al-Jawziyyah. *At-Turuq al-Hukumiyyah*. Al-Qāhirah: al-Muassisah al-‘Arabiyyah, 1961.

Muhammad Zuhaylī. *al Mu’tamad fi al Fiqh al Shāfi’i*. Jilid ke-3. Damshiq: Dār al-Qalam, 2007.

Muṣṭafa al-Khin, Muṣṭafa al-Bugha, ‘Ali ash-Sharbaji. *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-Imām Shāfi’i*. Jilid ke-8. Damshiq: Dār al-Qalam, 1992.

\_\_\_\_\_. *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-Imām Shāfi’i*. Jilid ke-7. Damshiq: Dār al-Qalam, 1992.

Shahabuddin, Abī Ishāq Ibrāhīm Bin ‘Abdullah. *Kitāb Adāb al Qadā*. Jilid ke-2. Damshiq: Dār al Fikr, 1982.

Shirbini, Muhammad Ibn Ahmad. *Mughni al-Muhtāj*. Jilid ke-2 dan Jilid ke-3. Beirut: Dār al-Ma’rifah, 1997.

Wahbah al-Zuhayli. *al-Fiqh al Islāmiy wa Adallatuhu*. Jilid ke-5. Dār al-Fikr, 2002.

Wizārah al Awqāf wa Shu’ūn al Islāmiyah. *al Mawsū‘ah al Fiqhiyyah*. Jilid ke-45. Al Kuwait, 2006.

Zaydān, 'Abdul Karīm. *al-Wajīz fi 'Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Mu'assisah al-Risālah Nashirūn, 2006.

### **Bahasa Inggeris**

Abdul Ghafur Hamid@Khin Maung Sein. *Human Rights Law: International, Malaysia and Islamic Perspectives*. Petaling Jaya, Selangor: Thomson Reuters Malaysia Sdn Bhd, 2012.

Farid Sufian Shuaib, Tajul Aris Ahmad Bustami dan Mohd Hisham Mohd Kamal. *Administration Of Islamic Law In Malaysia:Text And Materials*. Petaling Jaya, Selangor: LexisNexis, 2010.

### **Bahasa Melayu**

Abdul Aziz Bari. *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia And Publication, 2005.

Abu Mazaya al-Hafiz dan Abu Izzat al-Sahafi, ed., *Fiqh Jenayah Islam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2004.

Afzalur Rahman. *Ensiklopedia Sirah Sunah, Dakwah dan Islam*, terj. Zaharah Salleh. Jilid 1. cet.2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

Ann Wan Seng. *Murtad Jangan Pandang Sebelah Mata*. Kuala Lumpur: Mustread Sdn Bhd, 2010.

Mahmud Saedon A. Othman. *Undang-Undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.

Mohd Radzuan Ibrahim. *Munakahat: Undang-Undang & Prosedur*. Ampang Selangor: Dri Publishing House, 2006.

Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha, ‘Ali ash-Sharbaji. *Al-Fiqh Al-Manhaji Mazhab Al-Syafie*, terj. Zulkifle Mohamad al-Bakri et al., Jilid ke-5. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011.

M. Nashiruddin Al-Alban. *Ringkasan Shahih Bukhari*. Jilid ke-2. Jakarta: Gema Insani, 2007.

Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd. Hisham Mohd. Kamal dan Farid Sufian Shuaib. *Kaedah Perundangan Bidang Kuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.

Wahbah al-Zuhayli. *Fiqh dan Perundangan Islam*. terj. Md Akhir Yaacob et al., Jilid ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.

### **Bab Dalam Buku**

Abdul Monir Yaacob. “Etika Peguam Menurut Perspektif Islam.” Dalam *Etika Hakim Dan Peguam*, ed. Abdul Monir Yaacob, 117-148. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2000.

Abdullah Abu Bakar. "Guaman Syar'i: Antara Teori Dan Praktikal." Dalam *Al-Ahkam Penghakiman Dan Kepeguanan*, ed. Ahmad Ibrahim et al. Jilid ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2000.

Ahmad Mohamed Ibrahim. "Undang-undang Keluarga Islam Di Malaysia," Dalam *Isu Syariah Dan Undang-Undang*, ed. Jafri Khalil dan Abdul Basir bin Mohamad. Siri ke-6. Bangi: Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999.

Amir Hussin Mohd Nor dan Mohd Zaini Yahya. "Negara Islam: Kajian Terhadap Perlembagaan Malaysia." Dalam *Syariah Dan Undang-Undang Suatu Perbandingan*, ed.Zaini Nasohah et al., 3-17. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2004.

Hizbut Tahir. "Antara Kebebasan Agama Dan Undang-Undang Murtad." Dalam *Religion Under Seige? Lina Joy, The Islamic State And Freedom Of Faith*, ed. Nathaniel Tan, 181-188. Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008.

Mohamad Zamri bin Mohamad Shapik. "Jenayah Riddah Di Malaysia: Cadangan Penyelesaian Berasaskan Maqasid Syariyyah." Dalam *Undang-Undang Syariah Di Malaysia*, ed. Abdul Karim Ali dan Mohd Roslan Mohd Nor, 165-199. Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia, 2012.

Mohamed Azam Mohamed Adil. "Kesan Dan Implikasi Pertukaran Agama Dalam Perundangan Malaysia." Dalam *Undang-Undang Islam Di Mahkamah-Mahkamah Syariah Di Malaysia*, ed.Ahmad Hidayat Buang, 31-43. Kuala Lumpur, Universiti Malaya: Jabatan Syariah dan Undang-undang Akademi Pengajian Islam, 1998.

Mohamed Sazali Abdul Aziz. "Peranan Peguambela Dalam Kes-kes Jenayah Syariah." Dalam *Pendakwaan Dan Penyiasatan Konsep Dan Amalan*, ed. Abdul Monir Yaacob dan Siti Shamsiah Md. Supi, 185-191. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2003.

Mohd Hisham Mohd Kamal. "Kebebasan Beragama Dan Isu Riddah Dari Perspektif Syariah." Dalam *Isu-Isu Kebebasan Beragama Dan Penguatkuasaan Undang-Undang Moral*, ed. Mohd Hisham Mohd Kamal dan Shamrahayu A.Aziz, 53-76. Selangor: Jabatan Undang-Undang Islam Antarabangsa Malaysia, 2009.

Mohd Murtadza Ahmad. "Murtad Dan Implikasinya Terhadap Syariah," Dalam *Isu-Isu Kebebasan Beragama Dan Penguatkuasaan Undang-Undang Moral*, ed. Mohd Hisham Mohd Kamal dan Shamrahayu A.Aziz, 18-27. Selangor: Jabatan Undang-Undang Islam Antarabangsa Malaysia, 2009.

Muhamad Burok. "Isu Dan Permasalahan Guaman Syarie Ke Arah Penubuhan Majlis Peguam Syarie," Dalam *Amalan Kehakiman Dan Guaman Syarie Di Malaysia*, ed. Zulkifli Hasan, Abd Hamid Abd Murad dan Arif Fahmi Md. Yusof, 91-104. Universiti Sains Islam Malaysia, 2007.

Siti Zalikhah Md. Nor. “*Al-Wakalah Bi Al-Khusumah*” Dalam *Al-Syariah Kehakiman Islam*, ed. Siti Zalikhah Md. Nor et al., 193-201. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.

Siti Zubaidah Ismail. “Hak Tertuduh Dalam Kesalahan Jenayah Syariah,” Dalam *Undang-Undang Islam di Malaysia Prinsip dan Amalan*, ed. Ahmad Hidayat Buang. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007.

Zainul Rijal Abu Bakar. “Murtad Daripada Perspektif Perundangan,” dalam *Murtad Jangan Pandang Sebelah Mata*, ed. Ann Wan Seng, 96-102. Kuala Lumpur: Mustread Sdn Bhd, 2010.

Zulkifly Muda. “Jenayah Riddah: Implikasi dan Penyelesaiannya dari Perspektif Syariah Islam” Dalam *Isu-Isu Kebebasan Beragama Dan Penguatkuasaan Undang-Undang Moral*, ed. Mohd Hisham Mohd Kamal dan Shamrahayu A.Aziz. 29-44. Selangor: Jabatan Undang-Undang Islam Antarabangsa Malaysia, 2009.

## **Artikel**

Abdul Monir Yaacob. “Murtad Menurut Hukum Syarak Dan Undang-undang,” *Jurnal Ikim* 3, 1,(1995): 109.

Abdullah Abu Bakar. “Sudut: Acara Jenayah Islam,” *Jurnal Hukum* 6, 2 (Ogos 1989): 216-238.

Ahmad Ibrahim. "Penyelesaian Masalah Murtad Dalam Ruang Lingkup Undang-Undang Malaysia Yang Ada," *Jurnal Hukum* 12 (1998): 33-35.

Daud Bin Muhammad. "Peguam Syarie Dalam Institusi Qada," *Jurnal Hukum* 26, 2 (September, 2008): 137-168.

Fauziah Mohd Noor. "Serbuan Dalam Kes Khalwat Di Malaysia– Konflik Antara Etika Dalam Islam Dan Maqasid As-Syari'ah," *Jurnal Hukum*: 1-18.

Mahmud Saedon Awang Othman. "Peguam Syarie: Cabaran Dan Penyelesaiannya," *Jurnal Hukum* 8, 2 (Ogos, 1993): 191-223.

Md Zawawi Abu Bakar. "Isu-isu Peguam Syarie Di Malaysia," *Jurnal Syariah* 2, 1 (Januari, 2003): 109-133.

Mohamed Azam Mohamed Adil. "Peguam Syarie: Masa Depan Dan Cabarannya Di Malaysia," *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia* (Mac, 1996): 1-16.

Muhd Najib Abdul Kadir. "Kezaliman Manusia Di Sisi Allah Ta'ala Menurut Al-Quran", *Islamiyyat* 23 (2002): 27-37.

Naziree Md. Yusof. "Toleransi Beragama dan Kesesuaian Hukuman Murtad di Malaysia," *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia* 18 (Mac 2006): 1-39.

Raihanah Abdullah. "Penangguhan Kes Di Mahkamah Syariah: Cabaran Dan Penyelesaian", *Jurnal Syariah* 17,1 (Jan-April 2009): 1-30.

Sheikh Ghazali Bin Haji Abd. Rahman. "Proses Penghakiman Dan Menjatuhkan Keputusan Di Mahkamah Syariah: Satu Penilaian", *Jurnal Hukum* 19, 2 (Mei 2005): 189-216.

\_\_\_\_\_. "Amalan-amalan Pentadbiran Di Mahkamah Syariah," *Jurnal Hukum* 20, 2 (Nov 2005): 164-186.

Yusmarizza Md. Isa & Yuhanif Yusof. "Implikasi Kes Lina Joy: Satu Keperluan kepada Penyeragaman Prosedur Keluar Islam (Murtad) oleh Mahkamah Syariah", *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia* 19, 3 (September 2007): 1-14.

Zaleha Kamaruddin. "Memacu Transformasi Perundangan Islam Di Malaysia," *Jurnal Hukum* 32, 1 (Mac 2011): 1-11.

Zulkifli Hasan dan Norfadhilah Mohd Ali. "Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Undang-Undang Di Malaysia," *Shariah Law Reports* 1 (Jan-Mac 2007): 44-58.

### **Kertas Kerja Persidangan**

Mahamad Naser Disa. "Pelaksanaan Bidangkuasa Mahkamah Terhadap Pemohon Perisyntiharan Bukan Lagi Seorang Islam" (Kertas Kerja Muzakarah Pakar 2011 Menangani Isu Murtad Anjuran: Jabatan Mufti Negeri Selangor, Dewan Seminar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, 12 Oktober 2011).

Mohd Shakir Bin Abdul Hamid. “Pembuktian Kes-kes Status Agama” (Kertas Kerja Seminar Isu-Isu Mahkamah Syariah Ke-12 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2 November 2011).

Muhammad Azam Muhammad Adil. “Senario Dan Sebab-Sebab Permohonan Perisyntiharan Bukan Lagi Seorang Islam” (Kertas Kerja Muzakarah Pakar 2011 Menangani Isu Murtad Anjuran Jabatan Mufti Negeri Selangor, Dewan Seminar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, 12 Oktober 2011).

Mohamed Azam Mohamed Adil, Zaleha Kamaruddin, Sahari Nordin, Nik Ahmad Hisham, Hasan Bahrom, Fauziah Moh Nor, Nurhani Salwa Jamaluddin dan Juraish Kamaruddin. “Murtad Dan Kebebasan Beragama: Satu Kajian Kes Di Selangor” (Kajian Yang Dikemukakan Kepada Majlis Agama Islam Selangor, Disember 2010), 94-95.

Zainul Rijal Abu Bakar. “Peranan Dan Etika Peguambela Syarie Terhadap Pemohon Perisyntiharan Bukan Lagi Seorang Islam” (Kertas Kerja Muzakarah Pakar 2011 Menangani Isu Murtad, Anjuran Jabatan Mufti Negeri Selangor, Dewan Seminar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, 12 Oktober 2011).

Zulkifli Mohammad Al-Bakri. "Pandangan Ulama' Terhadap Pemohon Pengisytiharan Bukan Lagi Seorang Islam dan Pelaksanaan Proses Istitabah" (Kertas Kerja Muzakarah Pakar 2011 Menangani Isu Murtad, Anjuran Jabatan Mufti Negeri Selangor, Dewan Seminar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, 12 Oktober 2011).

### **Rujukan Akhbar**

Hayati Ibrahim, "Jual Agama Peguam Syarie Bantu Saudara Seagama, Muallaf Murtad Diselar," *Harian Metro*, 5 Oktober 2012, 25.

### **Laman Sesawang**

Che Mat Che Ali, "Pentingnya Peguam Syarie Membela Anakguam," laman sesawang *Youtube* *Akarimomar*, dicapai 11 Jun 2013, <http://www.youtube.com/watch?v=4thP6LKb4ws>.

Hamizah Basir, "686 Permohonan Murtad Direkod", laman sesawang *Sinar Harian*, dikemaskini 8 Januari 2012, dicapai 19 Mac 2012, <http://www.sinarharian.com.my/nasional/686-permohonan-murtad-direkod-1.17020>.

"Jamil Khir: Pelajar Undang-undang Syariah Tidak Semestinya Jadi Peguam Syarie", laman sesawang *Sinar Harian*, dikemaskini 19 Mac 2012, dicapai 23 Mac 2012, <http://www.sinarharian.com.my/nasional/jamil-khir-pelajar-undaung-undang-syariah-tidak-semestinya-jadi-peguam-syarie-1.33554>.

“Jamil Khir: Permohonan Murtad 135 orang diluluskan”, laman sesawang *Malaysiakini*, dikemaskini 14 Jun 2011, dicapai 19 Mac 2012,  
<http://www.malaysiakini.com/news/166920>.

Khairuddin Haiyon, “Murtad Saudara Baru”, laman sesawang *Jais*, dicapai 28 September 2011,  
[http://www.jais.gov.my/index.php?option=com\\_content&task=view&id=944&itemid=1](http://www.jais.gov.my/index.php?option=com_content&task=view&id=944&itemid=1)

Mohd Asri Zainal Abidin, “Isu Siti Fatimah Tan,” laman sesawang *Youtube Akarimomar*, dicapai 20 Disember 2014,  
<https://www.youtube.com/watch?v=-yMvwePGQ5A>.

Musa Awang, “Tangani Isu Murtad,” laman sesawang *MyMetro*, dicapai 13 Mei 2013,  
<http://www.hmetro.com.my/myMetro/Articles/Tanganiisumurtad/Article/index.html>.

Tamyes Abdul Wahid, “Pentingnya Peguam Syarie Membela Anakguam,” laman sesawang *Youtube Akarimomar*, dicapai 11 Jun 2013,  
<http://www.youtube.com/watch?v=4thP6LKb4ws>.